

TINGKAH LAKU BULI DALAM KALANGAN PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA DI
SARAWAK.

MAHADI BIN HJ KHALID

Disertasi ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Psikologi Pendidikan)

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

MEI 2007

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan)”

Tandatangan :

Nama Penyelia : **PROF. MADYA DR. OTHMAN BIN MD. JOHAN**

Tarikh :

PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan: _____

Nama Penulis: MAHADI BIN HJ KHALID

Tarikh: _____

Khas untuk semua insan yang menyokong usaha ini...

“Ilmu pengetahuan bukan ciptaan manusia, tetapi rahsia takdir Tuhan yang dipinjamkan kepada manusia. Oleh itu, manusia tidak harus berlaku sombong dengan ilmu pengetahuan yang dimiliki, malah sepatutnya bersyukur.”

(Hamka)

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. Dengan izin-Nya serta limpah kurnia-Nya yang telah menganugerahkan kekuatan, ketabahan dan kesihatan kepada saya, maka terlaksana jua usaha untuk menyempurnakan kajian ini.

Setinggi –tinggi terima kasih dan penghargaan saya ucapkan kepada pensyarah penyelia kajian ini iaitu Prof. Madya Dr. Othman bin Md. Johan atas segala ilmu pengetahuan, kesabaran, dedikasi dan pengorbanan yang dicurahkan sehingga saya dapat menyelesaikan kajian ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada Dr. Azlina Mohamad Kosnin, Dr. Zainudin Abu Bakar dan Dr. Al-Muz Zammil Yasin, serta semua pensyarah Fakulti Pendidikan, UTM yang telah mencurahkan ilmu-ilmu yang tidak ternilai harganya sepanjang saya berada di bumi UTM ini. Juga kepada Encik Mohamad Fatmi Shah, Cik Mastura Mahfar, Dr. Hj Rosana Bolhassan dan Encik Azhar Md. Sabil yang banyak memberikan bimbingan dan idea-idea dalam menyempurnakan soal selidik kajian ini.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada pihak pentadbir, guru-guru dan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di seluruh negeri Sarawak Bumi Kenyalang, terima kasih daun keladi. Kajian ini tidak mungkin dapat direalisasikan tanpa bantuan anda semua.

Ucapan penghargaan juga saya tujukan kepada semua pihak yang telah terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menjalankan kajian ini khususnya Pengarah Institut Perguruan Batu Lintang, rakan-rakan di Jabatan Pengajian Islam Dan Moral, IPBL. Tidak dilupakan juga kepada staf-staf di Sektor Pendidikan Islam dan Moral, JPN Sarawak khususnya Ustaz Husin Marip dan Dr. Azhar Ahmad, terima kasih yang tidak terhingga.

Penghargaan juga buat keluarga iaitu Wan Anura Wan Omar, Athira Huwaini, Wan Arif Haikal Alhadi dan juga mak ayah, terima kasih kerana sanggup berkorban masa dan tenaga. Juga kepada rakan-rakan iaitu Ramlan, Rusly, Zurhana dan semuanya yang tidak dapat disebutkan di sini kerana banyak membantu serta mendoakan kejayaan saya.

Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada Narsih, Ustaz Haki, Ustazah Norazlina, Bang Din, Kak Tie, Kak Intan, Encik Rashid, Ustazah Junita, Puan Vie dan Encik Nazari di atas keprihatinan yang ditunjukkan sewaktu saya berada di Johor.

Semoga usaha ini dapat memberikan sumbangan yang amat bermakna kepada dunia pendidikan yang sangat kita cintai. Sesungguhnya darjat insan berilmu itu lebih baik di sisi Allah S.W.T.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tingkah laku buli dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak yang meliputi jenis tingkah laku buli, ciri-ciri tingkah laku buli, punca-punca tingkah laku buli, kesan tingkah laku buli dan keberkesanan program pencegahan sedia ada dalam mengatasi masalah tingkah laku buli. Seramai 400 orang responden telah dipilih berdasarkan kaedah persampelan rawak berstrata iaitu persampelan berdasarkan ciri populasi. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik yang dibina oleh pengkaji iaitu soal selidik Hubungan Rakan Sebaya dan Skala Pelbagai Dimensi Pemangsaan Rakan Sebaya. Kaedah uji ulang uji digunakan di mana nilai korelasi yang diperolehi bagi soal selidik Hubungan Rakan Sebaya adalah 0.790 dan Skala Pelbagai Dimensi Pemangsaan Rakan Sebaya pula adalah 0.810. Statistik deskriptif iaitu peratus dan min digunakan untuk menganalisis data kajian. Hasil kajian menunjukkan tingkah laku buli dari jenis verbal merupakan tingkah laku buli yang paling dominan dilakukan oleh pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak. Ciri-ciri tingkah laku buli dari jenis fizikal merupakan ciri-ciri tingkah laku buli yang paling dominan dilakukan oleh pembuli dan mangsa buli berbanding ciri-ciri tingkah laku buli emosi. Hasil kajian juga mendapati bahawa punca tingkah laku buli fizikal yang sering dilakukan dalam kalangan pelajar yang menjadi pembuli adalah untuk menunjukkan dirinya kuat, umurnya lebih tua dan suka berbangga dengan dirinya manakala punca tingkah laku buli fizikal yang sering berlaku dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli adalah seperti umurnya yang lebih muda, tubuh badan yang nampak kelakar dan tidak disukai oleh pembuli. Kesan fizikal yang wujud dalam kalangan pembuli adalah seperti suka melanggar peraturan sekolah, suka mencederakan orang lain dan terlibat dengan jenayah manakala kesan fizikal yang wujud dalam kalangan mangsa buli pula adalah seperti suka ponteng sekolah atau kelas dan tidak suka melakukan aktiviti berkumpulan. Hasil kajian juga mendapati bahawa penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sekolah merupakan antara program yang amat berkesan untuk mengawal tingkah laku buli dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Justeru itu, sebagai orang yang paling rapat dengan pelajar, penglibatan ibu bapa dalam setiap program pencegahan yang dijalankan oleh pihak sekolah adalah sangat diperlukan. Beberapa cadangan telah dikemukakan seperti kerjasama pihak luar seperti Polis, Pihak Berkuasa Tempatan dan penglibatan masyarakat adalah perlu untuk mencegah dan menghentikan tingkah laku buli dari terus berleluasa.

ABSTRACT

The purpose of the study was to identify bully behavior among Religious Secondary School (RSS) students in Sarawak. The study was to identify the types of bullying, characteristics of bullying, factors of bullying, effects of bullying and the effectiveness of the programs to controlled bully behavior in Religious Secondary School. A total of 400 students have been chosen by stratified random sampling based on population characteristic. The instrument used in this study was developed by the researcher based on Peer Relations Questionnaire and Multidimensional Peer Victimization Scale. Test re-test was used to determine the reliability and the correlation for Peer Relations Questionnaire is 0.790 and the correlation for Multidimensional Peer Victimization Scale is 0.810. Descriptive statistic comprising of percentage and mean were used to analyze the data. The result showed that verbal behavior was the dominant bully behavior among the students. The physical characteristic was the dominant characteristic among the bullies and their victims as compared to emotional characteristic. It was also found that the physical factors such as showing that they are strong, they are older and always proud of themselves were dominant among the bullies. The result also showed that physical factors, for example they are younger; have a funny physical feature and dislike by the bullies were the physical factors among the bullies' victims. The physical effects among the bullies were breaking the school rules, injuring somebody and involving in crime. The physical effects among the bully victims were absent from school or class and do not like to be involved in group activities. The result also showed that parents' involvement in school activities was effective in controlling bully behavior among Religious Secondary School students. Involvement by the Police Force, Local Authorities and Society was needed to prevent and eliminate bully behavior.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	ii
	PENGAKUAN	iv
	DEDIKASI	v
	PENGHARGAAN	vi
	ABSTRAK	viii
	ABSTRACT	ix
	KANDUNGAN	x
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xvi
	SENARAI SINGKATAN	xvii
	LAMPIRAN	xviii

BAB I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	6
1.3	Pernyataan Masalah	14
1.4	Objektif Kajian	17
1.5	Persoalan Kajian	18
1.6	Rasional Kajian	20
1.7	Kepentingan Kajian	22
1.8	Skop Kajian	23
1.9	Batasan Kajian	24
1.10	Kerangka Teori	25
1.11	Kerangka Konsep	32
1.12	Definisi Istilah	34
1.13	Penutup	41

BAB II TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	42
2.2	Definisi Tingkah Laku Buli	42
2.3	Teori-Teori Berkaitan Tingkah Laku Buli	45
	2.3.1 Teori Pembelajaran Sosial Bandura	46
	2.3.2 Teori Psikososial Erik Erikson	49
	2.3.3 Teori Hirarki Keperluan Maslow	50
	2.3.4 Teori Psikoanalisis Freud	51
2.4	Masalah Tingkah Laku Buli Di Sekolah	52
2.5	Jenis Tingkah Laku Buli	54
2.6	Punca Tingkah Laku Buli	57
2.7	Ciri-Ciri Pembuli	61
2.8	Ciri-Ciri Mangsa Buli	62
2.9	Kesan Tingkah Laku Buli	64
2.10	Program Pencegahan	66
2.11	Penutup	67

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	69
3.2	Reka Bentuk Kajian	69
3.3	Tempat Kajian	70
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	70
	3.4.1 Kaedah Persampelan	71
3.5	Instrumen Kajian	74
	3.5.1 Soal Selidik	76
	3.5.2 Kaedah Terjemahan Soal Selidik	80

	3.5.3	Kajian Rintis	81
	3.5.4	Kesahan Instrumen	82
	3.5.5	Kebolehpercayaan Instrumen	83
	3.6	Prosedur Pengumpulan Data	84
	3.7	Analisis Data	85
	3.7.1	Min	85
	3.8	Penutup	88
BAB IV		DAPATAN KAJIAN	
	4.1	Pengenalan	89
	4.2	Analisis Latar Belakang Responden	89
	4.3	Analisis Deskriptif Berdasarkan Persoalan Kajian	92
	4.4	Penutup	153
BAB V		RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
	5.1	Pengenalan	154
	5.2	Rumusan Dapatan	154
	5.3	Perbincangan Hasil Dapatan Kajian	157
	5.4	Cadangan Dan Implikasi Kajian	171
	5.5	Cadangan Kajian Akan Datang	175
	5.5	Penutup	177
		RUJUKAN	178
		SOAL SELIDIK	192
		LAMPIRAN	199

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 2.1	Jenis-jenis tingkah laku buli	55
Jadual 2.2	Profil diri mangsa buli	64
Jadual 3.1	Taburan populasi dan bilangan sampel mengikut SMKA di Sarawak	71
Jadual 3.2	Konstruk Instrumen kajian	75
Jadual 3.3	Kandungan soalan soal selidik	80
Jadual 3.4	Tahap persepsi tingkah laku buli	86
Jadual 3.5	Tahap persepsi ciri-ciri, punca dan kesan tingkah laku buli	86
Jadual 3.6	Tahap persepsi program pencegahan	86
Jadual 3.7	Jadual ringkasan pengujian statistik persoalan kajian	87
Jadual 4.1	Taburan bilangan responden mengikut jantina	90
Jadual 4.2	Taburan bilangan responden mengikut tingkatan	90
Jadual 4.3	Taburan bilangan responden mengikut keturunan	90
Jadual 4.4	Taburan bilangan responden menetap di asrama	91
Jadual 4.5	Taburan bilangan responden mempunyai kecacatan Fizikal	91
Jadual 4.6	Taburan bilangan responden mengikut penglibatan dengan tingkah laku buli	92
Jadual 4.7	Min keseluruhan jenis-jenis tingkah laku buli	93
Jadual 4.8	Kekerapan jenis tingkah laku buli fizikal	96
Jadual 4.9	Kekerapan jenis tingkah laku buli verbal	99
Jadual 4.10	Kekerapan jenis tingkah laku buli antisosial	102
Jadual 4.11	Min keseluruhan ciri-ciri pembuli	104
Jadual 4.12	Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan ciri-ciri tingkah laku buli fizikal pembuli	106

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 4.13	Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan ciri-ciri tingkah laku emosi pembuli	108
Jadual 4.14	Min keseluruhan ciri-ciri mangsa buli	109
Jadual 4.15	Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan ciri-ciri tingkah laku fizikal mangsa buli	112
Jadual 4.16	Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan ciri-ciri tingkah laku emosi mangsa buli	114
Jadual 4.17	Min keseluruhan punca-punca tingkah laku buli dalam kalangan pembuli	115
Jadual 4.18	Taburan responden mengikut peratus bagi Kekerapan punca-punca fizikal dalam kalangan pembuli	116
Jadual 4.19	Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan punca-punca emosi dalam kalangan pembuli	118
Jadual 4.20	Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan punca-punca pengaruh luar dalam kalangan pembuli	120
Jadual 4.21	Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan punca-punca lokasi dalam kalangan pembuli	123
Jadual 4.22	Min keseluruhan punca-punca tingkah laku buli dalam kalangan mangsa buli	125
Jadual 4.23	Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan punca-punca fizikal dalam kalangan mangsa buli	129
Jadual 4.24	Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan punca-punca emosi dalam kalangan mangsa buli	131

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 4.25	Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan punca-punca pengaruh luar dalam kalangan mangsa buli	134
Jadual 4.26	Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan punca-punca lokasi dalam kalangan mangsa buli	136
Jadual 4.27	Min keseluruhan kesan-kesan tingkah laku buli terhadap pembuli	137
Jadual 4.28	Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan kesan tingkah laku buli fizikal terhadap pembuli	140
Jadual 4.29	Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan kesan tingkah laku buli emosi terhadap pembuli	142
Jadual 4.30	Min keseluruhan kesan-kesan tingkah laku buli terhadap mangsa buli	143
Jadual 4.31	Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan kesan tingkah laku buli fizikal dalam kalangan mangsa buli	146
Jadual 4.32	Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan kesan tingkah laku buli emosi dalam kalangan mangsa buli	148
Jadual 4.33	Taburan responden mengikut peratus dan min bagi keberkesanan program pencegahan sedia ada dalam mengatasi masalah tingkah laku buli di SMKA	152

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Model Tingkah Laku Buli Berasaskan Teori Pembelajaran Sosial Bandura	29
Rajah 1.2	Kerangka Konsep Tingkah Laku Buli Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Di Sarawak	33
Rajah 2.1	Teori Pembelajaran Sosial Tentang Keagresifan	47

SENARAI SINGKATAN

SMKA	-	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
PPG	-	Pegawai Pelajaran Gabungan

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Surat Kebenaran Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) KPM
B	Surat Kebenaran Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak
C	Pengesahan Keesahan Kandungan
D	Pengesahan Alih Bahasa

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pelajar merupakan elemen atau aset penting dalam negara dan bakal menjadi pemimpin negara pada masa hadapan. Mereka merupakan golongan yang akan terus melaksanakan program pembangunan negara untuk mencapai Wawasan 2020. Pembangunan negara yang pesat dalam sektor ekonomi, sosial dan budaya serta perkembangan teknologi maklumat telah membawa bersama gejala sosial yang negatif dalam kalangan remaja sekolah. Keruntuhan akhlak dan nilai-nilai moral serta gaya hidup yang tidak sihat telah memberi kesan yang buruk kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Tajuk-tajuk berita yang membabitkan tingkah laku buli seperti “400 pelajar dikenal pasti langgar disiplin”, “ibu bapa patut bantu sekolah atasi gejala sosial”, “buli gugat semangat belajar” dan “kerjasama penting bagi banteras gengsterisme” banyak dipaparkan di akhbar-akhbar tempatan pada masa kini. Berita-berita seperti ini sudah pasti membayangkan kemerosotan disiplin pelajar dan masalah disiplin di sekolah-sekolah pada masa kini memang amat serius sehingga mencapai tahap yang amat membimbangkan.

Institusi sekolah merupakan pusat untuk membentuk jati diri dan pengisian ilmu. Remaja iaitu pelajar yang menjadi ahli dalam institusi tersebut merupakan harapan agama, bangsa dan negara bagi menerajui kepimpinan negara pada masa hadapan. Tugas mendidik remaja merupakan satu tugas yang penuh dengan cabaran dan amat rumit. Semua pihak yang terlibat dalam institusi sekolah seperti pihak

kerajaan, pentadbir, guru, ibu bapa dan murid memikul tanggungjawab yang besar dalam menentukan kejayaan generasi anak bangsa di masa hadapan.

Zaman remaja dikatakan zaman yang paling unik sekali dalam kehidupan seseorang. Dari aspek fizikal, berlaku perubahan jasmani dan kematangan seksual untuk remaja. Dari segi sosialnya, wujud usaha untuk mencapai kebebasan daripada kongkongan ibu bapa dan kebebasan untuk mencari identiti tersendiri (Mohd Mahzan, 1997).

Golongan remaja atau belia ditakrifkan sebagai mereka yang dalam lingkungan umur selepas zaman kanak-kanak dan sebelum memasuki usia dewasa. Umumnya mereka yang berusia 15 ke 25 membawa ke 30 tahun. Ia juga ditakrifkan sebagai mereka yang sudah baligh hingga berumur sekitar 25 tahun. Ini menepati syariat Islam yang mewajibkan pelaksanaan Rukun Islam seperti sembahyang, puasa dan lain-lain ibadat (Kamal Abdul Manaf, 1998).

Ahli psikologi perkembangan Barat sebenarnya masih belum mencapai kata sepakat apabila menentukan golongan yang dikatakan remaja. Di negara kita, golongan berpendidikan tinggi lebih cenderung membuat sedikit perbandingan di antara remaja dan belia. Walaupun perbezaannya masih belum jelas tetapi ia dapat memberi gambaran perbandingan di antara dua istilah itu (Mohd Mahzan, 1997).

Menurut Mohd Daud (1994), biasanya remaja adalah mereka yang berada dalam lingkungan umur belasan tahun. Secara amnya, golongan remaja berumur antara 11 hingga 19 tahun. Terdapat beberapa istilah yang sering dikaitkan dengan remaja. Antaranya ialah awal belia, anak muda dan orang muda. Istilah lain yang berkaitan pula digunakan bagi menerangkan sifat umum yang ada pada diri remaja itu sendiri, seperti baligh dan matang. Perkataan *juvenil* juga sering disebut kerana ia berkait dengan remaja.

Kamus Dewan (2002) mendefinisikan bahawa remaja bermaksud mulai dewasa, sudah akil baligh dan sudah cukup umur berkahwin. Ada banyak pengertian yang dapat dihuraikan apabila perkataan remaja dibincangkan. Walau bagaimanapun,

banyak pihak bersetuju, tahap remaja adalah tahap umur berkembang dan melibatkan sesetengah perubahan.

Daripada perspektif Islam pula, belia dikaitkan dengan umur baligh. Di dalam al-Quran ada disebut perkataan '*fata*' dan dalam hadis pula disebut perkataan '*syabab*'. Kedua-duanya membawa maksud pemuda atau belia. Menurut Islam, manusia ditentukan kewajipan melaksanakan tanggungjawab kepada Allah Taala, Rasulullah dan masyarakat. Justeru itu, Islam menetapkan usia baligh dan akal sempurna sebagai faktor penentu. Menentukan umur baligh penting bagi menentukan sama ada remaja itu sudah sampai tahap mukalaf ataupun tidak. Mukalaf bermaksud orang yang sudah cukup umur dan diwajibkan mematuhi hukum-hakam Islam. Mereka dipertanggungjawabkan ke atas segala tingkah laku serta perbuatan mereka (Hamid Fahmy Zarkasyi, 1990).

Menurut ahli perundangan Islam, syarat pertama bagi menentukan baligh dilihat kepada lima perkara iaitu tiga untuk lelaki dan dua untuk perempuan (Hamid Fahmy Zarkasyi, 1990). Tanda baligh bagi lelaki adalah bermimpi berserta keluar mani, pertumbuhan fizikal badan dan bersuara garau atau kasar, manakala bagi perempuan pula ialah apabila datang haid dan mengandung. Umur baligh bagi perempuan ialah 10 tahun *qamariyyah*, manakala lelaki pula ialah 12 tahun *qamariyyah*. Namun begitu, sama ada cepat ataupun lambatnya umur baligh individu dipengaruhi oleh keadaan serta persekitaran di mana kanak-kanak itu berada.

Remaja di peringkat umur ini mudah terikut-ikut dengan pengaruh daripada rakan mereka (Mohd Daud, 1994). Remaja yang bertingkah laku positif dan berguna kepada mereka, ianya adalah sangat digalakkan tetapi ada remaja yang terikut-ikut dengan tingkah laku yang negatif dan merugikan seperti membuat kacau bilau, melanggar disiplin, mengganggu orang-ramai dan sebagainya.

Olweus (1993) mendapati bahawa personaliti remaja yang mempunyai masalah tingkah laku sering kali mempunyai hubungan yang kurang baik dengan orang lain dan selalunya terlebih yakin (*over confident*) mengenai tahap keupayaan diri mereka. Kehidupan harian mereka tidak teratur dan mereka biasanya tidak peka

kepada peraturan. Mereka lebih menguasai situasi yang tidak dapat dijangka. Mereka mempunyai potensi untuk mempengaruhi orang lain, bercakap besar, tidak bertimbang rasa dan tidak sabar dengan kelemahan atau kekurangan orang lain. Mereka juga mempunyai ciri-ciri pasif, selalu tidak puas hati dan mempunyai tingkah laku yang sukar dijangka.

Selain daripada itu, menurut Mohd Daud (1994), remaja merasakan bahawa kehidupan berkeluarga adalah tidak memuaskan kerana kurang kasih sayang dan mempunyai tahap konflik yang tinggi. Mereka ini mempunyai kepercayaan diri yang rendah dalam keupayaan untuk mencapai keputusan akademik yang baik. Mereka tidak berminat dengan perasaan dan keprihatinan orang lain dan mengalami suatu ketidakselarasan di atas dirinya yang ideal dan dirinya yang sebenar di mana mereka kadang-kadang bermasalah mencapai identiti yang diinginkan. Mereka juga mempunyai kelemahan untuk mematuhi peraturan dan mempunyai kecerdasan otak yang sederhana atau tinggi tetapi kurang pencapaian dalam bidang akademik.

Kajian oleh Olweus (1994) tentang tahap keganasan remaja dan rakan sebaya mendapati bahawa tingkah laku ganas ini mungkin dipelajari bersama-sama dengan rakan sebaya. Remaja yang tinggal jauh dari perhatian keluarga iaitu mereka yang tinggal bersama-sama rakan sebaya biasanya bertingkah laku ganas. Ini disebabkan kecekan akal kerana tahap umur mereka yang masih muda menyebabkan mereka bertindak mengikut kata hati dan perasaan dan bukannya mengikut pertimbangan akal yang waras.

Laporan akhbar mengenai kes-kes pelanggaran disiplin, keganasan dan buli yang berlaku di sekolah-sekolah menengah kebangsaan merupakan perkara biasa pada hari ini dan merupakan satu masalah disiplin yang utama pada ketika ini. Terdapat lebih 35 kes pelajar sekolah mati atau cedera akibat dibelasah yang dilaporkan dalam tempoh lima tahun ini iaitu dari 1999 hingga 2003 (Berita Minggu, 14 Julai 2005). Kebanyakan kes-kes ini berpunca daripada perbuatan buli.

Kejadian buli yang dilaporkan ini semakin menular di sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama di Malaysia. Akhbar di Malaysia telah melaporkan bahawa seorang pelajar tingkatan empat sekolah menengah agama meninggal dunia akibat dibelasah oleh sekumpulan pelajar senior. Gejala tingkah laku buli ini yang membabitkan pelajar aliran agama amat memmeranjatkan masyarakat kerana falsafah SMKA yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia adalah untuk melahirkan insan yang berperibadi mulia tidak mencapai matlamat yang diharapkan.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, keseriusan masalah buli dalam kalangan murid sekolah perlulah ditangani dengan segera. Jika tidak, ianya mungkin menjadi satu masalah besar kepada negara pada masa hadapan. Peningkatan jumlah kejadian jenayah yang dilakukan oleh pelajar sekolah, seperti kes rogol, seks bebas, kumpulan samseng, buli dan bunuh telah menimbulkan kebimbangan segenap lapisan masyarakat di seluruh negara.

Sering kali pentadbir sekolah dan guru-guru dipersalahkan kerana tidak dapat mendisiplinkan anak-anak didik mereka di sekolah. Sayangnya kita sering melihat sebilangan pihak hanya bertindak dengan menuding jari mencari siapa yang bersalah tanpa mengembeling tenaga dan usaha bagi mencari kaedah dan tindakan untuk menyelesaikan masalah ini. Tanpa bimbingan yang mantap, keputusan dan hala tuju yang akan mereka ambil boleh menghancurkan kehidupan dewasa mereka kerana ketika itu mereka terdedah kepada pelbagai gejala dan *ideologi* yang bukan mudah bagi mereka untuk menghadapi dan menangkisnya.

Pada tahap ini, remaja menghadapi pelbagai kemungkinan yang boleh membawa kepada kegagalan seperti terjebak dengan gejala-gejala sosial yang tentunya akan memudaratkan masa depan mereka. Umumnya, para remaja mengalami pergolakan dalam proses menstabilkan identiti mereka meliputi pandangan, amalan, perwatakan dan sebagainya (Mohd Daud, 1994).

Kefahaman mengenai remaja dan belia menghendaki pendekatan yang mantap untuk membentuk peribadi dan keupayaan mereka. Secara asasnya, program-program pembangunan belia hendaklah mantap dan berkesan agar mudah mereka hayati selaras dengan tahap keilmuan, kebolehan dan pengalaman mereka.

Justeru itu, kajian ini cuba untuk mengkaji apakah jenis-jenis tingkah laku buli yang sering dilakukan dan apakah ciri-ciri pembuli dan mangsa buli dalam kalangan pelajar SMKA. Kajian ini juga ingin mengkaji punca berlakunya tingkah laku buli, apakah kesan tingkah laku buli terhadap pembuli itu sendiri dan mangsanya. Seterusnya, kajian juga dilakukan untuk mengkaji keberkesanan program-program yang telah dan sedang dilaksanakan bagi mengatasi kejadian tingkah laku buli ini daripada berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kes-kes berkaitan tingkah laku buli yang biasanya dilaporkan berlaku di Sekolah Menengah Kebangsaan Biasa makin menular ke Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia. Tanggapan masyarakat terhadap pelajar-pelajar yang belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama amat tinggi kerana ia merupakan sebuah tempat yang diharap dapat melahirkan individu yang berilmu pengetahuan, cemerlang dan seimbang dari aspek *Akhlak Islamiah*. Mereka juga diharapkan mempunyai tingkah laku yang selaras dengan cara hidup Islam.

Perbuatan membuli dalam kalangan pelajar sekolah beraliran agama telah berlaku di Pahang iaitu di Sekolah Menengah Agama (SMA) AlMaidah Addiniah, Padang Tengku, Lipis iaitu salah sebuah daripada 18 sekolah agama di bawah pentadbiran kerajaan negeri atau lebih tepat Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP). Seorang pelajar tingkatan satu sekolah berkenaan, Mohd Afiq Qusyairi, 13, menjadi mangsa buli oleh pelajar senior sekolah berkenaan. Berikutan itu, Afiq dikatakan

hampir lumpuh dan terpaksa dipindahkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) bagi mendapatkan rawatan lanjutan.

Laporan di dalam akhbar Berita Harian bertarikh 10 Julai yang bertajuk “lapan pelajar ditahan kes buli di Miri” menceritakan berita tentang kes buli yang berlaku dalam kalangan pelajar sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Miri, Sarawak. Polis menahan lapan pelajar tersebut kerana terbabit dalam kes membuli seorang pelajar yang menyebabkan kecederaan pada perut di asrama sekolah itu dan dirawat sebagai pesakit luar di Hospital Miri.

Tingkah laku buli boleh di definisikan sebagai satu perbuatan negatif oleh seseorang yang lebih kuat atau berkuasa terhadap seseorang yang lain yang lebih lemah atau kurang berkuasa secara berulang kali. Tingkah laku buli ialah tingkah laku agresif yang dilakukan secara berulang kali terhadap orang lain secara individu atau secara berkumpulan (Olweus, 1993). Tingkah laku agresif boleh jadi dalam bentuk fizikal atau lisan yang boleh menyebabkan kecederaan atau ketidak selesaan atau kesakitan ke atas individu lain iaitu mangsa buli.

Kajian serta penyelidikan yang sistematik tentang perlakuan buli di sekolah sebenarnya telah bermula sejak akhir tahun 1970-an oleh Den Olweus yang telah membuat beberapa siri kajian terhadap tingkah laku buli di sekolah-sekolah di Scandinavia dan seterusnya kajian-kajian tentang perlakuan buli ini mula disebarkan ke serata dunia (Olweus, 1978). Tingkah laku buli mula dikenal pasti sebagai satu masalah besar di Amerika Syarikat (Dodge *et al.*, 1990), juga di Australia (Rigby dan Slee, 1991), di Jepun (Hirano, 1992) dan di Britain (Whitney dan Smith, 1993).

Tingkah laku buli ialah perbuatan menekan atau menindas sama ada secara fizikal atau psikologi oleh seseorang yang lebih berkuasa terhadap seseorang yang tidak berkuasa. Buli pada asasnya adalah penyalahgunaan kuasa. Ia adalah operasi psikologikal atas fizikal yang berulang-ulang terhadap individu yang lemah oleh individu atau kumpulan yang lebih kuat atau berkuasa (Rigby, 1996).

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, buli bermaksud perbuatan mendera dan mempermainkan seseorang supaya dapat menyesuaikan diri dengan suasana baru. Ia juga membawa makna mempermainkan orang lemah dengan tujuan menggertak atau menakutkan.

Buli yang merupakan salah satu cabang kepada perlakuan agresif telah dikenal pasti sebagai masalah yang boleh memberikan impak yang negatif kepada kesihatan fizikal dan psikologikal individu terutama kepada individu yang kerap dibuli dan juga kepada mereka yang kerap membuli rakan semasa mereka remaja (Batsche dan Knoff, 1994). Keagresifan semasa kanak-kanak dan remaja telah menjadi fokus utama kepada banyak kajian emperikal sejak beberapa dekad ini (Guerra, Tolan dan Hammond, 1994).

Pembuli biasanya lebih agresif, mempunyai fizikal yang lebih kuat dan lebih besar berbanding mangsa. Tingkah laku buli dalam kalangan pelajar lelaki lebih kerap berlaku berbanding pelajar perempuan (Olweus, 1993).

Para pengkaji telah mengenal pasti tiga elemen buli terdapat dalam kalangan pembuli iaitu fizikal, lisan dan antisosial (Olweus, 1993). Tingkah laku buli fizikal dan lisan merujuk kepada tingkah laku buli secara langsung. Tingkah laku buli anti sosial pula merujuk kepada tingkah laku buli secara tidak langsung.

Tingkah laku buli fizikal adalah seperti memukul, menarik rambut dan menendang. Tingkah laku buli verbal ialah seperti mengejek, menghina dan mengusik. Tingkah laku buli yang berkaitan dengan tingkah laku anti sosial ialah memulau, menggossip, memfitnah dan merosakkan harta benda. Tingkah laku buli dalam bentuk verbal juga merupakan tingkah laku buli berbentuk psikologi. Manakala tingkah laku buli dalam bentuk antisosial boleh berlaku dalam bentuk fizikal seperti merosakkan harta benda atau dalam bentuk psikologi seperti pemulauan dan fitnah.

Tattum (1988) telah menyatakan bahawa tingkah laku membuli dilakukan atas kehendak atau keinginan untuk mencederakan seseorang dan meletakkan mangsa tersebut dalam situasi yang tertekan atau stress. Manakala menurut Roland (1993) pula, tingkah laku buli biasanya diarahkan kepada individu yang tidak berupaya untuk mempertahankan dirinya di dalam situasi yang sebenar,

Tindakan membuli mungkin dilakukan oleh individu atau kumpulan. Ia secara umumnya termasuklah mencederakan orang lain, mengganggu, mengambil barang orang lain, mempersendakan, memfitnah, mengintip orang lain, menyogok, memanggil nama dengan panggilan yang tidak disukai atau tidak baik, mencela atau mencaci, merosakkan harta benda orang lain dan mengancam (Tattum dan Lane, 1998).

Kajian oleh Persatuan Kebangsaan Pengetua Sekolah Menengah di Amerika Syarikat pada tahun 1984 telah mendapati bahawa hampir 25% daripada pelajar yang terlibat dalam kajian mereka telah menyatakan bahawa perkara yang paling merisaukan mereka ketika berada dalam kawasan sekolah adalah takut dibuli (Batsche dan Knoff, 1994).

Tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah bukan sahaja merupakan masalah di negara kita, tetapi ianya juga merupakan masalah di seluruh dunia. Banyak penyelidik seperti Beale (2001); Yoon dan Karen Kerber (2003), mendapati tingkah laku agresif dan buli merupakan satu fenomena tingkah laku yang berleluasa di sekolah pada hari ini.

Hasil kajian mengenai kes buli dalam kalangan murid-murid sekolah di negara-negara Barat mendapati murid yang menjadi pembuli apabila dewasa kelak berkemungkinan besar akan menjadi penjenayah. Manakala mangsa buli pula cenderung untuk membunuh diri akibat tekanan yang dihadapi.

Dapatan daripada penyelidikan yang dijalankan oleh Noran Fauziah (2004) menunjukkan kira-kira 80% daripada 52.4% sampel lelaki dan 47.5% sampel

perempuan terlibat dengan tingkah laku buli psikologi seperti ejek, fitnah, pulau dan sisih dan 42.4% terlibat dengan tingkah laku buli fizikal seperti menolak, memukul dan menempeleng. Kajian ini dilakukan ke atas 2,600 pelajar dari 22 buah sekolah harian dan 3 buah sekolah berasrama penuh di dua buah negeri telah membuktikan bahawa tingkah laku buli berlaku di sekolah.

Abdul Latif (2005) telah membuat kajian terhadap 480 orang pelajar sekolah menengah di Daerah Batu Pahat, Johor dan telah mendapati bahawa hampir 22.7% daripada jumlah responden terbabit menyatakan mereka pernah dibuli. Jumlah ini menunjukkan tahap perlakuan buli di sekolah menengah di daerah tersebut berada di tahap yang rendah.

Tingkah laku buli atau perbuatan buli boleh terjadi dalam dua bentuk iaitu bentuk fizikal dan bentuk psikologi. Tingkah laku buli dalam bentuk fizikal seringkali dilaporkan dalam akhbar utama pada masa kini. Dapatan kajian oleh sarjana Barat menunjukkan bahawa satu daripada sepuluh pelajar sekolah adalah terlibat dalam tingkah laku buli sama ada sebagai pembuli atau mangsa buli (Glover, 2000).

Pihak pentadbir sekolah khususnya para guru perlu lebih peka dan sedar tentang kewujudan tanda-tanda awal bahaya dan ancaman daripada tingkah laku buli di sekolah. Tucker *et al.* (2002) menjelaskan tanda-tanda awal tingkah laku buli ialah;

1. Ancaman dan ugutan
2. Aktiviti-aktiviti yang tidak sah dan mencurigakan di sekolah
3. Cemuhan
4. Aktiviti-aktiviti yang tidak sah dan mencurigakan dalam komuniti.

Masalah buli merupakan satu masalah yang sering berlaku di sekolah-sekolah menengah di Malaysia pada hari ini. Menurut Menteri Pelajaran, Datuk Seri

Hishammudin Tun Hussein, sepanjang tahun 2004 terdapat 1600 orang pelajar terlibat dalam gejala buli (Utusan Malaysia, 11 Januari 2006). Walaupun bilangan pelajar yang terlibat agak kecil iaitu 0.03% daripada jumlah keseluruhan pelajar, gejala buli jika tidak ditangani dengan berkesan akan mendatangkan kesan yang negatif kepada pelajar dan juga institusi sekolah. Kesedaran serta kefahaman yang mendalam tentang tingkah laku buli di sekolah oleh guru dan mereka yang terlibat dalam dunia pendidikan amat perlu dalam usaha mengawal serta mengatasi masalah ini.

Statistik Polis Diraja Malaysia menunjukkan terdapat 3627 kes jenayah yang membabitkan pelajar sekolah pada tahun 2003. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam kes tersebut berumur di antara 7 hingga 18 tahun (Berita Minggu, 14 Julai 2005). Kebanyakan kes-kes jenayah tersebut bermula daripada tingkah laku buli. Pelajar yang bertingkah laku agresif buli cenderung untuk membentuk tingkah laku agresif ganas sehingga dewasa.

Aspek pembangunan yang semakin pesat sedang dinikmati oleh setiap warga negara dan ini membuka peluang kepada semua pihak khususnya remaja untuk mendapat pendidikan secara formal yang lebih baik dan sempurna. Namun begitu, kebimbangan ibu bapa terhadap keselamatan anak-anak mereka yang mendapat pendidikan di sekolah semakin lama semakin terhakis dengan insiden-insiden tingkah laku agresif, tingkah laku buli, budaya kumpulan samseng dan sebagainya yang kian meningkat. Ini merupakan cabaran besar kepada pihak sekolah bagi menyediakan satu suasana pembelajaran yang kondusif dan sihat kepada para pelajar.

Berdasarkan sejarah, gejala buli bukanlah budaya masyarakat negara ini. Ia diperkenalkan melalui sistem persekolahan British di Tanah Melayu dan menjadi sebatian dalam masyarakat pelajar sekolah berasrama. Contoh warisan budaya buli ini boleh dilihat di sekolah berprestij Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR), Ipoh, Perak pada 2003 di mana sekumpulan pelajar cuba menghidupkan semula

kumpulan samseng seperti *High Council*. Buli lebih popular di universiti dengan istilah sesi suai kenal atau majlis ramah mesra pelajar junior-senior.

Pada dasarnya, sesi suai kenal mempunyai tujuan yang baik. Pelajar junior perlu ‘dibuli’ bagi memastikan mereka menghormati senior, mewujudkan semangat ‘kekitaan’ seterusnya memperatkan silaturrahim dan merapatkan jurang umur. Budaya buli juga wujud dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Bagaimanapun, pihak pengurusan tentera menyediakan garis panduan yang lengkap mengenai cara ‘membuli’ yang dibenarkan dan tidak dibenarkan. Masalahnya, apabila budaya buli diamalkan kelompok remaja yang masih dangkal pertimbangan akal, tindakan itu bertukar kepada perlakuan ganas. Perbuatan membuli secara berlebihan itulah yang meragut nyawa Muhammad Farid dan menempatkan Muhammad Afiq di katil hospital.

Jenayah remaja seolah-olah berkembang selari dengan pembangunan fizikal yang dicapai negara. Kemajuan negara terutama dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagaikan meracuni pemikiran remaja kita. Jati diri dan jiwa remaja kita kelihatan semakin rapuh hingga tiada pengawalan diri.

Remaja sekarang berada di persimpangan jalan. Mereka boleh memilih sama ada untuk terus di landasan sempurna atau sebaliknya. Remaja berada di ambang alam dewasa, yang perlu membuat pilihan bijak untuk terus mengecapi kejayaan dan jika tersilap langkah mereka akan berdepan pelbagai masalah. Persoalannya, dapatkah remaja membuat pilihan yang betul sedangkan mereka dikelilingi pelbagai unsur negatif yang mempengaruhi tingkah laku mereka secara sedar atau sebaliknya?. Mampukah pelajaran agama dan moral di sekolah membentuk keperibadian yang kukuh dan kebal daripada pengaruh persekitaran yang tidak sihat?

Berdasarkan fakta pembabitian remaja dalam jenayah kekerasan, seks atau dadah, keadaan begitu tidak menyebelahi kita. Generasi pelapis negara dilihat lebih cenderung ke jalan yang salah. Institusi pendidikan menengah agama yang

diharapkan sebagai benteng paling kebal menangani gejala sosial dan jenayah juga tidak mampu membendung salah laku remaja, di mana masih ada pelajar sekolah agama tergamak memukul pelajar lain hingga sampai ke satu tahap yang menakutkan iaitu melibatkan kehilangan nyawa.

Tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah terutama sekolah aliran agama merupakan satu isu yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak yang terlibat dengan kebajikan dan keselamatan pelajar. Ini kerana pelajar-pelajar di sekolah aliran agama telah diterapkan dengan ilmu-ilmu keagamaan seperti Akhlak Islamiah yang diharapkan akan membantu mereka dari terpengaruh dengan anasir-anasir yang tidak diinginkan seperti membuli.

Falsafah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama yang telah digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu usaha yang terancang, terkawal dan berterusan berasaskan panduan ilmu, iman dan amal saleh serta budaya Islam dan suasana ke arah melahirkan pelajar yang berilmu pengetahuan, seimbang, cemerlang, berakhlak mulia, bertaqwa dan bertanggungjawab untuk mengamalkan cara hidup Islam serta mampu memberi sumbangan yang bermanfaat kepada agama, diri, ummah dan negara. Ini merupakan panduan untuk membentuk seorang pelajar yang boleh menjauhi diri dari anasir-anasir yang tidak sihat seperti gejala membuli.

Selaku penggubal dasar, Kementerian Pelajaran mempunyai tanggungjawab yang lebih besar. Setiap pendekatan yang diajukan perlu disusuli sejauh mana pelaksanaan dan keberkesanannya. Tanggungjawab mereka bukan hanya tertakluk kepada kejayaan dalam pelajaran, sahsiah diri dan keperibadian anak dan pelajar juga perlu dibentuk supaya cemerlang, gemilang dan terbilang.

Jika setiap orang memainkan peranan masing-masing, nescaya penyakit remaja kita pasti dapat diubati. Ibu bapa, guru, polis hingga kepada pentadbir kerajaan dan penggubal dasar, masing-masing mempunyai peranan untuk

memastikan remaja kita dibimbing ke jalan benar. Perbuatan menyalahkan atau melepaskan tanggungjawab kepada pihak lain tidak akan menyelesaikan masalah.

Masyarakat perlu berwaspada, walaupun bukan anak remaja mereka yang membuli, jika tidak dicegah, mungkin anak remaja mereka pula menjadi mangsa buli. Jika budaya buli tidak dapat dihapuskan, masyarakat kita akan terus berdepan dengan perlakuan ganas pelajar dalam tempoh 10 atau 20 tahun akan datang dan tidak mustahil tahun depan terjadi lagi. Kelak, apabila berlaku lagi pelajar junior mati atau lumpuh akibat dipukul senior, pasti ada pihak yang memberi alasan sama “Biasalah...pelajar yang meningkat remaja, mereka cuma nakal sedikit,” (Harian Metro, 22 Ogos 2005).

1.3 Pernyataan Masalah

Kita masih dibelenggu masalah disiplin dan akhlak pelajar seperti vandalisme, gejala buli, pergaduhan, kegiatan samseng, memukul guru dan membakar sekolah. Perlu diinsafi bahawa rentetan peristiwa demi peristiwa yang berlaku dalam kalangan pelajar kini mendukacitakan.

Kebanyakan pelajar yang terlibat dengan tingkah laku buli tidak menyedari bahawa tingkah laku-tingkah laku yang sering dilakukan dalam kalangan mereka sendiri adalah merupakan tingkah laku buli. Jenis-jenis tingkah laku ini dianggap tingkah laku yang biasa berlaku dalam kalangan mereka seperti suka bertanyakan soalan-soalan yang bodoh, tidak memperdulikan orang lain, mengusik seseorang, membohongi seseorang dan sebagainya. Justeru itu, pelajar-pelajar terbabit tidak sedar bahawa tingkah laku yang telah dilakukan oleh mereka merupakan salah satu jenis tingkah laku buli seperti yang telah didefinisikan dalam kajian ini.

Selain itu, pelajar yang terlibat dengan tingkah laku buli sering menggunakan ciri-ciri dan kelebihan yang ada dalam diri mereka masing-masing

untuk bertingkah laku buli. Ciri-ciri pembuli yang secara fizikalnya kuat dan penghargaan sendiri yang baik ingin mengawal dan mendominasi serta tidak mampu memahami dan menghargai rakan sebaya antara penyebab utama tingkah laku buli ini berleluasa. Ciri-ciri mangsa buli yang pasif, kurang bertindak balas dan mempunyai penghargaan sendiri yang lemah akan menyebabkan pembuli merasa 'seronok' untuk membuli mangsa.

Disebabkan pembuli dan mangsa buli tidak menyedari bahawa kelebihan dan kelemahan masing-masing boleh menjadi penambah baik sesama mereka sendiri, maka kelebihan dan kelemahan itu telah menjadi antara faktor pendorong kepada mereka terbabit sebagai pembuli dan mangsa buli.

Seterusnya, tingkah laku buli yang berpunca dari pelbagai faktor seperti faktor biologi dan perangai, pengaruh keluarga, rakan sebaya dan persekitaran telah menyebabkan masalah ini terus berleluasa dalam kalangan para pelajar, khususnya pelajar sekolah menengah. Pada peringkat usia ini, mereka sedang mengalami krisis identiti iaitu mencari identiti tersendiri untuk berhadapan dengan keluarga, rakan sebaya dan masyarakat sekeliling. Justeru itu, pelajar masih mentah dalam kehidupan ini sering terpengaruh dengan persekitaran yang akan memesongkan mereka dari landasan yang sebenar, seterusnya terlibat dengan gejala tingkah laku buli ini.

Wujud kesan-kesan negatif akibat bertingkah laku buli terutamanya terhadap pembuli seperti suka melanggar peraturan sekolah, bersikap lebih angkuh dan pelbagai lagi kesan-kesan negatif yang akan merosakkan diri pembuli. Manakala kesan negatif terhadap mangsa buli pula adalah seperti takut hendak ke sekolah, suka menyendiri dan sebagainya. Kebanyakan pelajar yang terbabit dengan tingkah laku buli ini tidak sedar kesan-kesan buruk akibat bertingkah laku buli. Apabila ianya telah berlaku, kebanyakan sudah terlambat. Kesan-kesan negatif ini juga akan menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran remaja terbabit akan terbantut, dan seterusnya bakal merosakkan masa depan mereka sendiri.

Masalah tingkah laku buli jika tidak ditangani dengan berkesan akan mendatangkan kesan yang negatif kepada pelajar dan juga institusi sekolah. Kesedaran serta kefahaman yang mendalam tentang tingkah laku buli di sekolah oleh guru dan mereka yang terlibat dalam dunia pendidikan amat perlu dalam usaha mengawal serta mengatasi masalah ini.

Masalah buli merupakan satu masalah yang sering berlaku di sekolah-sekolah menengah di Malaysia pada hari ini terutama di sekolah berasrama penuh, sekolah menengah harian dan juga sekolah menengah aliran agama. Namun jika kejadian buli ini juga berlaku di sekolah menengah aliran agama, ianya agak mengejutkan ramai pihak kerana matlamat penubuhan sekolah menengah aliran agama yang lebih menitik-beratkan tentang pembentukan *Akhlak Islamiah* seakan tidak mencapai apa yang dihajatkan. Masyarakat akan memandang rendah kepada pihak pentadbir sekolah beraliran agama kerana gagal membentuk peribadi pelajar-pelajarnya ke arah pembentukan insan seimbang.

Elemen-elemen tingkah laku buli yang terdapat dalam kalangan pelajar sekolah menengah aliran agama perlulah dikenalpasti bagi membolehkan kita memahami dan menangani masalah buli terutama di sekolah beraliran agama. Perlakuan buli memerlukan langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya (Greenbaum, Turner dan Stephens, 1989; Wilson, 1992). Pihak sekolah perlu meningkatkan tahap keprihatinan mereka dalam mengenal pasti punca dan tanda-tanda awal tingkah laku buli bagi merangka strategi pencegahan agar gejala ini tidak terus berleluasa dalam kalangan pelajar sekolah khususnya pelajar aliran agama.

Sesungguhnya, isu buli di sekolah tidak boleh dipandang sebelah mata. Ia memerlukan komitmen semua pihak, baik guru, ibu bapa atau pelajar itu sendiri bagi memastikan institusi sekolah menjadi gedung ilmu dan bukan tempat melahirkan samseng. Buli sama ada untuk berseronok atau kerana benci dan ingin membalas dendam, perbuatan seumpama itu tidak sepatutnya menjadi budaya yang menunjangi institusi sekolah.

Anggapan bahawa sekolah adalah kawasan yang paling selamat untuk pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak perlulah direalisasikan dalam erti kata yang sebenarnya. Persekitaran yang selamat dan selesa sudah semestinya dapat menjana proses pengajaran dan pembelajaran yang sempurna dan berkesan. Jika wujud ancaman seperti gejala tingkah laku buli dalam kalangan para pelajar terutamanya pelajar sekolah agama, maka ianya akan mencacatkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar, seterusnya akan membantutkan objektif pendidikan yang diinginkan oleh setiap lapisan masyarakat di Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk menentukan;

- 1.3.1 Jenis tingkah laku buli yang kerap dilakukan dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak
- 1.3.2 Ciri-ciri pembuli dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak
- 1.3.3 Ciri-ciri mangsa tingkah laku buli dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak
- 1.3.4 Punca-punca tingkah laku buli dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak
- 1.3.5 Kesan tingkah laku buli terhadap pembuli di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak

- 1.3.6 Kesan tingkah laku buli terhadap mangsa buli di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak
- 1.3.7 Keberkesanan program pencegahan sedia ada dalam mengatasi masalah tingkah laku buli dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini cuba menjawab persoalan-persoalan seperti berikut;

- 1.4.1 Apakah jenis-jenis tingkah laku buli yang kerap dilakukan dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak?
- 1.4.2 Apakah tingkah laku buli yang kerap dilakukan dalam kalangan jenis tingkah laku buli fizikal, jenis tingkah laku buli verbal dan jenis tingkah laku buli anti sosial?
- 1.4.3 Apakah ciri-ciri pembuli dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak?
- 1.4.4 Apakah ciri-ciri tingkah laku yang kerap dilakukan dalam kalangan tingkah laku fizikal dan tingkah laku emosi pembuli?
- 1.4.5 Apakah ciri-ciri mangsa tingkah laku buli dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak?

- 1.4.6 Apakah ciri-ciri tingkah laku yang kerap dilakukan dalam kalangan tingkah laku fizikal dan tingkah laku emosi mangsa buli?
- 1.4.7 Apakah punca-punca tingkah laku buli dalam kalangan pembuli di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak?
- 1.4.8 Apakah punca-punca yang kerap dilakukan dalam kalangan punca tingkah laku buli fizikal, emosi, pengaruh luar dan lokasi pembuli?
- 1.4.9 Apakah punca-punca tingkah laku buli dalam kalangan mangsa buli di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak?
- 1.4.10 Apakah punca-punca yang kerap dilakukan dalam kalangan punca tingkah laku buli fizikal, emosi, pengaruh luar dan lokasi mangsa buli?
- 1.4.11 Apakah kesan tingkah laku buli terhadap pembuli di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak?
- 1.4.12 Apakah kesan-kesan yang kerap berlaku dalam kalangan kesan fizikal dan kesan emosi pembuli?
- 1.4.13 Apakah kesan tingkah laku buli terhadap mangsa buli di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak?
- 1.4.14 Apakah kesan-kesan yang kerap berlaku dalam kalangan kesan fizikal dan kesan emosi mangsa buli?
- 1.4.15 Adakah program pencegahan sedia ada berkesan dalam mengatasi masalah tingkah laku buli dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak?

1.6 Rasional Kajian

Segelintir pelajar mungkin tidak menyedari bahawa tingkah laku dan perbuatan mereka selama ini merupakan antara ciri-ciri tingkah laku buli yang akan menyebabkan mereka dan rakan-rakan sebaya menerima kesan yang bersifat negatif. Berdasarkan pernyataan inilah, penting untuk pelajar mengetahui apakah jenis-jenis tingkah laku buli itu kerana mereka mungkin tidak menyedari bahawa tingkah laku dan perbuatan buli yang dilakukan selama ini adalah bersifat membuli dan memberi kesan terhadap rakan-rakan mereka. Pelajar juga perlu mengetahui ciri-ciri pembuli dan mangsanya agar mereka dapat berinteraksi dan memilih rakan-rakan yang memiliki ciri-ciri tingkah laku yang baik demi menjamin perpaduan dan ikatan persahabatan.

Pelajar perlu didedahkan punca-punca berlakunya tingkah laku buli agar mereka dapat mengelak dan dapat mempertahankan diri mereka daripada terlibat dalam tingkah laku buli ini. Pelajar perlu memahami dan mengetahui kesan-kesan tingkah laku buli terhadap pembuli dan mangsanya kerana wujud kesan-kesan negatif terhadap emosi dan fizikal yang amat besar yang boleh mengganggu penumpuan pelajar terbabit terhadap pelajaran disekolah.

Pelajar juga perlu mengetahui apakah bentuk pencegahan yang diperlukan agar tingkah laku buli ini dapat dikurangkan, seterusnya tidak menjadi budaya dalam kalangan para pelajar di sekolah di Malaysia. Masalah tingkah laku buli juga akan menyebabkan pelajar terutama sekali yang menjadi mangsa buli merasakan bahawa sekolah bukan lagi merupakan satu tempat yang selamat. Begitu juga dengan ibubapa yang merasa ragu-ragu tentang keselamatan anak mereka di sekolah. Ini akan menjadikan tugas pihak sekolah dan guru bertambah iaitu perlu berperanan sebagai pengawas dan penguat kuasa selain daripada tugas mendidik. Langkah segera perlu dilakukan bagi memulihkan imej Kementerian Pelajaran iaitu sebagai tonggak utama dalam lapangan pendidikan di Malaysia.

Laporan-laporan negatif di media-media tempatan berkenaan tingkah laku buli di sekolah-sekolah di Malaysia telah menggugat keupayaan Kementerian Pelajaran dalam menjamin pelaksanaan proses kurikulum dan ko-kurikulum yang selesa dan selamat dalam kalangan pelajar sekolah. Oleh itu, maka kajian ini amat sesuai dan wajar untuk mendapatkan gambaran kelaziman tingkah laku buli di sekolah menengah khususnya di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama bagi menilai semula keberkesanan kurikulum, ko-kurikulum, sistem dan peraturan yang telah dan sedang diamalkan selama ini. Dapatan kajian ini diharapkan akan menjadi sandaran untuk menambahbaik program-program pencegahan tingkah laku buli sedia ada bagi melahirkan warganegara yang berilmu, berketerampilan dan berdaya saing.

Persekitaran sekolah yang selamat akan menjamin kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran. Tingkah laku buli merupakan salah satu masalah yang perlu di atasi oleh guru dan pentadbir sekolah agar segala proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar. Pihak sekolah perlu bersikap proaktif demi menjamin keselamatan pelajar dengan mewujudkan program-program pencegahan yang bersesuaian bagi membendung dan menangani masalah tingkah laku buli ini daripada berleluasa. Oleh itu, kajian ini dapat melihat tempat-tempat berlakunya tingkah laku buli ini dan apakah langkah-langkah pencegahan yang dilakukan oleh pihak sekolah. Dapatan kajian boleh dijadikan rujukan bagi mengenal pasti tempat berlakunya tingkah laku buli agar aspek-aspek keselamatan dan pencegahan dapat ditingkatkan demi keselamatan para pelajar.

Tanggungjawab menjaga keselamatan pelajar terletak di bahu pihak pentadbir sekolah, guru, ibu bapa dan juga masyarakat. Justeru itu, semua pihak perlu didedahkan dengan maklumat-maklumat mengenai tingkah laku buli agar mereka mendapat gambaran yang jelas dan tepat tentang tingkah laku buli yang sedang berlaku di sekolah. Ini akan dapat membantu semua pihak khususnya guru dan Persatuan Ibu Bapa menangani dan membendung masalah ini daripada berleluasa.

1.7 Kepentingan Kajian

Sesuatu kajian itu dianggap penting dalam tiga cara iaitu yang pertama ianya mestilah menyumbang kepada pengetahuan, kedua ianya berguna serta bermakna kepada pembentukan polisi atau dasar yang berkaitan dan ketiga ianya mestilah berguna kepada pengamal atau orang yang terlibat dalam bidang tersebut (Baker, 1994).

Hasil dapatan kajian ini diharap akan memberi manfaat kepada Kementerian Pelajaran khususnya Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak, para pentadbir dan guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak, masyarakat, ahli keluarga dan pelajar-pelajar dari beberapa aspek berikut:

Kajian ini diharap akan menghasilkan ilmu pengetahuan berkenaan dengan tingkah laku buli. Dapatan daripada kajian ini juga akan dapat menjelaskan lagi tentang tingkah laku buli dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama terutama jenis-jenis tingkah laku buli, ciri-ciri pembuli dan mangsa buli, kesan tingkah laku buli terhadap pembuli itu sendiri dan mangsanya serta program-program pencegahan yang telah dan sedang dilakukan oleh pihak pentadbir sekolah khususnya di Sekolah Menengah Agama di Sarawak.

Di samping itu, dapatan ini juga diharapkan membolehkan pelajar yang menjadi pembuli dan pelajar yang menjadi mangsa buli mendapatkan bantuan daripada pihak yang berkenaan seperti pihak guru, kaunselor dan sebagainya bagi menyelesaikan konflik dalaman dan luaran yang dialami mereka.

Dapatan daripada kajian ini akan juga dapat digunakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak dan pentadbir serta guru-guru Sekolah Menengah dalam merancang program-program pencegahan dan penyelesaian masalah tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah khususnya Sekolah Menengah Kebangsaan Agama bagi mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat.

Dapatan kajian ini juga akan dapat digunakan sebagai garis panduan serta asas kepada pembentukan polisi bagi menangani dan mencegah tingkah laku buli di sekolah seperti polisi antibuli.

Para guru khususnya guru-guru kaunseling akan mendapat faedah daripada dapatan kajian ini. Dapatan kajian ini akan dapat membantu guru untuk mengatasi dan mencegah masalah buli yang berlaku di kelas atau di sekolah. Ianya juga akan membekalkan maklumat-maklumat berkenaan tingkah laku buli yang boleh digunakan oleh guru bagi menangani masalah buli yang berlaku di kelas mereka.

Pihak-pihak lain yang berkaitan dengan pelajar sekolah seperti ibu bapa dan masyarakat serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan seperti PIBG, pertubuhan belia dan kesatuan guru boleh juga memaafatkan dapatan kajian ini dalam usaha merancang program kemasyarakatan terutamanya terhadap para remaja ke arah masyarakat yang berbudi bahasa dan cemerlang.

Ibu bapa melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta bantuan pertubuhan sukarela yang lain diharapkan dapat membantu pihak sekolah dan kerajaan dalam menangani masalah tingkah laku buli melalui hasil dapatan yang akan didapati kelak. Ianya juga dapat dijadikan garis panduan kepada ibu bapa dalam aspek pengawasan disiplin anak-anak mereka sama ada di rumah mahupun di sekolah. Kesedaran tentang keburukan tingkah laku buli perlu didedahkan dengan sewajarnya agar tingkah laku ini dijauhi.

1.8 Skop Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menentukan jenis tingkah laku buli, ciri-ciri pembuli dan mangsa buli dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak. Fokus penyelidikan adalah kepada kekerapan tingkah laku buli yang berlaku dalam kalangan pelajar khususnya pelajar tingkatan 2 dan tingkatan 4 kerana pelajar

pada peringkat umur ini berada di tahap awal dan pertengahan remaja. Mereka dilihat kurang matang dalam bertingkah laku prososial. Remaja diperingkat umur begini berusaha untuk memahami persekitaran masing-masing mengikut persepsi mereka yang tersendiri.

Kajian ini juga untuk menentukan punca-punca pelajar bertingkah laku buli dan kesan tingkah laku buli terhadap pembuli dan juga mangsanya, seterusnya apakah keberkesanan langkah-langkah pencegahan sedia ada bagi membendung gejala ini dari terus berlaku.

1.9 Batasan kajian

Kajian ini melibatkan hanya pelajar tingkatan 2 dan 4 di semua 8 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak iaitu 3 buah di Bahagian Kuching, sebuah di Sibu, sebuah di Miri, sebuah di Limbang, sebuah di Igan dan sebuah di Sri Aman. Dapatan yang terhasil daripada kajian ini hanyalah hasil daripada analisis daripada bilangan yang terhad ini sahaja. Responden yang dipilih dalam kajian ini adalah daripada kalangan pelajar-pelajar yang pernah terlibat dengan aktiviti tingkah laku buli.

Aspek-aspek yang menjadi persoalan dalam kajian ini seperti jenis-jenis tingkah laku buli, ciri-ciri pembuli, ciri-ciri mangsa buli, punca tingkah laku buli, kesan tingkah laku buli dan keberkesanan program pencegahan sedia ada adalah terbatas kepada apa yang didefinisi secara operasional dalam kajian ini sahaja.

Pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam analisis bagi menjawab persoalan kajian adalah terhad kepada apa yang dinyatakan di dalam instrumen kajian sahaja. Kajian secara tinjauan dijalankan sekali sahaja dalam tempoh tertentu menggunakan soal selidik bagi mendapatkan data-data kajian. Dapatan kajian ini juga sangat bergantung kepada kejujuran pelajar-pelajar yang

terbabit sebagai responden dalam memberikan jawapan yang tepat dan benar kepada soal selidik yang dikemukakan. Responden diberi jaminan bahawa respon mereka dalam kajian ini adalah dirahsiakan. Kesahan dan kebolehpercayaan sangat bergantung kepada keikhlasan dan kejujuran jawapan responden.

1.10 Kerangka Teori

Kewujudan tingkah laku buli dalam kalangan remaja dan kesannya kepada pembuli dan mangsa buli dapat disusur galurkan kepada beberapa teori khususnya Teori Pembelajaran Sosial Bandura, Teori Psikososial Erikson, Teori Hirarki Keperluan Maslow dan Teori Psikoanalisis Freud. Namun begitu, pengkaji menggunakan Teori Pembelajaran Sosial dalam menghuraikan jenis, punca, ciri-ciri dan kesan tingkah laku buli terhadap pembuli dan mangsa buli.

Teori Pembelajaran Sosial dibangunkan berasaskan kepada kajian empirikal. Pada peringkat permulaan, pembentukan Teori pembelajaran Sosial, Bandura (1973) telah menjalankan satu eksperimen di makmal di mana kanak-kanak prasekolah memerhati tingkah agresif model dewasa terhadap patung Bobo. Dapatan daripada eksperimen ini menunjukkan kanak-kanak yang memerhati tingkah laku agresif individu lain sama ada secara langsung atau melalui filem atau melalui kartun akan bertingkah laku agresif selepas itu berbanding kanak-kanak yang tidak memerhatikannya. Banyak kajian yang dijalankan selepas itu menyokong dapatan kajian itu (Renfrew, 1997).

Menurut Bandura (1973), tingkah laku buli yang merupakan salah satu cabang tingkah laku agresif merupakan satu tingkah laku yang dipelajari dan bukannya satu tingkah laku yang wujud secara semulajadi dalam diri individu. Menurut beliau lagi, antara ciri-ciri utama di mana sesuatu tingkah laku dipelajari oleh pelakunya adalah mengenai ciri-ciri persamaan yang terdapat di antara pelaku dengan orang yang ditiru. Mereka lebih cenderung dipengaruhi oleh seseorang yang

penampilannya seperti mereka, daripada oleh seseorang yang menampilkan perbezaan yang ketara dengan mereka.

Dalam kajian Bandura (1973) juga mendapati kadar peniruan tingkah laku berkurangan jika ciri-ciri persamaan antara remaja dan model kurang. Selain itu, usia dan jantina model juga memainkan peranan dalam peniruan tingkah laku. Beliau mendapati manusia lebih cenderung meniru model yang sama jantina dengannya. Umur juga mempengaruhi peniruan tingkah laku seseorang. Contohnya, remaja didapati mudah terpengaruh dengan tingkah laku rakan sebaya.

Faktor lain seperti status dan pangkat juga penting dalam mempengaruhi tingkah laku. Iklan di media elektronik sangat berkesan dalam mempamerkan status yang tinggi, ahli sukan terkenal, pelakon yang glamor dan sebagainya supaya penonton membeli produk yang diiklankan. Model yang menampilkan ciri-ciri berdaya saing, berkemahiran dan berkuasa lebih mendapat perhatian jika dibandingkan dengan model yang tidak mempunyai ciri-ciri sedemikian.

Seterusnya, aspek peneguhan dan ganjaran luaran memainkan peranan yang penting dalam aspek pembentukan tingkah laku buli, malah ia dapat dikatakan sebagai salah satu daripada sebab dan punca mengapa seseorang itu bertingkah laku agresif seperti membuli. Mengikut Teori Pembelajaran Sosial, tingkah laku agresif adalah tingkah laku instrumental yang dikawal oleh peneguhan dan ganjaran luaran (Bandura, 1973). Peneguhan dan ganjaran luaran ini mungkin dalam bentuk yang dapat dilihat seperti mempunyai ramai rakan ataupun perasaan seperti kepuasan dan kebanggaan.

Kenyataan ini disokong oleh Connor (2002) yang menyatakan bahawa tingkah laku buli ialah tingkah laku agresif proaktif iaitu tingkah laku agresif yang bertujuan untuk memenuhi kemahuan dan memperolehi ganjaran. Apabila model menerima ganjaran sewajarnya daripada tingkah lakunya, keadaan ini boleh menjadi insentif yang kuat kepada remaja lain untuk memberi tumpuan, mengingatnya dan meniru tingkah laku tersebut.

Sesuatu tingkah laku akan diperkukuhkan melalui pengulangan terhadap peranan model atau orang yang ditiru dalam melakukan tingkah laku agresif seperti membuli. Sekiranya ibu bapa, guru-guru atau rakan sebaya yang menjadi model kepada remaja kerap melakukan tingkah laku agresif seperti membuli, maka tingkah laku tersebut akan ditiru oleh remaja, seterusnya diperkukuhkan.


Sebagai makhluk yang dianggap '*social animal*', manusia amat memerlukan interaksi sesama mereka. Salah satu tujuan interaksi adalah untuk mendapat pengakuan bahawa seseorang itu diterima dalam satu-satu kumpulan. Dalam usaha untuk diterima atau menjadi ahli sesebuah kumpulan, ia perlu menyingkirkan orang lain daripada kumpulan tersebut. Oleh itu, seseorang yang ingin diterima dalam mana-mana kumpulan akan berusaha agar ahli atau orang lain disingkirkan, dan salah satu caranya adalah dengan bertingkah laku agresif (membuli).

Pembuli akan cuba untuk menyakinkan rakan sebaya mereka untuk menolak atau menyingkirkan individu tertentu daripada kumpulan atau interaksi sosial. Kesan daripada perlakuan ini adalah penolakan atau penyingkiran oleh kumpulan atau rakan terhadap mangsa pada ketika mangsa sangat-sangat menghargai nilai hubungan sosialnya. Tingkah laku buli juga bertujuan untuk memperolehi kuasa atau penerimaan oleh rakan sebaya. Seterusnya, tingkah laku buli melibatkan manipulasi sosial untuk mendatangkan kemudaratan terhadap penerimaan seseorang oleh kumpulan atau menentukan jenis-jenis tingkah laku buli. Mereka akan cenderung melakukan perkara yang sama supaya dapat diterima oleh rakan sebaya.

Kognitif juga memainkan peranan dalam pembentukan tingkah laku seseorang individu. Teori Pembelajaran Sosial merupakan gabungan Teori Pengukuhan (Rangsangan – tindak balas) dan Teori Kognitif. Teori Pembelajaran Sosial menjelaskan bahawa tingkah laku manusia akibat daripada pengaruh interaksi antara kognitif dan persekitaran dan perlakuan manusia lain. Walaupun begitu, Teori Pembelajaran Sosial tidak mengabaikan peranan kognitif. Individu masih mempunyai pilihan sendiri dalam menentukan tingkah laku sendiri. Peranan kognitif yang dapat difahami akan berfungsi dalam menentukan sasaran atau

mangsa untuk dibuli. Kebanyakan pembuli akan memilih mangsa yang lemah daripadanya.

Setiap tingkah laku mempunyai kesan terhadap pelaku dan mangsa tingkah laku tersebut. Tingkah laku buli memberi kesan secara fizikal dan emosi terhadap pembuli dan mangsa buli. Menurut Bandura (1973), seseorang boleh mengawal perbuatannya dengan membayangkan akibat dan kesannya walaupun kita belum mengalaminya. Ia melibatkan proses kognitif iaitu pembuli akan memikirkan kesan akibat tingkah laku buli tersebut ke atas mangsa buli. Proses pemerhatian oleh mangsa buli terhadap tingkah laku pembuli juga melibatkan proses kognitif. Kesan yang terhasil lebih menjurus ke arah kesan berbentuk negatif sama ada terhadap pembuli atau mangsa buli.



Rajah 1.1: Model Tingkah Laku Buli Berasaskan Teori Pembelajaran Sosial Bandura

Berdasarkan rajah 1.1 di atas, pengkaji memilih Teori Pembelajaran Sosial sebagai model tingkah laku buli dalam kajian yang dijalankan. Pengkaji memilih Teori Pembelajaran Sosial sebagai model kajian kerana teori ini melihat tingkah laku buli merupakan satu tingkah laku yang dipelajari dan bukannya satu tingkah laku yang wujud secara semulajadi dalam diri individu. Oleh itu, pendekatan Teori Pembelajaran Sosial adalah sesuai pada pandangan pengkaji untuk melihat dan menganalisis isu tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah rendah kerana pada usia remaja, seseorang individu itu banyak meneroka dan mempelajari sesuatu termasuklah tingkah laku.

Mengikut Teori Pembelajaran Sosial, tingkah laku agresif adalah tingkah laku instrumental yang dikawal oleh peneguhan dan ganjaran luaran (Bandura, 1973). Oleh itu tingkah laku agresif termasuklah tingkah laku buli dilihat sebagai hasil daripada proses pembelajaran dan peniruan terhadap tingkah laku orang lain. Tingkah laku buli ialah tingkah laku agresif proaktif iaitu tingkah laku agresif yang bertujuan untuk memenuhi kemahuan dan memperoleh ganjaran (Connor, 2002).

Pengkaji juga menggunakan Teori Pembelajaran Sosial sebagai model kajian kerana teori ini juga menekankan peranan model dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang. Latihan pemerhatian atau modeling adalah amat penting dalam pembentukan tingkah laku agresif seperti buli (Renfrew, 1997). Ibu bapa dan rakan sebaya merupakan model bagi kanak-kanak. Jika ibu bapa menunjukkan tingkah laku agresif di hadapan kanak-kanak, kanak-kanak itu akan meniru tingkah laku tersebut. Rakan sebaya juga boleh menjadi model bagi tingkah laku agresif seperti buli. Salah satu sebab mengapa pemerhati kejadian buli turut membuli ialah kerana peniruan (Olweus, 1978).

Penggunaan teori ini dirasakan sesuai kerana tingkah laku buli juga adalah akibat daripada interaksi sosial. Tingkah laku buli melibatkan manipulasi sosial untuk mendatangkan kemudaratan terhadap penerimaan seseorang oleh kumpulan atau rakan-rakan (Olweus, 1993; Crick, Bigbee dan Howes, 1996; Owens, Slee dan Shute, 2001). Pembuli cuba untuk menyakinkan rakan sebaya mereka untuk menolak

atau menyingkirkan individu tertentu daripada kumpulan atau interaksi sosial. Kesan daripada perlakuan ini adalah penolakan atau penyingkiran oleh kumpulan atau rakan terhadap mangsa pada ketika mangsa sangat-sangat menghargai nilai hubungan sosialnya. Tingkah laku buli juga bertujuan untuk memperoleh kuasa atau penerimaan oleh rakan sebaya.

Pengkaji memilih teori ini kerana tingkah laku buli juga adalah akibat daripada interaksi sosial. Menurut Owens, Slee dan Shute (2001), tingkah laku buli melibatkan manipulasi sosial untuk mendatangkan kemudaratan terhadap penerimaan seseorang oleh kumpulan atau menentukan jenis-jenis tingkah laku buli. Mereka akan cenderung melakukan perkara yang sama supaya dapat diterima oleh rakan sebaya.

Pembuli sering kali dianggap kuat dan berkuasa. Kanak-kanak juga belajar melalui interaksi sosial. Interaksi sosial ini boleh berlaku di sekolah seperti di kelas, di padang permainan dan di kantin atau di rumah. Melalui interaksi sosial inilah kanak-kanak belajar atau meniru perlakuan-perlakuan yang positif seperti menghormati dan tolong-menolong atau pun tingkah laku negatif seperti buli dan mencuri.

Penggunaan Teori Pembelajaran Sosial juga dianggap sesuai oleh pengkaji kerana teori ini juga mengambil kira peranan kognitif dalam pembentukan tingkah laku seseorang individu. Teori Pembelajaran Sosial merupakan gabungan Teori Pengukuhan (Rangsangan – tindak balas) dan Teori Kognitif. Teori Pembelajaran Sosial menjelaskan bahawa tingkah laku manusia akibat daripada pengaruh interaksi antara kognitif dan persekitaran dan perlakuan manusia lain.

Walaupun begitu, Teori Pembelajaran Sosial tidak mengabaikan peranan kognitif. Individu masih mempunyai pilihan sendiri dalam menentukan tingkah laku sendiri. Peranan kognitif yang dapat difahami akan berfungsi dalam menentukan sasaran atau mangsa untuk dibuli. Kebanyakan pembuli akan memilih mangsa yang lemah daripadanya.

Dapatlah disimpulkan bahawa Teori Pembelajaran Sosial Bandura ini telah membuktikan bahawa proses peniruan, pemerhatian, peneguhan dan ganjaran luaran, interaksi sosial dan kognitif merupakan satu proses yang membentuk jenis-jenis tingkah laku buli, punca-punca tingkah laku buli dan ciri-ciri tingkah laku buli. Semuanya ini akan menghasilkan kesan-kesan tertentu terutamanya kesan-kesan berbentuk negatif terhadap pembuli dan juga mangsa buli. Oleh itu, program-program pencegahan yang sedang dan telah dilakukan di peringkat sekolah selama ini sudah semestinya dapat mengurangkan atau membendung gejala tingkah laku buli ini dari terus berleluasa.


1.11 Kerangka Konsep

Kerangka konsep dalam kajian ini dibina bagi melihat hubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji. Ia menunjukkan bahawa pembuli dan mangsa buli terlibat dengan 3 jenis tingkah laku buli iaitu tingkah laku buli fizikal, tingkah laku buli verbal dan tingkah laku buli antisosial.

Kerangka kajian ini juga menunjukkan wujud 2 ciri-ciri dalam kalangan pembuli dan mangsa buli iaitu ciri-ciri fizikal dan ciri-ciri emosi. Seterusnya, kajian ini juga mengkaji punca-punca tingkah laku buli dalam kalangan pembuli dan juga mangsa buli. Ia dapat dikategorikan kepada 4 iaitu punca-punca fizikal, punca-punca emosi, punca-punca pengaruh luar dan punca-punca lokasi iaitu di sekolah. Ciri-ciri dan punca-punca yang wujud dalam kalangan pembuli dan mangsa buli inilah yang menyebabkan tingkah laku buli terus berlaku dalam persekitaran sekolah.

Kerangka kajian ini juga menunjukkan kesan-kesan akibat bertingkah laku buli terhadap pembuli dan juga mangsa buli. Kesan-kesan terhadap fizikal dan emosi pembuli dan mangsa buli merupakan dua kesan yang dikaji bagi membuktikan wujud kesan-kesan negatif apabila mereka bertingkah laku buli.

Program-program pencegahan tingkah laku buli telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak pentadbir dan guru-guru di peringkat sekolah. Ia dilakukan bagi membendung aktiviti ini dari terus berleluasa dalam kalangan pelajar-pelajar terutamanya pembuli dan mangsa buli. Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh manakah keberkesanan program-program tersebut terhadap pembuli dan juga mangsa buli di SMKA. Kerangka konsep yang digunakan dalam kajian ini ditunjukkan seperti dalam rajah 1.2.



Rajah 1.2: Kerangka Konsep Tingkah Laku Buli Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Di Sarawak.

1.12 Definisi Istilah

Terdapat beberapa definisi operasional dan huraian konsep bagi istilah-istilah yang terdapat dalam kajian ini:

1.12.1 Tingkah Laku Buli

Tattum dan Lane (1998) menyatakan tindakan membuli mungkin dilakukan oleh individu atau kumpulan. Ia secara umumnya termasuklah mencederakan orang lain, tolak-menolak, mengejek, penyisihan, pemulauan, perasugut, gangguan telefon, mengambil barang orang lain, bergaduh, bertumbuk, mempersendakan, fitnah, fitnah, mengintip orang lain, menyogok, meludah, memanggil nama dengan panggilan yang tidak disukai atau tidak baik, mencela atau mencaci, merosakkan harta benda orang lain dan mengancam.

Tingkah laku buli merupakan satu bentuk tingkah laku agresif (Smith dan Sharp, 1994). Tingkah laku buli adalah tingkah laku agresif yang dilakukan secara berulang kali terhadap orang lain secara individu atau berkumpulan. Tingkah laku agresif boleh jadi dalam bentuk fizikal atau lisan yang boleh menyebabkan kecederaan atau ketidak selesaan atau kesakitan ke atas individu lain iaitu mangsa buli. Tingkah laku buli termasuklah tindakan –tindakan seperti mengejek, pemulauan dan memukul (Olweus, 1991; Rigby, 1994; Thompson dan Sharp, 1998). Tingkah laku buli tidak boleh digunakan untuk merujuk kepada konflik antara dua pelajar seperti bergaduh atau bertumbuk (Dake, 2003).

Definisi operasional tingkah laku buli dalam kajian ini adalah merujuk kepada tingkah laku atau perbuatan negatif sama ada secara fizikal, verbal (lisan) atau antisosial (secara psikologi) yang dilakukan oleh seseorang yang lebih berupaya terhadap seseorang yang kurang upaya atau yang tidak upaya secara berulang kali. Contohnya seperti memukul, mengejek, mengugut dan memulau.

1.12.2 Pembuli

Perlakuan buli adalah satu bentuk interaksi sosial di mana individu yang lebih dominan akan menunjukkan tingkah laku agresif yang cenderung menyebabkan ketidak selesaian kepada individu yang kurang dominan atau lemah (Olweus, 1978).

Maksud pembuli dalam kajian ini ialah orang yang melakukan tingkah laku buli sama ada secara fizikal, verbal dan antisosial.

1.12.3 Mangsa Buli

Menurut Rigby (1996), mangsa buli ialah seseorang yang menjadi sasaran terhadap pelbagai tingkah laku agresif akibat perbuatan menindas atau menekan secara fizikal atau psikologi oleh seseorang yang lebih berkuasa terhadap seseorang yang tidak berkuasa.

Mangsa buli dalam kajian ini ialah orang yang dibuli iaitu orang yang menerima akibat atau kesan langsung atau tidak langsung daripada perbuatan atau tingkah laku buli.

1.12.4 Jenis-Jenis Tingkah Laku Buli

Menurut Olweus (1993), terdapat tiga jenis tingkah laku buli iaitu fizikal, verbal dan tingkah laku anti sosial. Tingkah laku buli fizikal adalah seperti memukul, menarik rambut, menendang dan mengambil barang kepunyaan orang lain (Olweus, 1993; Smith dan Sharp, 1994). Tingkah laku buli verbal ialah seperti panggilan nama, mengejek, mengusik dan mencemooh berulang kali, menghina dan melabel kaum (Smith dan Sharp, 1994; Salmivalli, 2001). Tingkah laku buli yang berkaitan dengan tingkah laku anti sosial ialah memulau, gossip, fitnah dan merosakkan harta benda secara berulang-ulang kali (Olweus, 1993; Smith dan Sharp, 1994; Rigby, 2000).

Jenis-jenis tingkah laku buli dalam kajian ini adalah merujuk kepada jenis-jenis tingkah laku buli seperti mana didefinisikan oleh Olweus (1993) iaitu secara fizikal seperti memukul, menarik rambut, menendang dan mengambil barang orang lain. Tingkah laku buli secara verbal pula ialah seperti memanggil nama seseorang dengan nama yang tidak disukai, mencabar untuk mencederakan, menakutkan, mengusik seseorang dan sebagainya. Tingkah laku buli bersifat antisosial seperti menghina keluarga, memfitnah, menjadikan seseorang sebagai bahan ejekan dan merosakkan harta benda milik individu lain secara berulang kali.

1.12.5 Ciri-Ciri Pembuli

Para pengkaji mendapati pembuli mempunyai tahap psikososial yang rendah (Demaray dan Malecki, 2003). Pembuli biasanya lebih agresif, mempunyai fizikal yang lebih kuat dan lebih besar berbanding mangsa. Pembuli-pembuli lazimnya adalah terdiri daripada mereka yang secara fizikalnya kuat dan penghargaan sendiri yang baik dan berkembang. Mereka tidak mempunyai rasa tanggungjawab terhadap tindakan yang telah mereka lakukan, sering berasa ingin mengawal dan mendominasi serta tidak mampu memahami dan menghargai orang lain (Twemlow, 2000).

Ciri-ciri fizikal pembuli dalam kajian ini ialah mereka mempunyai sikap yang menghasilkan tingkah laku buli seperti bangga diri, suka mengawal orang lain dan juga aspek-aspek fizikal yang nyata seperti mempunyai fizikal yang lebih kuat dan besar dari mangsa. Manakala ciri-ciri emosi pembuli pula seperti keluarga yang miskin, tidak disukai rakan sekelas, selalu dimarahi guru dan pelajar yang lemah dalam pelajaran.

1.12.6 Ciri-Ciri Mangsa Buli

Isu ketidak mampuan mangsa buli adalah berkait rapat dengan ketidak upaya atau kekurangan mereka dari aspek fizikal dan psikologi, penyisihan sosial, keseorangan, rasa tidak selamat dan penghargaan sendiri yang lemah. Ciri-ciri

ketidak upaya dan kekurangan ini seolah-olah cermin yang menggambarkan mangsa buli (Boulton dan Underwood, 1992; Hoover dan Hazler, 1991; Olweus, 1993). Mangsa buli juga mempunyai ciri-ciri fizikal yang lemah. Pelajar atau individu yang mempunyai kekurangan dari segi ciri-ciri fizikal, tahap kebimbangan yang tinggi dan kemahiran sosial yang rendah berpotensi untuk dijadikan mangsa buli oleh rakan-rakan sebaya (Egan dan Perry, 1998).

Ciri-ciri fizikal mangsa buli dalam kajian ini merujuk kepada individu yang mempunyai kekurangan dari segi ciri-ciri fizikal seperti tubuh yang gemuk, bertubuh kecil, wajah hodoh (contohnya seperti banyak berjerawat) dan sebagainya. Ciri-ciri emosi pula seperti lebih disayangi guru, umur lebih muda, mendapat kedudukan tercorot dalam kelas dan sebagainya.

1.12.7 Punca Tingkah Laku Buli

Beberapa kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa pembuli mungkin berasal daripada mangsa yang pernah mengalami perlakuan ganas atau deraan (Corsaro & Eder, (1993); Verlinden, Herson dan Thomas, 2000). Tindakan mereka membuli adalah bertujuan untuk membalas dendam. Pembuli-pembuli juga cenderung untuk menganggap bahawa dirinya sentiasa diancam dan dalam bahaya. Mereka akan bertindak menyerang sebelum diserang sebagai justifikasi dan sokongan terhadap tingkah laku agresif yang telah dilakukan. Pembuli-pembuli lazimnya adalah terdiri daripada mereka yang secara fizikalnya kuat dan penghargaan sendiri yang baik dan berkembang. Mereka tidak mempunyai rasa tanggungjawab terhadap tindakan yang telah mereka lakukan, sering berasa ingin mengawal dan mendominasi serta tidak mampu memahami dan menghargai orang lain (Twemlow, 2000).

Olweus (1993) mendapati bahawa terdapat mangsa-mangsa buli yang berkelakuan menyakitkan hati orang lain disekeliling mereka. Perlakuan mereka ini seterusnya mencetuskan provokasi terhadap orang lain disekeliling mereka dan akhirnya mencetuskan pula reaksi negatif daripada orang lain. Mangsa buli

provokatif ini secara langsung akan mengumpukan atau menarik perhatian pembuli untuk membuli mereka. Mereka juga sering membangkitkan kemarahan orang lain untuk membuli mereka dengan penggunaan kata-kata yang menyakitkan hati (Matusova, 1997). Pelajar-pelajar ini juga dikatakan mempunyai sifat yang mudah bergaduh, pemaarah, dan berkelakuan yang menjelikkan orang lain.

Punca-punca tingkah laku buli dalam kalangan pembuli yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah punca fizikal seperti tubuh badan yang besar, umur lebih tua, selalu berbangga dengan diri sendiri dan sebagainya. Seterusnya punca emosi seperti membalas dendam, untuk keseronokan, tidak suka kepada pelajar tersebut dan sebagainya. Punca seterusnya ialah pengaruh luar seperti dipengaruhi oleh rakan, ibu bapa tidak memperdulikannya, pernah dibuli dan sebagainya. Manakala punca lokasi seperti di kelas, padang permainan, kantin, asrama dan sebagainya.

Punca-punca tingkah laku buli dalam kalangan mangsa buli yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah punca fizikal seperti badan yang kelakar (contohnya bertubuh rendah / pendek, ada bertingkah laku seperti tingkah laku haiwan), umur lebih muda, tidak disukai dan sebagainya. Seterusnya punca emosi seperti sikapnya yang pendiam, membalas dendam, suka berada dalam kelas dan sebagainya. Punca seterusnya ialah pengaruh luar seperti keluarganya miskin, dipengaruhi oleh rakan, tiada kawan sekelas dan sebagainya.

Punca berlakunya tingkah laku buli juga melibatkan lokasi kejadian. Lokasi adalah tempat, situasi atau kedudukan (Webster, 1985). Maksud lokasi dalam kajian ini merujuk lokasi di dalam kelas, asrama, padang permainan, kantin dan padang perhimpunan sebagai tempat di mana tingkah laku buli berlaku atau dilakukan di sekolah berdasarkan jawapan soal selidik responden kajian.

1.12.8 Kesan Tingkah Laku Buli

Kanak-kanak yang dikenal pasti sebagai pembuli adalah tiga kali ganda cenderung untuk melanggar undang-undang apabila mencapai umur 30 tahun (Beale, 2001).

Pembuli juga akan menekan rakan sebaya mereka dengan mengarahkan mereka melakukan tingkah laku berisiko tinggi seperti merokok dan minum arak (Berthold dan Hoover, 2000).

Mangsa buli lazimnya akan cenderung untuk ponteng sekolah, mengalami penghargaan sendiri yang rendah dan dalam kes-kes yang kronik, mereka akan lari dari rumah, bunuh diri atau membunuh pembuli (Ma *et al.*, 2001). Mangsa buli akan menderita dari aspek sosial dan akademik dan ini akan mengakibatkan mereka memilih untuk bunuh diri dan ianya merupakan akibat yang paling kronik (Beale, 2001).

Definisi operasional berkaitan kesan tingkah laku buli terhadap pembuli merujuk kepada kesan terhadap fizikal seperti suka melanggar peraturan sekolah, mencederakan orang lain dan terlibat dengan jenayah, manakala kesan terhadap emosi mereka seperti dapat meningkatkan penghargaan sendiri, menjadi lebih berani dan dikagumi oleh rakan-rakan.

Definisi operasional berkaitan kesan tingkah laku buli terhadap mangsa buli dalam kajian ini merujuk kepada kesan terhadap fizikal seperti tidak mahu hadir ke sekolah, bertindak balas terhadap orang yang membuli dan sebagainya, manakala kesan emosi pula seperti malu bergaul, risau apabila berada dalam kawasan sekolah dan sebagainya.

1.12.9 Program Pencegahan

Program berasaskan sekolah yang komprehensif merupakan cara yang paling efektif bagi menangani masalah tingkah laku buli di sekolah (Garrity *et al.*, 1997). Definisi operasional dalam kajian ini berkaitan dengan program pencegahan adalah program yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak sekolah untuk mencegah atau mengurangkan kejadian tingkah laku buli. Ia boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk sama ada melalui kurikulum pencegahan tingkah laku buli, peraturan-peraturan, disiplin sekolah, kempen, penubuhan pasukan khas ko-kurikulum dan

lain-lain program yang bertujuan untuk mencegah atau mengurangi tingkah laku buli di sekolah.

1.12.10 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama bermakna institusi pendidikan bantuan penuh kerajaan yang dikawal oleh Jabatan Pelajaran Negeri yang menawarkan pendidikan menengah (dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5).

Antara matlamat penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama ialah untuk mendidik pelajar dengan keperibadian Islam, membekalkan ilmu yang memenuhi tuntutan duniawi dan ukhrawi, memperkembangkan potensi pelajar dari segi minat, kreativiti, sahsiah dan kepimpinan dan memberi peluang kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang ilmu dalam dan luar negara.

1.12.11 Remaja

Perkataan remaja berasal daripada perkataan Latin "*adolescence*" yang bermaksud meningkat dewasa dan matang. Ia merupakan satu jangka masa peralihan daripada zaman kanak-kanak kepada alam dewasa. Sesungguhnya jangka masa ini melibatkan beberapa perubahan ke atas diri remaja berkenaan.

Definisi tentang remaja iaitu perubahan terhadap sosiologi, biologi dan psikologi seorang manusia. Sosiologi melihat remaja itu sebagai manusia yang sedang menuju kematangan hasil daripada proses sosiolisasi, iaitu remaja belajar membiasakan diri dengan cara, idea, kepercayaan, nilai dan norma kebudayaan masyarakat untuk dijadikan sebahagian daripada personalitinya. Jelasnya, remaja dibentuk dari alam sekitar dan perilaku mereka tidak serupa. Oleh itu, sesiapa yang ingin berhadapan dengan mereka perlulah memahami cara dan tingkah laku mereka (Ibrahim Mamat, 2001).

Definisi operasional remaja dalam kajian ini adalah merujuk kepada pelajar tingkatan 2 dan pelajar tingkatan 4 ialah remaja yang sedang belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama yang berumur diantara 14 tahun dan 16 tahun. Pelajar tingkatan 2 berumur 14 tahun dan pelajar tingkatan 4 berumur 16 tahun.

1.13 Penutup

Kajian ini adalah untuk mengkaji masalah tingkah laku buli dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak. Setelah mengenal pasti latar belakang masalah, penyataan masalah dan menentukan objektif serta menyatakan persoalan kajian, maka dalam Bab II nanti akan memaparkan beberapa hasil kajian, kenyataan laporan dan kajian lepas berkaitan tingkah laku buli sama ada dalam negeri atau luar negeri secara umum.

BAB II

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan beberapa penulisan dan penyelidikan tentang tingkah laku buli iaitu berkaitan dengan jenis tingkah laku buli, ciri-ciri individu yang bertingkah laku membuli dan dibuli, punca-punca kejadian buli, kesan tingkah laku buli terhadap pembuli dan mangsanya dan program pencegahan yang berkesan untuk mengatasi masalah tingkah laku buli ini.

Bab ini juga akan menyorot kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tingkah laku buli dan teori yang berkenaan. Ini dapat membantu penyelidik dalam pembentukan model kajian bagi mengkaji tingkah laku buli dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak.

2.2 Definisi Tingkah Laku Buli

Tingkah laku buli boleh ditunjukkan dalam pelbagai bentuk dan cara tanpa mengira jantina. Terdapat pelbagai definisi tentang tingkah laku buli diberikan oleh para sarjana. Definisi tingkah laku buli ini bergantung kepada budaya sesuatu masyarakat di mana satu tingkah laku buli itu mungkin dikatakan tingkah laku buli oleh satu masyarakat dan bagi masyarakat lain ianya bukan tingkah laku buli. Bagi masyarakat Melayu, panggilan nama atau gelaran yang tidak baik misalnya bukan satu tingkah laku buli, sebaliknya sebagai tingkah laku yang bersifat gurauan.

Buli pada dasarnya adalah penyalahgunaan kuasa. Ia adalah operasi psikologikal atau fizikal yang berulang-ulang terhadap individu yang lemah oleh individu atau kumpulan yang lebih berkuasa (Rigby, 1996). Apa yang penting dalam mendefinisikan tingkah laku buli ialah wujudnya ketidakimbangan kuasa antara pembuli dan mangsa buli. Pembuli lebih berkuasa daripada mangsa buli. Dalam kes buli, tidak ada tindak balas daripada mangsa buli ketika kejadian buli. Jika ada tindak balas ketika kejadian buli, maka keseimbangan kuasa antara pembuli dan mangsa buli wujud. Keadaan ini tidak lagi dikelaskan sebagai kejadian buli atau tingkah laku buli.

Menurut kajian oleh Arora dan Thomson (1987) mengenai tingkah laku buli di sekolah-sekolah Britain, tingkah laku buli adalah satu proses perlakuan bagi memelihara kekuasaan sosial melalui perlakuan agresif secara terbuka yang terjadi kerana mangsa tidak mempunyai kapasiti atau keupayaan atau ketrampilan yang cukup untuk berintegrasi dengan kelompok sebaya mereka.

Definisi tingkah laku buli yang paling banyak diterima pakai oleh para sarjana ialah definisi tingkah laku buli yang diberikan oleh Olweus (1993) yang menyatakan bahawa tingkah laku buli ialah tingkah laku agresif yang dilakukan secara berulang kali terhadap orang lain secara individu atau berkumpulan. Tingkah laku buli merupakan juga satu bentuk interaksi sosial di mana individu yang lebih dominan iaitu pembuli akan menunjukkan tingkah laku agresif yang cenderung menyebabkan ketidakselesaan kepada individu yang kurang dominan atau lemah iaitu mangsa buli.

Apa yang penting dalam mendefinisikan tingkah laku buli ialah tidak wujud keseimbangan kuasa di antara pembuli dan mangsa buli serta ianya berlaku secara berulang kali. Pembuli lebih berkuasa daripada mangsa buli. Tingkah laku buli tidak boleh digunakan untuk merujuk kepada konflik antara dua pelajar seperti bergaduh atau bertumbuk (Dake, 2003). Kenyataan ini disokong oleh Pepler dan Craig (1988) yang mendefinisikan tingkah laku buli sebagai perlakuan agresif yang dikategorikan sebagai ketidakimbangan kuasa antara pembuli dengan mangsa buli.

Selain daripada definisi yang diberikan di atas, tingkah laku buli juga didefinisikan sebagai satu set tingkah laku yang mana dilakukan secara sengaja dan menyebabkan kemudaratan secara fizikal serta psikologikal penerimanya (Smith dan Thompson, 1991). Menurut Tattum dan Tattum (1992) pula, tingkah laku buli didefinisikan sebagai keinginan untuk mencederakan atau meletakkan seseorang kepada situasi dalam tekanan. Ianya diarahkan kepada individu yang tidak berupaya untuk mempertahankan dirinya di dalam situasi sebenar (Roland, 1993).

Definisi di atas mempunyai persamaan dengan definisi oleh Penyelidik di Amerika seperti Hoover (1993) yang mendefinisikan tingkah laku buli sebagai penyalahgunaan fizikal atau psikologi oleh seorang individu kepada seorang atau sekelompok individu lain.

Definisi tingkah laku buli yang diberikan oleh undang-undang Britain ialah suatu keganasan fizikal atau psikologi yang sudah terjadi dalam satu jangka masa yang lama, yang dilakukan oleh seseorang atau satu kumpulan individu lain yang tidak mampu mempertahankan dirinya. Perbuatan ini merupakan perbuatan yang disedari dan untuk menyakiti, mengancam atau menakutkan individu itu atau meletakkannya di bawah tekanan (Heald, 1994).

Kajian-kajian terkini mengenai pelakuan buli pula mendefinisikan tingkah laku buli sebagai sebahagian atau subset daripada perlakuan agresif yang mempunyai keupayaan menyebabkan kesakitan secara fizikal atau secara psikologi ataupun kedua-duanya. Tingkah laku buli merupakan satu bentuk tingkah laku agresif (Smith dan Sharp, 1994).

Klasifikasi tingkah laku buli termasuklah tindakan-tindakan yang bersifat mengejek, penyisihan sosial dan memukul (Crick, 1997; Olweus, 1991; Rigby, Cox, dan Black, 1997; Thompson dan Sharp, 1998). Menurut Banks (2000) pula, tingkah laku buli dapat dihuraikan sebagai mempersenda, menghina, mengancam, memukul, mencuri, dan serangan-serangan langsung yang dimulakan oleh seorang atau lebih terhadap mangsa.

Tingkah laku buli juga menggabungkan julat tingkah laku yang luas seperti panggilan nama yang bersifat menghina, peras ugut, perlakuan ganas, fitnah, penyisihan daripada kumpulan, merosakkan harta benda orang lain dan ancaman verbal (Smith dan Sharp, 1994).

Tingkah laku buli merupakan satu fenomena yang kompleks (Collins, 2004). Secara umumnya, perlakuan buli bolehlah didefinisikan sebagai satu perbuatan negatif oleh seseorang yang lebih kuat atau berkuasa terhadap orang lain yang lebih lemah atau kurang berkuasa secara berulang-ulang kali.

Aspek-aspek umum dalam mendefinisikan tingkah laku buli dalam kajian ini meliputi aspek kekuasaan sosial yang ingin dimiliki oleh pembuli terhadap mangsanya. Ini disebabkan oleh ketidakupayaan mangsa buli untuk berinteraksi dengan persekitaran rakan sebayanya dan ini akan menyebabkan mereka terdedah dengan tingkah laku negatif seperti tingkah laku buli.

2.3 Teori-Teori Berkaitan Tingkah Laku Buli


Topik ini akan membincangkan beberapa teori pembentukan tingkah laku buli dalam kalangan remaja mengikut pendapat ahli-ahli Psikologi bagi tujuan pengetahuan dan kefahaman yang mendalam tentang tajuk kajian ini. Antara teori-teori yang berkaitan dengan tingkah laku buli ialah Teori Pembelajaran Sosial Bandura, Teori Psikososial Erik Erikson, Teori Hierarki Keperluan Maslow dan Teori Psikoanalisis Freud.

2.3.1 Tingkah Laku Buli Mengikuti Teori Pembelajaran Sosial Bandura

Tingkah laku buli tidak dapat dinafikan merupakan sebahagian daripada tingkah laku agresif. Fenomena buli boleh difahami dalam konteks keagresifan (Olweus, 1978). Agresif ialah tingkah laku yang dirangsangkan oleh kemarahan, keganasan atau sifat bersaing yang diarahkan terhadap orang atau objek lain mahupun terhadap diri sendiri. Ia boleh dianggap bertujuan untuk membahayakan, mengganggu atau memusnahkan. Tingkah laku agresif sebagai tingkah laku yang bertujuan untuk mencederakan orang lain secara fizikal atau psikologi.

Teori Pembelajaran Sosial yang dikemukakan oleh Albert Bandura telah menyarankan bahawa sifat agresif ialah sesuatu yang dipelajari dan bukannya secara semulajadi wujud dalam diri seseorang individu. Tingkah laku agresif dipelajari daripada persekitaran sosial seperti interaksi dengan keluarga, interaksi dengan rakan sebaya dan media massa (Mahmood Nazar, 1990).

Tingkah laku agresif ini juga boleh disebabkan oleh sesuatu kejadian atau pengalaman yang menyakitkan (Mahmood Nazar, 1990). Sesuatu peristiwa atau pengalaman yang menyakitkan ini akan membangkitkan emosi, seterusnya akan mencetuskan tingkah laku seperti pergantungan, penarikan diri, agresif dan penggunaan dadah atau alkohol. Perolehan insentif seperti pencapaian sesuatu matlamat juga boleh membangkitkan emosi yang akan mencetuskan tingkah laku.



Rajah 2.1 : Teori Pembelajaran Sosial Tentang Keagresifan (Albert Bandura, 1973)

Tingkah laku agresif boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu fizikal dan verbal (Atlas dan Pepler, 1998). Tingkah laku agresif fizikal termasuklah ugutan secara fizikal atau kekerasan, menendang, memukul, menolak dan mengambil atau memusnahkan barang milik orang lain. Tingkah laku agresif berbentuk verbal pula ialah seperti panggilan nama yang tidak disukai, mengejek, menyebarkan fitnah dan gossip (Smith dan Thompson, 1991). Tingkah laku agresif merupakan tingkah laku yang dipelajari dan ditiru melalui pemerhatian terhadap orang lain dan pengalaman lalu (Bandura, 1973). Berdasarkan kepada pendekatan ini tingkah laku negatif atau tingkah laku positif merupakan tingkah laku yang dipelajari oleh seseorang sama ada melalui pemerhatian atau peniruan.

Bandura (1973) juga menerangkan bahawa tanpa kewujudan peneguhan secara langsung individu juga mempelajari tingkah laku agresif melalui pemerhatian terhadap orang lain atau melalui pelbagai pengalaman yang mereka lalui. Bagi menunjukkan bagaimana kanak-kanak meniru tingkah laku agresif selepas memerhatikan tingkah laku model mereka, Bandura (1973) telah menjalankan eksperimen terhadap lima kumpulan kanak-kanak. Kumpulan pertama melibatkan

kanak-kanak prasekolah yang telah didedahkan kepada tingkah laku agresif model dewasa terhadap patung bobo. Kanak-kanak dalam kumpulan kedua didedahkan kepada filem yang menayangkan tingkah laku agresif orang dewasa. Kanak-kanak dalam kumpulan ketiga pula memerhatikan tingkah laku agresif karakter kartun terhadap patung bobo. Kanak-kanak dalam kumpulan keempat pula telah bertindak sebagai kumpulan kawalan dan mereka tidak didedahkan kepada sebarang bentuk pemerhatian. Kanak-kanak dalam kumpulan kelima didedahkan kepada tingkah laku tidak agresif.

Dapatan daripada eksperimen yang dijalankan oleh Bandura (1973) ialah kanak-kanak yang memerhati tingkah laku agresif individu lain sama ada secara langsung atau melalui filem atau kartun akan bertingkah laku agresif selepas itu berbanding kanak-kanak dalam kumpulan kawalan dan tingkah laku tidak agresif. Beliau juga mendapati kanak-kanak dalam kumpulan memerhati tingkah laku tidak agresif akan bertingkah laku kurang agresif berbanding kumpulan kawalan. Keputusan daripada eksperimen ini menunjukkan bahawa manusia boleh mempelajari sesuatu tanpa sebarang peneguhan dan hukuman secara langsung.

Teori Pembelajaran Sosial menekankan kepada proses peniruan sebagai bertanggungjawab kepada pembelajaran tingkah laku. Pemerhatian tingkah laku orang lain merupakan sebagai proses peniruan yang akan membentuk tingkah laku agresif seseorang. Peniruan melalui pemerhatian merupakan satu proses pembelajaran tanpa penglibatan pengalaman lepas secara langsung (Renfrew, 1997).

2.3.2 Tingkah Laku Buli Mengikut Teori Psikososial Erik Erikson

Teori Psikososial Erik Erikson menyatakan bahawa tiap-tiap individu melalui 8 peringkat perkembangan yang dinamakan peringkat psikososial. Tiap-tiap peringkat digambarkan oleh pelbagai krisis psikologikal yang perlu diselesaikan oleh individu sebelum individu tersebut bergerak ke peringkat seterusnya. Jika individu menangani

krisis tertentu dalam keadaan yang tidak sesuai, maka individu tersebut akan mengalami kesusahan untuk menangani krisis-krisis tersebut pada masa hadapan (Kail, 1998).

Krisis identiti keremajaan (peringkat identiti dengan kekeliruan peranan) merupakan krisis yang paling penting (Erickson, 1963). Tubuh mengalami perubahan biologikal dan hormon yang menghasilkan naluri kesedaran sendiri. Remaja memperolehi kesedaran kesedaran terhadap diri mereka sebagai individu, rakan seksual, pekerja dan ibu bapa yang berkebolehan dan sebagai individu baru. Tarikan terhadap jantina berlawanan mula muncul semula. Pengharapan baru terhadap diri diadaptasikan. Imej-imej sendiri ini pada mulanya cenderung untuk menjadi fleksibel selalunya akan berubah mengikut masa, tempat dan situasi. Perkembangan ego pada ketika ini menyediakan remaja untuk menanggung beban identiti sendiri. Ibu bapa guru, rakan dan orang-orang terdekat dengan individu mempunyai pengaruh yang kuat dalam pembentukan identiti remaja. Remaja pada ketika itu berusaha untuk menyelesaikan krisis identiti mereka dengan menguji pelbagai peranan, nilai dan perhubungan.

Menurut Gill (1999), perkembangan keremajaan menjadi sinonim dengan tugas untuk membentuk pemilihan identiti sendiri yang unik. Jika remaja gagal dalam pembentukan identiti ini, maka akan wujudlah kekeliruan dan kekecewaan. Remaja yang tidak dapat menilai yang mana buruk atau baik, akan mula melakukan berbagai-bagai salah laku seperti melepak, gangsterism dan membuli.

Remaja mungkin tidak mempunyai niat nilai sosial untuk mencapai imej positif melalui keupayaan dan pencapaian yang baik. Mereka akan mengarahkan penghargaan sendiri mereka dalam lingkungan kekuatan kuasa fizikal terhadap orang lain. Mengancam orang lain mungkin menjadi salah satu cara mengukuhkan identiti sendiri untuk memenuhi atau menampung kekecewaan dalam bidang yang lain (Staub, 1999).

Menurut Olweus (1997), remaja yang agresif dan pembuli yang berulang-ulang kali membuli mangsa didapati mempunyai penghargaan sendiri atau '*self esteem*' yang tinggi. Kajian oleh Edens (1999) mendapati remaja yang paling agresif mempunyai sistem sendiri yang lebih tegas apabila dibandingkan dengan kanak-kanak yang kurang agresif.

2.3.3 Tingkah Laku Buli Mengikut Teori Hirarki Keperluan Maslow

Terdapat lima keperluan asas manusia iaitu keperluan fisiologi, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan sendiri (*self esteem*) dan keperluan kesempurnaan sendiri (*self actualization*) (Maslow, 1970). Kesemua keperluan ini diletakkan dalam satu hierarki mengikut urutan kekuatan motivasi. Keperluan yang asas atau rendah (fisiologi) merupakan keperluan yang paling kuat atau utama manakala keperluan yang paling tinggi (kesempurnaan sendiri) merupakan keperluan yang paling lemah. Keperluan yang paling rendah adalah keperluan biologikal dan keperluan yang paling tinggi adalah keperluan psikologikal. Menurut Maslow (1970) lagi, keperluan di tahap yang paling rendah (fisiologi) harus dipenuhi terlebih dahulu sebelum seseorang individu memikirkan tahap yang kedua.

Dalam erti kata lain, keperluan di tahap kedua dan seterusnya tidak akan wujud jika keperluan di tahap pertama atau sebelumnya tidak mencapai kepuasan atau kesempurnaan. Keperluan di tahap rendah adalah keperluan yang semestinya dilakukan oleh setiap individu bagi mengekalkan kestabilan "*Hemeostasis*". Kepuasan memenuhi keperluan di tahap yang tinggi dianggap sebagai mencapai keperluan pertumbuhan (*growth needs*). Kegagalan dalam memenuhi atau memuaskan keperluan-keperluan asas ini akan membawa kepada gangguan dan kecelaruan sama ada dalam aspek fisiologi atau psikologi.

Penghargaan sendiri (*self esteem*) merupakan anugerah yang amat bermakna kepada kanak-kanak (Penney, 2003). Melalui tingkah laku buli, pembuli yang

sememangnya mempunyai penghargaan sendiri yang rendah bertindak merampas penghargaan sendiri daripada mangsanya. Pembuli bertindak untuk menguasai diri orang lain (mangsa) bagi membolehkan mereka merasa berkuasa serta dihargai dan dipihak mangsa buli pula, mereka akan berasa hilang penghargaan atau keyakinan diri. Oleh sebab penghargaan sendiri merupakan salah satu daripada ciri-ciri keperluan asas manusia, maka ketidakupayaan untuk memenuhi atau memuaskan keperluan ini akan memberi kesan negatif yang amat mendalam terhadap pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak terutama sekali para pelajar di sekolah menengah. Tingkah laku buli merupakan perosak atau pemusnah penghargaan sendiri. Ia perlu diperbetulkan dan ditangani dengan segera di peringkat kanak-kanak dan remaja.

Pelajar sekolah menengah perlu diselamatkan dari gejala pemusnah penghargaan sendiri ini. Mereka perlu dihindarkan daripada menjalani kehidupan sebagai pembuli dan mangsa buli di sekolah yang akhirnya akan merosakkan serta memusnahkan penghargaan sendiri mereka. Ini penting bagi mereka untuk mengharungi cabaran usia muda yang amat mencabar bagi membolehkan mereka berfungsi sebagai individu serta anggota masyarakat yang berkeyakinan dan berjaya.

2.3.4 Teori Psikoanalisis Freud dan Tingkah laku Buli

Teori Psikoanalisis melihat keagresifan adalah naluri semula jadi manusia dan ia tidak dapat dielakkan daripada realiti kehidupan manusia (Glassman, 1995). Menurut teori psikoanalisis, struktur personaliti individu terdiri daripada *id*, *ego* dan *superego*. Pendorong kepada tingkah laku dan sifat keagresifan ialah *id*. *Ego* pula berfungsi sebagai pemikiran, persepsi dan kawalan motor yang akan menilai secara tepat keadaan persekitaran. *Ego* merupa pengimbang antara *id* dan *superego*. Dalam usaha untuk memenuhi fungsi adaptasi ini, *ego* mesti berupaya mengukuhkan penanguhan kepuasan impuls naluri daripada *id*. Untuk mempertahankan dirinya daripada impuls-impuls yang tidak dijangkakan, *ego* perlu membentuk mekanisma khusus yang dikenali sebagai

mekanisme bela diri. Mekanisme-mekanisme ini termasuklah repressi, penyingkiran dan pengukuhan pola-pola tingkah laku yang secara langsung bertentangan dengan keperluan tidak sedar. Perkembangan personaliti wujud melalui penempatan berperingkat `libido' yang memberi tenaga kepada tubuh untuk menukarkannya kepada stimulasi. Ianya berfungsi sebagai penyebab utama aktiviti mental dan tingkah laku manusia dalam memburu keseronokan dan ketegangan. Konflik dalam kehidupan akan mewujudkan kebimbangan. Kebimbangan ini akan dihadapi oleh individu dengan menggunakan mekanisme bela diri.

Pembuli lazimnya wujud daripada kalangan kanak-kanak atau pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga yang bermasalah. Farrington (1993), menyatakan bahawa pembuli mungkin wujud dalam kalangan keluarga yang mempunyai bapa yang bersifat seorang pembuli. Menurut Stevens *et al.* (2002), latar belakang keluarga yang mempunyai pelbagai masalah seperti, kurangnya interaksi prososial, pengukuhan terhadap tingkah laku agresif, ketidaktekalan serta kaedah disiplin yang lemah mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak untuk menjadi pembuli. Pengalaman lampau sebagai mangsa buli akan menyebabkan kanak-kanak tersebut bertindak untuk membuli orang lain sebagai mekanisme bela dirinya untuk merasai dirinya adalah individu yang berkuasa.

2.4 Masalah Tingkah Laku Buli Di Sekolah

Tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah bukan sahaja merupakan masalah di negara kita, tetapi ianya juga merupakan masalah di seluruh dunia (Rigby dan Slee, 1991, 1993; Smith & Sharp, 1994). Banyak penyelidik mendapati tingkah laku agresif dan buli merupakan satu fenomena tingkah laku yang berlaku secara berleluasa di sekolah pada hari ini (Beale, 2001; Yoon dan Karen Kerber, 2003). Dapatan kajian oleh para sarjana Barat menunjukkan bahawa satu daripada sepuluh pelajar adalah terlibat dalam tingkah laku buli sama ada sebagai pembuli atau mangsa buli (Glover, 2000).

Berdasarkan kepada kajian tentang masalah tingkah laku buli yang telah dijalankan oleh Smith dan Sharp (1994), didapati bahawa 10% daripada pelajar yang dikaji melaporkan yang mereka sama ada jarang atau kerap dibuli dan 4% daripada pelajar melaporkan bahawa mereka telah dibuli sekurang-kurangnya sekali seminggu sepanjang tempoh kajian dijalankan.

Kajian tentang masalah tingkah laku buli terhadap 20 orang pesalah-pesalah juvana di Ontario, Canada yang telah dijalankan oleh Connell dan Farrington (1996) mendapati bahawa 45% daripada responden terlibat sebagai pembuli dan 25% lagi sebagai mangsa buli beberapa kali seminggu atau lebih.

Kajian yang dijalankan oleh Nansel *et al.* (2001) berkaitan tentang masalah tingkah laku buli menunjukkan antara 8.4% hingga 20% kanak-kanak di Amerika Syarikat melaporkan bahawa mereka telah menjadi mangsa buli beberapa kali dalam seminggu. Manakala kajian oleh Haynie *et al.* (2001) mendapati bahawa seramai 24.4% hingga 44.6% kanak-kanak melaporkan bahawa mereka telah menjadi mangsa buli sekurang-kurangnya sekali dan tingkah laku buli ini memberikan implikasi yang negatif kepada 25% hingga 50% kanak-kanak di sekolah.

Kajian mengenai tingkah laku buli di Malaysia yang dijalankan oleh Abdul Latif (2005) ke atas 480 orang pelajar di sekolah menengah daerah Batu Pahat, Johor menunjukkan hanya 22.7% daripada mereka menyatakan pernah dibuli. Daripada jumlah ini hanya 2.5% pelajar menyatakan mereka dibuli sekali hingga dua kali seminggu, manakala 5.6% menyatakan mereka dibuli sekali atau dua kali sebulan dan 11.9% lagi menyatakan mereka jarang sekali dibuli (sekali atau dua kali setahun). Jumlah ini menunjukkan tahap tingkah laku buli terutama di daerah Batu Pahat ada pada tahap yang rendah.

Kajian yang dilakukan oleh Noran Fauziah (2004) mendapati bilik darjah merupakan tempat yang paling mudah berlakunya buli. Dapatan ini membimbangkan kerana ia memberi gambaran yang bilik darjah kini tidak lagi selamat untuk pelajar

belajar. Perbuatan buli ini juga berlaku sebelum guru masuk ke kelas atau antara mata pelajaran.

Kesimpulannya, tingkah laku buli yang berlaku di sekolah-sekolah luar negara menunjukkan peratus kesan negatif yang agak tinggi berbanding dengan kesan tingkah laku buli di Malaysia. Perbezaan ini mungkin disebabkan pelajar di Malaysia tidak begitu mengetahui jenis-jenis tingkah laku yang di definisikan sebagai tingkah laku buli. Justeru itu, mereka mungkin berpendapat bahawa tingkah laku tersebut mungkin bersifat perlakuan gurauan.

2.5 Jenis Tingkah Laku Buli

Para pengkaji telah mengenal pasti tiga jenis tingkah laku buli yang terdapat dalam kalangan pembuli iaitu fizikal, verbal dan antisosial. Jenis tingkah laku buli fizikal, verbal dan anti sosial termasuklah tindakan-tindakan seperti mengejek, pemulauan dan memukul (Olweus, 1991; Thompson dan Sharp, 1998). Tingkah laku buli fizikal dan verbal merujuk kepada tingkah laku buli secara langsung. Tingkah laku buli anti sosial pula merujuk kepada tingkah laku buli secara tidak langsung.

Definisi yang dinyatakan di atas mempunyai persamaan dengan definisi oleh Connel dan Farrington, 1996; Espelage *et al.* (2000) iaitu jenis tingkah laku buli termasuklah serangan fizikal seperti menumbuk, menendang dan menolak. Jenis tingkah laku buli verbal adalah seperti cemuhan, hinaan, panggilan nama, ejekan dan ugutan, manakala jenis tingkah laku buli antisosial (secara psikologi) seperti pemulauan, menyebabkan gossip dan memanipulasikan hubungan sosial.

Terdapat sedikit perbezaan jenis tingkah laku buli yang diberikan oleh Elliot (1991) dimana tingkah laku buli diklasifikasikan kepada dua iaitu fizikal dan verbal. Jenis tingkah laku buli fizikal dan verbal pula dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu secara langsung dan tidak langsung. Jenis tingkah laku buli fizikal

secara langsung ialah serangan secara fizikal seperti menumbuk dan mencederakan orang lain, manakala tingkah laku buli verbal secara langsung ialah deraan verbal seperti ejekan dan kutukan. Jenis tingkah laku buli fizikal secara tidak langsung ialah merosakkan harta benda, aktiviti pemulauan dan penyisihan, manakala tingkah laku verbal secara tidak langsung ialah menyebarkan fitnah atau gossip dan memperkecil-kecilkan mangsa buli. Jenis-jenis tingkah laku buli yang diterangkan oleh Elliot (1991) dapat dilihat dengan lebih jelas seperti jadual di bawah:

Jadual 2.1 : Jenis –Jenis Tingkah Laku Buli

	Verbal	Fizikal
Langsung	Ejekan Deraan secara verbal	Serangan Fizikal
Tidak langsung	Menyebarkan fitnah/gossip Memperkecil-kecilkan	Merosakkan harta benda Memulaukan, penyisihan

Jenis tingkah laku buli yang paling kerap dilaporkan adalah mencemuh dan panggilan nama, diikuti oleh memukul, menyepak dan ancaman-ancaman lain (Stephenson dan Smith, 1989; Sharp dan Smith, 1991; Hoover *et al.*, 1992; Zindi, 1994). Manakala gangguan verbal merupakan bentuk tingkah laku buli yang paling biasa dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar wanita.

Smith dan Sharp (1994) mendapati bahawa jenis tingkah laku buli lazimnya dilaporkan oleh pelajar-pelajar sekolah di United Kingdom adalah panggilan nama, diikuti dengan dipukul, diugut dan penyebaran gossip atau fitnah.

Kajian yang dijalankan oleh Dawkins (1995) berkaitan jenis tingkah laku buli di sekolah-sekolah di Australia mendapati bahawa jenis tingkah laku buli lazimnya dilaporkan oleh para pelajar adalah mencemuh dan panggilan nama.

Terdapat perkaitan yang kuat antara panggilan nama dengan tingkah laku buli secara verbal dan pengalaman tersebut merupakan pengalaman yang negatif atau

menyakitkan. Kandungan biasa nama-nama panggilan banyak dirujuk kepada penampilan fizikal, mempermainkan nama seseorang dengan merujuk kepada nama binatang dan mencemuh (Crozier dan Skliopidou, 2002).

Crozier dan Skliopidou (2002) telah menjalankan kajian berkaitan koleksi panggilan nama dan nama samaran semasa bersekolah. Seramai 220 responden dewasa telah diminta menjawab soal selidik berkaitan panggilan nama dan nama samaran ketika mereka bersekolah. Seramai 141 responden melaporkan panggilan nama yang menyakitkan telah diberi kepada mereka dan menerangkan cara mereka menangani masalah tersebut sama ada bertindak menentang kembali secara verbal atau bertindak dengan tidak memperdulikan panggilan tersebut.

Menurut kajian Boulton, Trueman dan Flemington (2002), didapati bahawa serangan verbal secara langsung merupakan jenis tingkah laku buli yang paling kerap dilaporkan manakala mencuri (jenis tingkah laku buli fizikal) merupakan jenis tingkah laku buli yang paling kurang dilaporkan. Murid tahun 9 adalah yang paling kurang melaporkan bahawa mereka melakukan tingkah laku buli sejak beberapa minggu kebelakangan berbanding murid-murid yang lain. Tidak wujud perbezaan jantina yang signifikan dalam penilaian kajian ini. Kebanyakan murid-murid menganggap bahawa enam jenis tingkah laku yang dianggap perlakuan buli oleh penyelidik itu betul dan sebahagian kecil lagi menganggapnya bukan.

Kajian perbandingan mengenai tingkah laku buli dalam kalangan remaja dan pesalah juvana telah dilakukan oleh Ireland (2002). Dapatan kajian mendapati bahawa remaja dilihat mempunyai kekerapan tingkah laku buli yang tinggi berbanding pesalah juvana. Remaja juga didapati lebih signifikan terlibat dalam jenis tingkah laku buli secara fizikal, psikologikal, atau verbal dan keseluruhan bentuk tingkah laku buli secara langsung berbanding dengan pesalah juvana.

Kesimpulannya, jenis tingkah laku buli sama ada dalam bentuk fizikal, verbal dan antisosial boleh menyebabkan kecederaan atau ketidak selesaan atau kesakitan ke atas individu lain iaitu mangsa buli sama ada secara fizikal mahupun emosi.

2.6 Punca Tingkah Laku Buli

Tingkah laku buli merupakan tingkah laku yang kompleks. Remaja tidak dilahirkan sebagai pembuli. Tingkah laku buli juga tidak diajar secara langsung kepada remaja. Kajian-kajian semasa mendapati bahawa percampuran individu, sosial dan risiko persekitaran merupakan antara punca tingkah laku buli berlaku (Espelage, Bosworth dan Simon, 2000; Verlinden, Herson dan Thomas, 2000). Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai punca lain yang dikenal pasti mempengaruhi seseorang kanak-kanak untuk membuli. Punca-punca ini termasuklah faktor biologi dan perangai, pengaruh keluarga, rakan dan persekitaran.

Faktor membalas dendam merupakan salah satu punca yang menyebabkan berlakunya tingkah laku buli. Beberapa kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa pembuli mungkin berasal daripada mangsa yang pernah mengalami perlakuan ganas atau deraan (Verlinden, Herson dan Thomas, 2000). Tindakan mereka membuli adalah bertujuan untuk membalas dendam.

Pembuli menjadi lebih popular dan terkenal dalam kalangan rakan sebaya. Dalam kebanyakan situasi buli, saksi ataupun rakan sebaya yang melihat tingkah laku buli dilakukan lazimnya akan mengambil sikap berdiam diri dan enggan campur tangan. Mereka beranggapan bahawa jika mereka campur tangan atau memberitahu orang lain tentang tingkah laku buli yang disaksikan, mereka akan mengundang tindak balas atau bencana yang lebih buruk terhadap diri mereka sendiri dan juga mangsa buli. Kegagalan untuk bertindak atau melaporkan kes buli ini akhirnya akan mengukuhkan tingkah laku pembuli serta terus membiarkan tingkah laku buli dilakukan sewenang-wenangnya (O'Connell, Pepler dan Craig, 1999).

Punca berlakunya tingkah laku buli dalam kalangan remaja juga berkaitan dengan kawalan sendiri yang rendah. Kajian tentang pengaruh kawalan sendiri yang rendah dan '*Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)*' terhadap tingkah laku buli dan mangsa buli mendapati bahawa kawalan sendiri mempengaruhi mangsa buli melalui interaksi dengan jantina, ukuran saiz fizikal dan kekuatan. Kawalan diri

yang rendah dan wujudnya ADHD menjadi faktor untuk membuli dan menjadi mangsa buli (Unnever dan Cornell, 2003).

Rakan sebaya memainkan peranan yang tidak kurang penting terhadap perkembangan dan pengekalan tingkah laku buli, sikap anti sosial dan salah laku-salah laku lain dalam kalangan kanak-kanak (O'Connell, Pepler dan Craig, 1999; Salmivalli, 1996; Verlinden, Herson dan Thomas, 2000). Kehadiran rakan sebaya sebagai pemerhati secara tidak langsung membantu pembuli memperolehi kuasa, populariti dan status. Pembuli secara tidak langsung mencapai kesedaran tentang kuasa dan menerima pengukuhan sosial melalui rakan sebaya terhadap tingkah laku buli yang mereka lakukan terhadap mangsa.

Latar belakang keluarga juga merupakan salah satu faktor utama dalam membentuk punca tingkah laku buli. Ibu bapa yang sering bertelagah, cenderung untuk mempunyai anak-anak yang mempunyai risiko untuk menjadi lebih agresif. Penggunaan kekerasan dan tindakan-tindakan yang keterlaluan dalam usaha untuk mendisiplinkan kanak-kanak oleh ibu bapa, penjaga dan guru secara tidak langsung boleh menggalakkan tingkah laku buli dalam kalangan kanak-kanak (Glassman, 1995).

Keganasan rumah tangga yang berlaku turut menjejaskan mental remaja kerana mereka membesar dalam dunia yang penuh keganasan. Justeru itu, secara tidak langsung ianya akan mempengaruhi mental remaja agar mengikut jejak langkah bapa yang sering melakukan keganasan terhadap ibu mereka termasuk mengeluarkan kata-kata kesat. Remaja akan merasakan keganasan itu adalah sesuatu yang normal. Ini akan menjadikan mereka membesar menjadi remaja yang liar. Farrington (1993) menyatakan bahawa pembuli mungkin wujud dalam kalangan keluarga yang mempunyai bapa yang ada sifat pembuli. Kenyataan ini disokong oleh Stevens, Bourdeaudhuij dan Oost, (2002) yang menyatakan bahawa latar belakang keluarga yang mempunyai berbagai-bagai masalah seperti kurangnya interaksi pro sosial, pengukuhan terhadap tingkah laku agresif, ketidak tekalan serta kaedah

disiplin yang lemah telah mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak untuk menjadikan ia seorang pembuli.

Kanak-kanak yang kurang mendapat kasih sayang, didikan yang sempurna dan pengukuhan positif lazimnya akan menjadi pembuli. Mereka akan menjadi kanak-kanak yang bersikap pemaarah dan lebih agresif berbanding kanak-kanak lain yang sebaya. Tindakan ahli keluarga yang secara keterlaluan mendera sama ada secara verbal atau fizikal akan mengajar kanak-kanak tersebut bahawa tingkah laku ganas dan agresif merupakan tingkah laku yang paling sesuai dan efektif bagi mencapai sesuatu matlamat. Kanak-kanak tersebut belajar bahawa tindakan menentang adalah cara bagi mereka untuk menyelesaikan masalah.

Paparan aksi dan tingkah laku ganas yang sering dipaparkan di kaca televisyen dan media-media elektronik mempengaruhi tingkah laku ganas kanak-kanak dan para remaja (Johnson *et al.*, 2002). Ianya mungkin secara khusus berlaku kepada mereka yang mempunyai masalah kawalan tingkah laku, emosi dan pembelajaran. Imej dan maklumat media yang memaparkan keganasan dan tingkah laku buruk akan menyumbang kepada tanggapan yang menyifatkan bahawa tingkah laku buli adalah tingkah laku yang diterima, popular dan menghiburkan (Willes dan Strasburger, 1998).

Kanak-kanak yang terdedah kepada tingkah laku dan aksi ganas akan belajar menerima keganasan dalam kehidupan seharian mereka. Mereka seterusnya akan membentuk sikap yang positif terhadap penggunaan kekerasan dan akhirnya gagal untuk menyedari kesan-kesan negatif akibat daripada tingkah laku ganas tersebut. Mereka lazimnya akan melihat tingkah laku dan aksi ganas sebagai sumber status sosial atau cara yang efektif untuk menyelesaikan masalah.

Persekitaran dan budaya sekolah turut mempengaruhi interaksi, aktiviti dan tingkah laku pelajar di sekolah. Pengurusan serta pengawasan disiplin sekolah yang lemah akan mengakibatkan wujudnya tingkah laku buli di sekolah (Pearce dan Thompson, 1998). Tingkah laku buli juga berpotensi untuk wujud dalam kalangan

pelajar akibat daripada keadaan kelas yang sesak serta kekurangan guru di sekolah akan menyebabkan pelajar tidak dapat diselia dan dikawal dan akhirnya akan menjadi penyumbang kepada berlakunya tingkah laku buli dalam kalangan pelajar di sekolah.

O'Connel, Pepler dan Craig (1999) telah menjalankan kajian terhadap proses membuli yang wujud dalam kalangan rakan sebaya dipadang permainan. Kajian mendapati bahawa 54% rakan sebaya ini menghabiskan masa mereka memperkukuhkan tingkah laku buli dengan memerhati secara pasif. Dapatan juga mendapati bahawa 21% daripada masa mereka digunakan melakukan buli secara aktif dan 25% masa mereka digunakan untuk membantu pihak mangsa. Kanak-kanak yang lebih tua secara aktif terlibat dalam kegiatan membuli berbanding kanak-kanak yang lebih muda dan kanak-kanak perempuan.

Kajian oleh Olweus dan Limber (1999) mendapati bahawa bilik darjah merupakan lokasi yang paling banyak dilaporkan berlakunya masalah tingkah laku buli. Pelajar merasakan mereka merasa kurang selamat dan tidak selesa dengan kehidupan disekolah. Kajian oleh Borg (1998) yang dilakukan di sekolah rendah dan menengah di Malta telah mendapati bahawa padang permainan dan bilik darjah merupakan lokasi paling kerap berlakunya tingkah laku buli, diikuti dengan kawasan koridor.

Kesimpulannya, punca berlakunya kejadian tingkah laku buli adalah disebabkan pengaruh rakan sebaya, keluarga, persekitaran dan budaya sekolah. Justeru itu, punca-punca ini perlu dikenal pasti agar gejala tingkah laku buli dapat dihapuskan.

2.7 Ciri-Ciri Pembuli

Tingkah laku buli merupakan satu bentuk interaksi sosial di mana pembuli yang lebih dominan akan menunjukkan tingkah laku agresif yang cenderung menyebabkan ketidakselesaian kepada individu yang kurang dominan atau lemah iaitu mangsa buli (Olweus, 1978).

Kebanyakan pembuli mempunyai fizikal yang kuat, bertubuh tegap dan berkuasa manakala mangsa buli memiliki ciri-ciri yang sebaliknya. Justeru itu, pembuli biasanya lebih agresif, mempunyai fizikal yang lebih kuat dan lebih besar berbanding mangsa (Olweus, 1993). Pembuli biasanya akan bertindak agresif dengan menggunakan kelebihan fizikal mereka yang lebih kuat dan lebih besar berbanding mangsa buli yang mempunyai fizikal yang lemah, lebih kecil dan tidak berkuasa.

Para pengkaji juga mendapati pembuli mempunyai tahap psikososial yang rendah (Demaray dan Malecki, 2003). Kebanyakan kes itu dikatakan berpunca daripada sikap remaja sendiri yang terlalu mengikut gelodak jiwa, yang sering dianggap suka memberontak, tinggi sifat ingin tahunya hingga kadang kala membelakangkan peraturan.

Pembuli-pembuli juga cenderung untuk menganggap bahawa dirinya sentiasa diancam dalam bahaya (Twemlow, 2000). Mereka akan bertindak menyerang sebelum diserang sebagai justifikasi dan sokongan terhadap tingkah laku agresif yang telah dilakukan. Pembuli-pembuli lazimnya adalah terdiri daripada mereka yang secara fizikalnya kuat dan penghargaan sendiri yang baik dan berkembang. Mereka tidak mempunyai rasa tanggungjawab terhadap tindakan yang telah mereka lakukan, sering berasa ingin mengawal dan mendominasi serta tidak mampu memahami dan menghargai orang lain.

Justeru itu, dapatlah disimpulkan bahawa pembuli akan menggunakan segala kelebihan fizikal dan mental yang ada bagi mendominasi persekitaran sosial terhadap rakan sebaya mereka.

2.8 Ciri-Ciri Mangsa Buli

Tingkah laku buli ialah perbuatan menekan atau menindas sama ada secara fizikal atau psikologi oleh seseorang yang lebih berkuasa terhadap seseorang yang tidak berkuasa (Rigby, 1996). Oleh itu, mangsa buli ialah orang yang dibuli iaitu orang yang menerima akibat atau kesan langsung daripada perbuatan atau tingkah laku buli. Mangsa buli juga orang yang kurang dominan dan lebih lemah daripada pembuli serta merupakan sasaran pembuli.

Kenyataan di atas mempunyai persamaan dengan kenyataan oleh Egan dan Perry (1998) yang menyatakan bahawa mangsa buli juga mempunyai ciri-ciri fizikal yang lemah. Pelajar atau individu yang mempunyai kekurangan dari segi ciri-ciri fizikal, tahap kebimbangan yang tinggi dan kemahiran sosial yang rendah berpotensi untuk dijadikan mangsa buli oleh rakan-rakan sebaya.

Isu ketidak mampuan mangsa buli adalah berkait rapat dengan ketidak upaya atau kekurangan mereka dari aspek fizikal dan psikologi, penyisihan sosial, keseorangan, rasa tidak selamat dan penghargaan sendiri yang lemah. Ciri-ciri ketidak upaya dan kekurangan ini seolah-olah cermin yang menggambarkan mangsa buli (Boulton dan Underwood, 1992; Hoover dan Hazler, 1991; Olweus, 1993). Oleh yang demikian, jika pembuli dikategorikan sebagai individu yang berkuasa maka mangsa buli pula dikategorikan sebagai individu yang tidak berdaya atau tidak berkuasa.

Ciri-ciri seterusnya bagi mangsa buli adalah seperti yang dijelaskan oleh Olweus (1993) yang menyatakan bahawa terdapat mangsa-mangsa buli yang berkelakuan menyakitkan hati orang lain disekeliling mereka. Perlakuan mereka ini seterusnya mencetuskan provokasi terhadap orang lain disekeliling mereka dan akhirnya mencetuskan pula reaksi negatif daripada orang lain. Mangsa buli provokatif ini secara langsung akan mengumpan atau menarik perhatian pembuli untuk membuli mereka.

Selain dari itu, mangsa buli juga sering membangkitkan kemarahan orang lain untuk membuli mereka dengan penggunaan kata-kata yang menyakitkan hati (Matusova, 1997). Pelajar-pelajar ini juga dikatakan mempunyai sifat yang mudah bergaduh, pemaarah, dan berkelakuan yang menjelikkan orang lain.

Ciri-ciri mangsa buli seterusnya ialah mempunyai sikap suka menyendiri dan tidak mempunyai rakan untuk melindungi atau berkongsi masalah. Pelajar dalam kelompok ini merupakan pelajar yang disisihkan oleh orang lain. Dalam pelbagai kejadian buli, mangsa buli daripada kalangan pelajar yang suka menyendiri ini dianggap sebagai 'mangsa buli klasik' oleh pembuli terutama sekali jika mangsa tersebut mudah menangis dan kurang melawan atau bertindak balas (Seppa, 1996).

Twemlow (2000) telah menerangkan dengan lebih jelas tentang ciri-ciri mangsa buli terutama hubungan mereka dengan rakan sebaya, guru-guru dan keluarga dengan merujuk kepada jadual 2.2.

Jadual 2.2 : Profil Diri Mangsa Buli

Profil diri	Hubungan dengan rakan sebaya	Hubungan dengan guru-guru	Latar belakang keluarga
-Pasif -Suka menarik diri -Sensitive kepada kritikan -Tidak yakin pada diri sendiri -Penuh dengan alam fantasi -Tidak suka ke sekolah	-Keseorangan -Tidak popular -Sentiasa dan mudah terdedah kepada serangan	-Biasanya selalu dilindungi -Dilihat sebagai pelajar yang lemah pencapaian akademik -Dilihat sebagai pelajar yang suka ponteng, leka dan mengganggu	-Sentiasa diperkecil oleh ahli keluarga -Terlalu dilindungi oleh ibu bapa -Mungkin didera secara fizikal atau seksual

Kesimpulannya, disebabkan mangsa buli mempunyai ciri-ciri fizikal yang lemah, maka mereka merupakan sasaran buli yang paling tidak selamat kepada pembuli. Secara umumnya kanak-kanak ini kurang berkeyakinan. Mereka mempunyai penghargaan sendiri yang rendah dan sering menganggap diri mereka sebagai individu yang tidak dapat menyesuaikan diri, tertekan dan sentiasa dalam kebimbangan.

2.9 Kesan Tingkah Laku Buli Terhadap Pembuli Dan Mangsa Buli

Tingkah laku buli memberi kesan secara fizikal dan mental terhadap pembuli dan mangsa buli. Borg (1998) telah menyatakan mangsa buli melaporkan bahawa mereka merasa amat marah dan hilang harga diri masing-masing selepas kejadian dibuli. Mangsa buli merasakan demikian kerana ketidakmampuan dan ketidakupayaan guru untuk melindungi mangsa terbabit.

Tingkah laku buli sering dikatakan sebagai penyumbang kepada perlakuan ganas di sekolah (Olweus, 1978). Tingkah laku buli juga mempunyai kesan yang mendalam kepada para pelajar dan lazimnya membawa kepada keganasan dan malapetaka yang buruk kepada mangsa buli, juga kepada pembuli (Ma *et al.*, 2001). Mangsa buli lazimnya akan cenderung untuk ponteng sekolah, mengalami penghargaan sendiri yang rendah dan dalam kes-kes yang kronik, mereka akan lari dari rumah, bunuh diri atau membunuh pembuli.

Kenyataan di atas mempunyai persamaan dengan kenyataan Beale (2001) di mana beliau menyatakan bahawa perlakuan buli memberi kesan buruk terhadap mangsa buli dan juga pembuli. Kanak-kanak yang dikenal pasti sebagai pembuli adalah tiga kali ganda cenderung untuk melanggar undang-undang apabila mencapai umur 30 tahun. Mangsa buli akan menderita dari aspek sosial dan akademik dan ini akan mengakibatkan mereka memilih untuk bunuh diri dan ianya merupakan akibat yang paling kronik.

Kajian tentang perkaitan antara tingkah laku buli dengan risiko tingkah laku buli oleh Berthold dan Hoover (2000) dalam kalangan 591 orang responden terdiri dari pelajar gred 4 hingga gred 6 di Midwestern, Amerika Syarikat mendapati bahawa 1/3 dari responden pernah mengalami pengalaman dibuli dan 1/5 responden pula pernah membuli orang lain. Kesan tingkah laku buli terhadap pembuli sebagaimana yang dinyatakan oleh Berthold dan Hoover (2000) di mana pembuli lebih suka tinggal di rumah tanpa ada pengawasan orang dewasa. Mereka akan menghisap rokok, minum arak, menipu semasa ujian dan membawa senjata ke sekolah. Pembuli juga akan menekan rakan sebaya mereka dengan mengarahkan mereka melakukan tingkah laku berisiko tinggi seperti merokok dan minum arak.

Kesan tingkah laku buli terhadap mangsa buli di antaranya ialah cenderung untuk mengalami kerisauan, mereka membenci diri sendiri dan lebih suka memerap di rumah daripada pergi ke sekolah demi menjaga keselamatan diri masing-masing (Berthold dan Hoover, 2000). Dapatan ini mempunyai persamaan dengan dapatan oleh Nansel *et al.* (2001) yang menyatakan bahawa remaja yang sering menjadi

mangsa buli lazimnya akan menonjolkan ciri-ciri tingkah laku dalaman yang negatif seperti bersikap pasif, sensitif, pendiam, lemah dan tidak akan bertindak balas sekiranya diserang atau diganggu. Secara umumnya kanak-kanak ini kurang berkeyakinan. Mereka mempunyai penghargaan sendiri yang rendah dan sering menganggap diri mereka sebagai individu yang tidak dapat menyesuaikan diri, tertekan dan sentiasa dalam kebimbangan.

Kesimpulannya, tingkah laku buli memberi kesan negatif terhadap fizikal dan emosi pembuli dan mangsa buli. Kesan ini akan mempengaruhi perkembangan zaman remaja mereka yang sepatutnya penuh dengan keceriaan dan ketenangan.

2.10 Program Pencegahan Tingkah Laku Buli

Kajian untuk menilai masalah tingkah laku buli bagi membentuk program pencegahan dan mencari penyelidikan bagi masa depan perlu dilakukan demi mempertingkatkan lagi kawalan terhadap masalah tingkah laku buli. Colvin *et al.* (1998) telah membuat kajian tentang masalah tingkah laku buli dan menyarankan bahawa sebelum sesuatu program pencegahan dilaksanakan, tiga kriteria berikut perlu dipertimbangkan iaitu pertama, ianya mestilah disokong dengan penyelidikan; kedua, ia didasarkan kepada prinsip-prinsip tingkah laku dan yang ketiga, ia mestilah menekankan pengajaran tingkah laku prososial bagi menggantikan tingkah laku buli.

Kajian tentang budaya sekolah bagi mengurangkan tingkah laku ganas di sekolah oleh Friedland dan Stan (1999) mendapati bahawa empat bahagian dalam program pencegahan tingkah laku ganas di sekolah boleh menyumbang kepada langkah-langkah keselamatan sekolah iaitu melalui pembentukan budaya sekolah. Program-program tersebut perlu memasukkan pembelajaran kooperatif, aktiviti-aktiviti pendidikan yang membentuk kepercayaan, penghormatan dan optimisma, Program Kuasa Positif Pelajar dan komponen pendidikan keibu-bapaan yang efektif.

Wise (1999) menyatakan bahawa komitmen yang tetap kepada kurikulum pencegahan dan penjagaan sekolah oleh para pendidik merupakan langkah yang terbaik bagi melindungi remaja daripada tingkah laku ganas di sekolah. Kajian beliau mendapati bahawa hanya beberapa orang guru sahaja yang mempunyai latihan bagi memenuhi kehendak psikologikal atau teknik-teknik untuk menangani kemarahan dan kekecewaan dalam kalangan pelajar sekolah.

Sekolah dan komuniti harus merungkai kod tersirat remaja berkenaan ancaman keganasan (Halbig, 2000). Sekolah perlu kepada karektur pendidikan, penekanan galakan pendidikan, mengambil berat dan bertanggung jawab, perbincangan yang kerap tentang kod disiplin sekolah, perbincangan formal tentang keselamatan sekolah dengan ibu bapa dan protokol bagi menangani laporan kemungkinan wujudnya tingkah laku ganas di sekolah.

Kajian oleh Sugai *et al.* (2000) telah mendapati bahawa rujukan disiplin pejabat (*Office Discipline Referrals*) boleh digunakan untuk mengenal pasti status disiplin sekolah, dan bagaimana sekolah boleh menggunakan maklumat-maklumat tersebut untuk mengubahsuai program pencegahan sedia ada terhadap sasaran pelajar yang mempunyai masalah tingkah laku.

2.11 Penutup

Bab ini telah menjelaskan beberapa pandangan sarjana tentang tingkah laku buli iaitu jenis tingkah laku buli, ciri-ciri individu yang bertingkah laku membuli dan dibuli, punca-punca kejadian buli, kesan tingkah laku buli terhadap pembuli dan mangsanya dan program pencegahan yang berkesan untuk mengatasi masalah tingkah laku buli ini.

Teori Pembelajaran Sosial telah digunakan dalam menjelaskan fenomena tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah. Kesimpulannya, tingkah laku buli

secara keseluruhannya adalah merupakan satu bentuk interaksi sosial yang bersifat negatif dalam kalangan pelajar. Manipulasi sosial telah mendatangkan kemudaratan terhadap penerimaan seseorang dalam kumpulan atau oleh rakan sebaya.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi menggambarkan bentuk rangka kajian yang bakal dijalankan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian. Sehubungan dengan itu, bab ini merangkumi aspek reka bentuk kajian, tempat kajian, populasi dan sampel kajian, kaedah persampelan dan instrumen kajian, kajian rintis, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, pengumpulan dan analisis data.

Bab ini juga akan membincangkan pelaksanaan kajian dan pembinaan instrumen kajian yang akan dikemukakan kepada responden serta cara kerja yang akan dilakukan oleh pengkaji bagi mengumpulkan data mentah.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian Tingkah Laku Buli Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Di Sarawak adalah berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku atau menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji (Mohd Majid, 1994). Penyelidikan deskriptif pula terdiri daripada beberapa jenis seperti penyelidikan tinjauan, penyelidikan korelasi dan penyelidikan perkembangan. Bagi penyelidikan ini, pengkaji telah menggunakan penyelidikan deskriptif jenis tinjauan. Blake dan Champion (1976)

berpendapat bahawa, kaedah tinjauan merupakan satu cara yang spesifik bagi mengumpul maklumat berkenaan sekumpulan besar populasi manakala menurut Tuckmen (1978), penggunaan kaedah tinjauan menggunakan soal selidik memudahkan penyelidik memperolehi kerjasama daripada responden.

Soal selidik merupakan instrumen yang kerap digunakan dalam kajian deskriptif (Skager dan Weinberd, 1979). Satu set soal selidik diedarkan kepada pelajar bertujuan untuk mendapatkan maklum balas terhadap instrumen yang dikehendaki oleh pengkaji. Instrumen yang digunakan adalah berbentuk soal selidik laporan sendiri.

3.3 Tempat Kajian

Kajian ini meliputi keseluruhan lapan buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Sarawak. Lapan SMKA tersebut adalah SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, SMKA Matang, SMKA Sibul, SMKA Miri, SMKA Tun Ahmad Zaidi Aduce, SMKA Limbang, SMKA Igan dan SMKA Sri Aman.

3.4 Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi kajian ialah jumlah keseluruhan pelajar tingkatan dua dan tingkatan empat SMKA di Sarawak iaitu seramai 2460 orang. Jumlah bilangan sampel seramai 400 orang pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 2 yang dipilih mengikut SMKA berdasarkan jadual 3.1. Pelajar-pelajar yang menjadi responden dalam kajian ini merupakan pelajar yang pernah terlibat dengan aktiviti tingkah laku buli.

Jadual 3.1 : Taburan Populasi Dan Bilangan Sampel Mengikut SMKA Di Sarawak

Bil	SMKA	Populasi				Sampel			
		Ting 4		Ting 2		Ting 4		Ting 2	
		L	P	L	P	L	P	L	P
01	Tun Ahmad Zaidi Adruce	90	86	78	97	15	14	13	16
02	Matang 2	73	75	78	90	12	12	13	15
03	SHOAW	82	87	75	85	13	14	12	14
04	Sibu	33	49	49	62	5	8	8	10
05	Miri	60	84	69	111	10	14	11	18
06	Limbang	39	62	66	63	6	10	11	10
07	Igan	63	81	93	112	10	13	15	18
08	Sri Aman	67	87	91	123	11	14	15	20
Jumlah		507	611	599	743	82	99	98	121
Jumlah Keseluruhan		1118		1342		181		219	
		2460				400			

3.4.1 Kaedah Persampelan

Sampel adalah bahagian set responden yang dipilih daripada populasi yang lebih besar untuk tujuan kajian (Webster, 1985). Manakala menurut Portney dan Walkin (1993), sampel adalah subset populasi yang dipilih untuk dikaji.

Antara sebab sampel digunakan adalah untuk memudahkan kajian yang akan dilakukan. Penggunaan sampel kajian adalah memadai tanpa menggunakan seluruh populasi kajian iaitu dengan menggunakan kaedah persampelan yang betul. Penggunaan saiz sampel yang digalakkan adalah melebihi 30 unit kerana taburan normal biasanya dipenuhi apabila saiz sampel melebihi 30 unit. Pertambahan saiz sampel akan lebih mewakili populasi dan mengurangkan ralat persampelan (Mohd Majid, 1998).

Penentuan saiz sampel dalam kajian ini adalah berasaskan kaedah yang digunakan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Menurut Krejcie dan Morgan (1970), tatacara untuk menentukan saiz sampel adalah berdasarkan formula berikut:

$$S = \frac{X^2 NP(1-P)}{d^2 (N-P) + X^2 P(1-P)}$$

dimana

$$S = \text{saiz sampel}$$

$$X^2 = \text{jadual nilai khi-kuasa dua untuk 1 darjah kebebasan pada aras keyakinan yang diperlukan 0.05 (3.841)}$$

$$N = \text{saiz populasi}$$

$$P = \text{nisbah populasi (dianggarkan sebagai 0.50 untuk memberi saiz sampel yang maksimum.}$$

$$d = \text{darjah ketepatan yang dinyatakan sebagai nisbah 0.05.}$$

Dengan menggunakan formula ini, saiz sampel yang diperlukan adalah seperti berikut:

$$S = \frac{X^2 NP(1-P)}{d^2 (N-P) + X^2 P(1-P)}$$

$$S = \frac{3.841 \times 2460 \times 0.5 (1-0.5)}{0.05^2 \times (2460-1 + 3.841 \times 0.5 (1 - 0.5))}$$

$$S = \frac{2362.215}{6.1499}$$

$$= 384$$

Oleh yang demikian, bagi populasi seramai 2460 orang, jumlah sampel yang ditentukan ialah hampir 384 orang. Namun pengkaji akan memilih sampel seramai 400 orang iaitu melebihi jumlah ditentukan. Ini disebabkan penambahan saiz sampel boleh mengurangkan ralat apabila sampel tidak mewakili atau tidak mempunyai ciri-ciri populasi. Penambahan ini juga dibuat kerana kemungkinan terdapat sampel yang dipilih tidak memberikan tindak balas yang lengkap pada soal selidik sehingga menyebabkan soal selidik tidak dapat diguna pakai.

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata berdasarkan ciri populasi. Menurut Mohd Najib (2003), dalam persampelan rawak berstrata, pemilihan sampel dibuat dengan menentukan jumlah populasi dan ciri-ciri demografi latar belakang mereka dengan lebih jelas. Berdasarkan maklumat-maklumat ini, pengkaji boleh menentukan lebih awal strata responden dan memilih sampel yang lebih mewakili populasi yang ingin dikaji. Pengkaji telah memilih sampel kajian secara rawak mudah seperti yang telah ditetapkan iaitu berdasarkan jumlah pelajar lelaki dan perempuan bagi setiap tingkatan 2 dan tingkatan 4 di SMKA yang terlibat seperti yang dinyatakan dalam jadual 3.1.

Pengkaji telah menghubungi dan mendapatkan kebenaran pihak pentadbir SMKA terlibat khususnya Pengetua dan Guru Kaunselor bagi menjalankan kajian ini. Pengkaji telah bertemu dengan pelajar-pelajar terbabit dan mengedarkan borang soal selidik untuk ditanda jawapan mengikut persepsi mereka sendiri. Namun begitu, bagi SMKA yang jauh terutamanya di SMKA Igan, SMKA Miri dan SMKA Limbang, pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik dengan menggunakan hantaran pos laju di mana pengkaji meminta bantuan Guru Bimbingan atau Kaunselor sekolah untuk mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar yang berkenaan. Pengkaji menerangkan prosedur pentadbiran soal selidik tersebut kepada Guru Bimbingan atau Kaunselor terbabit melalui catatan bertulis dan juga melalui telefon. Persampelan hanya dilakukan kepada pelajar-pelajar tingkatan 2 dan tingkatan 4 kerana pelajar-pelajar tingkatan 3 dan tingkatan 5 akan terlibat dalam persediaan untuk menghadapi peperiksaan, manakala pelajar tingkatan 1 pula masih terlalu awal untuk melihat persepsi mereka tentang tingkah laku buli.

3.5 Instrumen Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, satu set borang soal selidik dirangka bagi mendapatkan maklum balas dari responden. Instrumen yang digunakan dalam kajian adalah berbentuk soal selidik. Instrumen kajian seperti ini lazim digunakan dalam

kajian deskriptif. Instrumen berbentuk soal selidik merupakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden (Tuckman, 1978).

Soal selidik ialah alat atau instrumen yang digunakan untuk mengukur tingkah laku responden (Mohd Najib, 2003). Penggunaan borang soal selidik lebih sesuai dan praktikal, tambahan pula borang soal selidik ini berkesan dan menjimatkan perbelanjaan. Ia juga dapat mengelakkan 'bias' kepada pihak pengkaji serta memberi peluang kepada responden untuk berfikir.

Jadual 3.2 menunjukkan konstruk instrumen kajian. Pembinaan konstruk instrumen ini adalah berdasarkan objektif kajian dan dari objektif kajian inilah, pengkaji akan menetapkan persoalan kajian yang hendak dikaji. Setelah penentuan persoalan kajian dirancang, seterusnya item-item akan dibina mencakupi apa yang hendak dikaji berdasarkan konstruk yang ditetapkan. Bagi mendapatkan gambaran yang jelas, jadual 3.2 di bawah menunjukkan konstruk instrumen kajian tersebut.

Jadual 3.2: Konstruk Instrumen Kajian

Bahagian	Konstruk	Jumlah Item	No Item
(A) Demografi	Maklumat Diri Pelajar	6	1, 2, 3, 4, 5, 6
(B) Jenis Tingkah Laku Buli	Fizikal	10	3, 6, 9, 11, 12, 15, 18, 21, 27, 30
	Verbal	10	1, 4, 7, 10, 13, 16, 19, 22, 25, 28
	Antisosial	10	2, 5, 8, 14, 17, 20, 24, 26, 23, 29,
(C) Ciri-Ciri Tingkah Laku Buli	<u>Pembuli</u>		
	Fizikal	5	1, 3, 5, 7, 10
	Emosi	5	2, 4, 6, 8, 9
	<u>Mangsa Buli</u>		
	Fizikal	5	1, 4, 5, 7, 10
	Emosi	5	2, 3, 6, 8, 9
(D) Punca Tingkah Laku Buli	<u>Pembuli</u>		
	Fizikal	6	1, 5, 9, 13, 17, 21
	Emosi	6	2, 6, 10, 14, 18, 22
	Pengaruh Luar	6	3, 7, 11, 15, 19, 23
	Lokasi	6	4, 8, 12, 16, 20, 24
	<u>Mangsa Buli</u>		
	Fizikal	6	1, 5, 9, 13, 17, 21
	Emosi	6	2, 6, 10, 14, 18, 22
Pengaruh Luar	6	3, 7, 11, 15, 19, 23	
Lokasi	6	4, 8, 12, 16, 20, 24	
(E) Kesan Tingkah Laku Buli	<u>Pembuli</u>		
	Fizikal	5	2, 4, 6, 8, 10
	Emosi	5	1, 3, 5, 7, 9

	<u>Mangsa Buli</u>		
	Fizikal	5	2, 4, 6, 8, 10
	Emosi	5	1, 3, 5, 7, 9
(F) Program Pencegahan Tingkah Laku Buli	Persepsi Pelajar	9	1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9
JUMLAH ITEM		133	

3.5.1 Soal Selidik

Satu set soal selidik telah dibina oleh pengkaji bagi mengumpul maklumat dan seterusnya menjawab persoalan kajian. Soal selidik ini mengandungi enam bahagian iaitu bahagian :

1. Bahagian A iaitu Maklumat Diri Pelajar
2. Bahagian B iaitu Jenis Tingkah Laku Buli
3. Bahagian C iaitu Ciri-Ciri Pembuli Dan Mangsa Buli
4. Bahagian D iaitu Punca Tingkah Laku Buli
5. Bahagian E iaitu Kesan Tingkah Laku Buli
6. Bahagian F iaitu Program Pencegahan Tingkah laku Buli Di Sekolah

Bahagian A adalah soal selidik yang berkaitan dengan maklumat diri pelajar. Ia dibentuk sendiri oleh pengkaji dan bertujuan untuk mendapatkan maklumat latar belakang responden kajian. Maklumat-maklumat tersebut adalah jantina, tingkatan, keturunan, tinggal di asrama, kecacatan fizikal dan pengalaman dalam tingkah laku buli.

Bahagian B adalah soal selidik yang dinamakan Jenis Tingkah Laku Buli. Soal selidik ini dibina oleh pengkaji dengan disesuaikan item-item daripada soal selidik Hubungan Rakan Sebaya (*Peer Relations Questionnaire*) yang dibangunkan oleh Rigby dan Slee (1995). Soal selidik ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis tingkah laku buli dan kekerapan tingkah laku buli di sekolah. Jenis Tingkah Laku Buli mengandungi 30 item yang terbahagi kepada 3 subskala iaitu tingkah laku buli fizikal, tingkah laku buli verbal dan tingkah laku buli antisosial. Untuk memudahkan responden membuat persepsi tentang jenis-jenis tingkah laku buli dan kekerapan tingkah laku buli, pengkaji menggunakan pemeringkatan skala lima mata seperti berikut:

1. Sangat jarang (sekali seumur hidup)
2. Jarang (1 atau 2 kali setahun)
3. Kadang-kadang (1 atau 2 kali sebulan)
4. Kerap (1 atau 2 kali seminggu)
5. Sangat kerap (setiap hari)

Bahagian C adalah soal selidik Ciri-Ciri Pembuli Dan Mangsa Buli. Soal selidik Ciri-Ciri Pembuli Dan Mangsa Buli dibina sendiri oleh penyelidik dengan disesuaikan item-item daripada Soal selidik Hubungan Rakan Sebaya (*Peer Relations Questionnaire*) yang dibangunkan oleh Rigby dan Slee (1995) dan Skala Pelbagai Dimensi Pemangsaan Rakan Sebaya (*Multidimensional Peer Victimization Scale*) yang dibina oleh Mynard dan Joseph (2001). Soal selidik Ciri-Ciri Pembuli Dan Mangsa Buli bertujuan untuk mengenal pasti ciri-ciri pembuli dan mangsa buli dalam kalangan pelajar sekolah. Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A berkaitan ciri-ciri pembuli mengandungi 12 item, manakala bahagian B berkaitan ciri-ciri mangsa buli mengandungi 12 item.

Untuk memudahkan responden membuat persepsi ciri-ciri pembuli dan mangsa buli, pengkaji menggunakan pemeringkatan skala lima mata seperti berikut:

1. Sangat tidak setuju
2. Tidak setuju
3. Hampir setuju
4. Setuju
5. Sangat setuju

Bahagian D adalah soal selidik Punca Tingkah Laku Buli. Soal selidik Punca Tingkah Laku Buli sendiri oleh penyelidik dengan disesuaikan item-item daripada Soal selidik Hubungan Rakan Sebaya (*Peer Relations Questionnaire*) yang dibangunkan oleh Rigby dan Slee (1995) dan berdasarkan pembacaan teori-teori Sarjana Psikologi. Soal selidik ini bertujuan untuk mengenal pasti punca-punca tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah. Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A berkaitan punca-punca pelajar membuli yang mengandungi 24 item, manakala bahagian B berkaitan dengan punca-punca pelajar dibuli yang mengandungi 24 item. Bahagian ini terbahagi kepada 2 subskala iaitu fizikal dan emosi.

Untuk memudahkan responden membuat persepsi tentang punca-punca tingkah laku buli, pengkaji menggunakan pemeringkatan skala lima mata seperti berikut:

1. Sangat tidak setuju
2. Tidak setuju
3. Hampir setuju
4. Setuju
5. Sangat setuju

Bahagian E adalah soal selidik Kesan Tingkah Laku Buli. Soal selidik Kesan Tingkah Laku Buli ini dibina oleh pengkaji sendiri dengan disesuaikan item-item daripada Soal selidik Hubungan Rakan Sebaya (*Peer Relations Questionnaire*) yang dibangunkan oleh Rigby dan Slee (1995), Skala Pelbagai Dimensi Pemangsaan Rakan Sebaya (*Multidimensional Peer Victimization Scale*) yang dibina oleh Mynard

dan Joseph (2001) dan berdasarkan pembacaan teori-teori daripada Sarjana Psikologi. Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A berkaitan kesan terhadap pembuli yang mengandungi 10 item, manakala bahagian B berkaitan kesan terhadap mangsa buli yang mengandungi 10 item.

Untuk memudahkan responden membuat persepsi tentang kesan tingkah laku buli, pengkaji menggunakan pemeringkatan skala lima mata seperti berikut:

1. Sangat tidak setuju
2. Tidak setuju
3. Hampir setuju
4. Setuju
5. Sangat setuju

Bahagian F adalah soal selidik Program Pencegahan Tingkah Laku Buli Di Sekolah. Soal selidik Program Pencegahan Tingkah Laku Buli Di Sekolah ini dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan pembacaan teori-teori Sarjana Psikologi dan mengambil contoh program-program yang telah dan sedang dilaksanakan di sekolah. Soal selidik ini mempunyai satu bahagian iaitu berkaitan dengan pandangan pelajar tentang keberkesanan program dan tindakan yang sedang dan telah dilakukan di sekolah. Bahagian ini mengandungi 9 item.

Untuk memudahkan responden membuat persepsi tentang program pencegahan tingkah laku buli, pengkaji menggunakan pemeringkatan skala lima mata seperti berikut:

1. Sangat tidak berkesan
2. Tidak berkesan
3. Hampir berkesan
4. Berkesan
5. Sangat berkesan

Secara keseluruhannya, maklumat tentang kandungan soalan soal selidik dapat di terangkan dengan melihat jadual 3.3 di bawah:

Jadual 3.3: Kandungan Soalan Soal Selidik

Bahagian	Subskala	Bilangan Soalan
A - Maklumat	Maklumat Diri / Demografi	6
B - Jenis tingkah laku buli	Tingkah laku buli fizikal	10
	Tingkah laku buli Verbal	10
	Tingkah laku buli antisosial	10
C - Ciri-ciri pembuli dan mangsa buli	Fizikal	10
	Emosi	10
D - Punca tingkah laku buli	Fizikal	12
	Emosi	12
	Pengaruh Sosial	12
	Lokasi	12
E - Kesan tingkah laku buli	Fizikal	10
	Emosi	10
F - Program pencegahan di sekolah	Pandangan	9
JUMLAH		133

3.5.2 Kaedah Terjemahan Soal Selidik

Pengkaji telah menterjemahkan instrumen asal dalam Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu. Seterusnya, pengkaji juga telah menterjemahkan semula instrumen tersebut

dari Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris dan membandingkannya dengan instrumen dalam versi Bahasa Inggeris tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji telah mendapatkan pengesahan terjemahan daripada seorang pakar Bahasa Inggeris dan seorang pakar Bahasa Melayu.

Dalam penterjemahan instrumen-instrumen kajian, beberapa perubahan kecil dilakukan oleh pengkaji bagi menyesuaikan item-item tertentu dengan keperluan objektif kajian, persoalan kajian, latar belakang budaya dan persekitaran pelajar di negara ini.

3.5.3 Kajian Rintis

Kajian rintis ialah satu kajian yang dilaksanakan sebelum set soal selidik di edarkan kepada responden sebenar. Dengan kata lain, kajian rintis dijalankan sebelum kajian sebenar. Polit, Beck dan Hungler (2001) menyatakan, kajian rintis adalah merujuk kepada versi kajian kecil atau percubaan yang dilakukan sebagai persediaan untuk kajian yang lebih besar atau utama. Pandangannya mempunyai persamaan dengan Baker (1994) yang berpendapat, kajian rintis merupakan pra ujian untuk mencuba instrumen kajian yang khusus. Kajian rintis juga membantu pengkaji menentukan masa yang diperlukan oleh responden untuk menjawab soal selidik semasa kajian sebenar dilakukan.

Menurut Mohd Najib (2003), jumlah responden seramai 15 -20 orang telah mencukupi untuk analisis kesahan luaran dan indeks kebolehpercayaan. Responden dalam kajian rintis ini adalah terdiri daripada 30 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Ahmad Zaidi Aduce, Kuching. Pengkaji memilih mereka kerana mereka mempunyai persamaan dari segi sosio-demografi dengan sampel kajian, tetapi mereka tidak terlibat dalam kajian sebenar.

Kajian rintis ditadbirkan oleh pengkaji sendiri setelah mendapat kebenaran daripada pihak Pengetua SMKA terlibat. Pengkaji telah meminta bantuan kaunselor sekolah untuk memilih seramai 15 orang pelajar tingkatan 2 dan 15 orang pelajar dari tingkatan 4 sebagai responden kajian rintis. Mereka telah dikumpulkan pada masa dan tempat yang sama untuk menjawab semua item dalam soal selidik dengan diawasi oleh pengkaji. Pengkaji menerangkan prosedur menjawab soal selidik kepada responden tersebut sebelum mereka menjawab. Semasa responden menjawab soalan, mereka dibenarkan bertanya sekiranya terdapat keraguan atau kekeliruan terhadap pernyataan-pernyataan yang dikemukakan pada soal selidik tersebut. Pengkaji juga meminta pandangan dari kaunselor berkaitan kesesuaian bahasa soal selidik bagi tahap pelajar-pelajar pada peringkat tersebut.

Hasil dari kajian rintis yang telah dijalankan dapat membantu pengkaji memperolehi petunjuk awal tentang mana-mana bahagian kajian yang mungkin tidak tepat atau gagal. Kajian rintis yang dijalankan juga bertujuan menguji instrumen dari segi tatabahasa, isi kandungan, kesahan dan kebolehpercayaan item soalan dari segi kefahaman pelajar-pelajar sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Ianya juga membolehkan pengkaji mengenal pasti apa-apa kekurangan dalam instrumen kajian dan seterusnya memperbaikinya. Berdasarkan kajian rintis yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa pelajar terlibat memahami dan menjawab keseluruhan instrumen kajian dengan mudah dan mengikut masa yang telah ditetapkan.

3.5.4 Kesahan Instrumen

Menurut Abu Bakar (1987), pengujian tahap kesahan adalah penting untuk memastikan item yang dibuat adalah bersesuaian dengan responden yang hendak diuji. Bagi menentukan kesahan instrumen kajian ini, pengkaji telah meminta bantuan daripada 2 orang pakar yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang psikologi pendidikan dan mereka telah mengesahkan instrumen dalam soal selidik ini.

Jika pakar-pakar yang ditemui bersetuju dengan item-item yang terdapat dalam instrumen kajian yang ditunjukkan, maka instrumen itu dianggap mempunyai kesahan. Sebaliknya jika seorang sahaja pakar tersebut yang bersetuju dan yang lainnya tidak bersetuju, maka instrumen tersebut dianggap tidak mempunyai kesahan. Hasil daripada penilaian tersebut, pengkaji telah membuat perubahan terhadap item-item soal selidik berdasarkan cadangan-cadangan yang mereka dikemukakan.

3.5.5 Kebolehpercayaan Instrumen

Sesuatu kajian yang akan dilaksanakan amat bergantung pada alat-alat penyelidikan yang akan digunakan. Kebolehpercayaan merujuk kepada darjah ketekalan atau kestabilan bagi sesuatu instrumen pengukuran. Instrumen yang mempunyai darjah kebolehpercayaan yang tinggi akan memberi keputusan yang sama atau hampir sama setiap kali ia digunakan di dalam situasi atau senario yang setara (Mohd Majid, 1994).

Pengkaji telah menjalankan kajian rintis untuk melihat kebolehpercayaan item-item soal selidik. Kaedah uji ulang uji digunakan di mana seramai 30 orang pelajar yang terlibat dengan kajian rintis diminta menjawab soal selidik tersebut pada minggu pertama bulan September 2006 dan seterusnya, 2 minggu kemudian mereka diminta menjawab soal selidik yang sama sekali lagi. Data yang diperolehi melalui soal selidik kali pertama telah dikorelasikan dengan data yang didapati bagi kali yang kedua. Kaedah uji ulang uji digunakan di mana nilai korelasi yang diperolehi bagi soal selidik Hubungan Rakan Sebaya adalah 0.790 dan Skala Pelbagai Dimensi Pemangsaan Rakan Sebaya pula adalah 0.810. Ini menunjukkan soal selidik yang dikemukakan mempunyai kebolehpercayaan yang baik dan dengan itu sesuai digunakan dalam kajian ini.

Data yang diperolehi dalam kajian rintis juga dianalisis untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan (*Alpha Cronbach*) di mana nilai keseluruhan darjah kebolehpercayaan kajian rintis bagi soal selidik tersebut ialah 0.908 dan 0.900. Ini merupakan nilai yang sangat tinggi dan ini menunjukkan bahawa soal selidik ini boleh digunakan dalam kajian ini. Menurut Mohd Salleh dan Zaidatun (2001), sekiranya nilai kebolehpercayaan (*Alpha Cronbach*) kurang dari 0.600, maka instrumen yang digunakan dalam kajian tersebut bolehlah dianggap mempunyai nilai kebolehpercayaan yang rendah. Manakala menurut Mohd Najib (2003), nilai kebolehpercayaan yang melebihi 0.800 merupakan nilai "*Alpha Cronbach*" di mana kebolehpercayaan sesuatu item itu adalah sangat tinggi dan boleh diterima.

3.6 Prosedur Pengumpulan Data

Sebelum memulakan kajian di sekolah-sekolah, penyelidik telah memohon kebenaran daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Setelah kebenaran diperolehi, penyelidik juga memohon kebenaran daripada pihak Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak bagi menggunakan pelajar SMKA sebagai sampel kajian.

Proses pengumpulan data pula menggunakan soal selidik di mana pengkaji telah bertemu dengan Pengetua terlebih dahulu untuk memohon kebenaran mengedarkan soal selidik kepada pelajar yang terlibat. Pengkaji meminta bantuan guru bimbingan atau kauselor sekolah untuk membantu pengkaji bertemu dengan pelajar yang berkenaan. Namun begitu, bagi SMKA yang jauh terutamanya di Igan, Miri dan Limbang, pengkaji telah mengedar borang soal selidik dengan menggunakan hantaran pos laju di mana pengkaji meminta bantuan guru bimbingan atau kauselor sekolah untuk mengedar borang soal selidik kepada pelajar yang berkenaan. Semua soal selidik yang telah disempurnakan dikembalikan dalam masa sebulan dari tarikh ia dihantar.

Setelah semua borang soal selidik dikembalikan, borang soal selidik tersebut dikumpul untuk pemprosesan dan analisis data. Maklumat-maklumat tambahan dikutip daripada pihak sekolah seperti maklumat tentang jumlah keseluruhan pelajar bagi seluruh sekolah. Maklumat juga akan didapati daripada buku-buku, artikel-artikel, jurnal dan kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Ianya memberikan gambaran yang lebih jelas terhadap topik dan tujuan kajian ini.

3.7 Analisis Data

Data-data yang diperolehi dianalisis berdasarkan objektif kajian. Analisis deskriptif min dan peratus digunakan untuk menentukan taburan jenis dan kekerapan tingkah laku buli dalam kalangan pelajar SMKA yang dikaji. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan komputer. Program yang digunakan adalah *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 14.

3.7.1 Min

Penggunaan dan pengiraan min bagi item-item dalam instrumen kajian merupakan penilaian setiap pemboleh ubah yang sangat penting dalam kajian ini. Min adalah purata dengan mencampurkan semua skor dibahagi dengan jumlah responden atau item. Nilai ini menerangkan kecenderungan setiap pemboleh ubah secara purata (Mohd Najib, 2003). Analisis skor min seperti yang telah dikemukakan oleh Wiersma (1995) telah digunakan untuk menentukan setiap tahap kecenderungan responden dalam menilai persoalan kajian. Oleh yang demikian, pengkaji telah menggunakan cara ini dalam menilai persoalan kajian seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.4, jadual 3.5 dan jadual 3.6 di bawah:

Jadual 3.4 : Tahap Persepsi Tingkah Laku Buli

Min Skor	Jenis Tingkah Laku Buli
0.01 – 1.00	Sangat jarang
1.01 – 2.00	Jarang
2.01 – 3.00	Kadang-kadang
3.01 – 4.00	Kerap
4.01 – 5.00	Sangat kerap

Jadual 3.5 : Tahap Persepsi Ciri-Ciri, Punca Dan Kesan Tingkah Laku Buli

Min Skor	Ciri-Ciri, Punca dan Kesan Tingkah Laku Buli
0.01 – 1.00	Sangat tidak setuju
1.01 – 2.00	Tidak setuju
2.01 – 3.00	Hampir setuju
3.01 – 4.00	Setuju
4.01 – 5.00	Sangat setuju

Jadual 3.6 : Tahap Persepsi Program Pencegahan

Min Skor	Program Pencegahan
0.01 – 1.00	Sangat tidak berkesan
1.01 – 2.00	Tidak berkesan
2.01 – 3.00	Hampir berkesan
3.01 – 4.00	Berkesan
4.01 – 5.00	Sangat berkesan

Untuk memberi gambaran yang lebih jelas, jadual 3.7 menunjukkan ringkasan statistik yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini:

Jadual 3.7: Jadual Ringkasan Pengujian Statistik Persoalan Kajian

Bil	Persoalan Kajian	Jenis Statistik
1	Untuk menentukan jenis tingkah laku buli yang paling dominan dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak	Min, Kekerapan, Peratusan,
2	Untuk menentukan ciri-ciri pembuli dan mangsa buli dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama di Sarawak	Min, Kekerapan, Peratusan,
3	Untuk menentukan punca-punca tingkah laku buli dalam kalangan pembuli dan mangsa buli di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak	Min, Kekerapan, Peratusan
4	Untuk menentukan kesan tingkah laku buli terhadap pembuli dan mangsa buli di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak	Min, Kekerapan, Peratusan
5	Untuk menentukan keberkesanan program pencegahan sedia ada dalam mengatasi masalah tingkah laku buli dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak	Min, Kekerapan, Peratusan

3.8 Penutup

Bab ini menjelaskan secara terperinci tentang cara serta kaedah yang digunakan berdasarkan kepada reka bentuk kajian, tempat kajian, populasi dan sampel kajian, kaedah persampelan dan instrumen kajian yang merangkumi kajian rintis, kesahan instrumen dan kebolehpercayaan instrumen, pengumpulan data dan analisis data. Semuanya dilakukan bertujuan untuk mendapatkan hasil kajian yang sah supaya dapatan kajian adalah sahih dan boleh dipertanggungjawabkan.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui persoalan-persoalan yang telah dikemukakan dalam bab pertama. Semua data yang telah diperolehi dianalisis berdasarkan persoalan-persoalan tersebut. Ia merupakan huraian kepada hasil tindakbalas responden terhadap soal selidik yang telah diedarkan.

4.2 Analisis Latar Belakang Responden

Responden kajian ini adalah seramai 400 orang pelajar dari 8 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak. Latar belakang responden melibatkan aspek-aspek jantina, tingkatan, keturunan, menetap di asrama, mempunyai kecacatan fizikal dan pengalaman dengan tingkah laku buli.

Taburan bilangan responden mengikut jantina dijelaskan dalam jadual 4.1 di bawah. Hasil kajian menunjukkan seramai 180 orang (45 %) adalah pelajar lelaki manakala seramai 220 orang (55 %) adalah pelajar perempuan.

Jadual 4.1 : Taburan bilangan responden mengikut jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	180	45
Perempuan	220	55
Jumlah	400	100

Jadual 4.2 pula menunjukkan taburan bilangan responden mengikut tingkatan. Hasil kajian menunjukkan seramai 219 orang (55 %) adalah pelajar tingkatan 2 manakala seramai 181 orang (45 %) adalah pelajar tingkatan 4.

Jadual 4.2 : Taburan bilangan responden mengikut tingkatan

Tingkatan	Kekerapan	Peratus
2	219	55
4	181	45
Jumlah	400	100

Taburan bilangan responden mengikut kaum ditunjukkan dalam jadual 4.3 di bawah. Hasil daripada kajian menunjukkan majoriti responden adalah terdiri daripada kaum Melayu iaitu sebanyak 376 orang (94 %) berbanding dengan kaum lain iaitu kaum Melanau seramai 7 orang (2 %) dan lain-lain kaum seramai 17 orang (4 %).

Jadual 4.3 : Taburan bilangan responden mengikut keturunan

Keturunan	Kekerapan	Peratus
Melayu	376	94
Melanau	7	2
Lain-lain	17	4
Jumlah	400	100

Jadual 4.4 menunjukkan taburan bilangan responden yang menetap di asrama. Hasil daripada kajian menunjukkan majoriti responden menetap diasrama sekolah iaitu sebanyak 352 orang (88 %) berbanding dengan responden yang tidak menetap di asrama iaitu 48 orang (12 %).

Jadual 4.4 : Taburan bilangan responden menetap di asrama

Menetap di asrama	Kekerapan	Peratus
Ya	352	88
Tidak	48	12
Jumlah	400	100

Seterusnya, jadual 4.5 di bawah menunjukkan taburan bilangan responden yang mempunyai kecacatan fizikal. Hasil daripada kajian menunjukkan majoriti responden tidak mempunyai kecacatan fizikal iaitu sebanyak 383 orang (96 %) berbanding dengan responden yang mempunyai kecacatan fizikal iaitu 17 orang (4 %).

Jadual 4.5 : Taburan bilangan responden mempunyai kecacatan fizikal

Kecacatan fizikal	Kekerapan	Peratus
Ya	17	4
Tidak	383	96
Jumlah	400	100

Jadual 4.6 pula menunjukkan taburan bilangan responden yang pernah terlibat dengan tingkah laku buli. Hasil daripada kajian menunjukkan majoriti responden pernah menjadi pembuli dan mangsa buli iaitu sebanyak 293 orang (73 %), responden pernah menjadi mangsa buli iaitu 101 orang (25 %) dan responden pernah menjadi pembuli iaitu 6 orang (2 %).

Jadual 4.6 : Taburan bilangan responden mengikut penglibatan dengan tingkah laku buli

Penglibatan dengan tingkah laku buli	Kekerapan	Peratus
Pembuli	6	2
Mangsa Buli	101	25
Pembuli dan Mangsa Buli	293	73
Jumlah	400	100

4.3 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif berikut adalah berdasarkan persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan dalam bab 1.

4.3.1 Persoalan Kajian 1 : Apakah Jenis-Jenis Tingkah Laku Buli Yang Kerap Dilakukan Dalam Kalangan Pelajar SMKA?

Terdapat 3 jenis tingkah laku buli yang dilakukan oleh pelajar-pelajar SMKA di Sarawak. Tingkah laku buli tersebut yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah tingkah laku buli fizikal, tingkah laku buli verbal dan tingkah laku buli antisosial.

Untuk menentukan jenis-jenis tingkah laku buli yang paling dominan antara 3 jenis tingkah laku tersebut, nilai min keseluruhan bagi item-item yang digunakan untuk setiap jenis tingkah laku akan dibandingkan. Min yang tertinggi akan menentukan jenis tingkah laku yang paling dominan berbanding dengan jenis-jenis tingkah laku yang lain. Semua nilai min tersebut adalah berdasarkan nilai min sepenuhnya iaitu 5.0.

Setelah data dianalisis, didapati min keseluruhan tingkah laku buli fizikal adalah 1.98, min keseluruhan tingkah laku buli verbal adalah 2.25 dan min keseluruhan tingkah laku buli antisosial adalah 1.84. seperti mana ditunjukkan dalam jadual 4.7 di bawah.

Jadual 4.7 : Min keseluruhan jenis-jenis tingkah laku buli
(n = 400)

Bil	Jenis-jenis tingkah laku buli	Min
1	Fizikal	1.98
2	Verbal	2.25
3	Anti sosial	1.84

Oleh sebab min keseluruhan tingkah laku buli verbal adalah lebih tinggi iaitu 2.25 berbanding dengan tingkah laku buli fizikal (1.98) dan tingkah laku buli antisosial (1.84), maka tingkah laku buli dari jenis verbal merupakan tingkah laku buli yang kerap dilakukan dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA di Sarawak.

Ia diikuti oleh tingkah laku buli fizikal yang mencatat min keseluruhan kedua tertinggi iaitu 1.98, seterusnya tingkah laku buli antisosial yang mencatat min keseluruhan ketiga tertinggi iaitu 1.84.

4.3.2 Persoalan Kajian 2 : Apakah Tingkah Laku Buli Yang Kerap Dilakukan Dalam Kalangan Jenis Tingkah Laku Buli Fizikal, Jenis Tingkah Laku Buli Verbal dan Jenis Tingkah Laku Buli Antisosial?

Terdapat 3 jenis tingkah laku buli yang dikaji dalam kajian ini iaitu tingkah laku buli fizikal, tingkah laku buli verbal dan tingkah laku buli antisosial.

4.3.2.1 Kekekrapan Jenis Tingkah Laku Buli Fizikal

Sejumlah 10 item telah digunakan bagi melihat kekekrapan tingkah laku buli fizikal dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA. Untuk mengenal pasti tingkah laku buli fizikal yang kerap dilakukan, maka peratus respon pelajar-pelajar kepada nilai kerap (4) dan sangat kerap (5) dijumlahkan sebagai kerap, manakala nilai sangat jarang (1) dan jarang (2) dijumlah sebagai jarang. Seterusnya nilai (3) adalah kadang-kadang.

Berdasarkan kepada maklumat-maklumat daripada jadual 4.8, jelas didapati bahawa tingkah laku “mentertawakan seseorang” merupakan tingkah laku buli fizikal yang paling kerap berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA. Terdapat 67 orang atau 16.8% responden menyatakan mereka kerap mengalami tingkah laku tersebut di sekolah. Tingkah laku “menolak seseorang” merupakan tingkah laku buli kedua kerap berlaku dalam kalangan pelajar di mana 36 orang atau 9.1% responden melaporkan bahawa mereka kerap mengalami tingkah laku buli tersebut. Seterusnya, tingkah laku “memaksa seseorang melakukan sesuatu yang tidak disukainya” merupakan tingkah laku buli ketiga kerap berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA di Sarawak. Seramai 32 orang atau 8.1% responden kerap mengalami tingkah laku tersebut di sekolah.

Tingkah laku “memaksa seseorang melakukan sesuatu yang tidak disukainya” adalah tingkah laku buli fizikal yang kadang-kadang dilakukan oleh pelajar-pelajar SMKA. Terdapat 134 (33.5%) orang responden menyatakan mereka kadang-kadang melakukan tingkah laku buli tersebut di sekolah. Seterusnya tingkah laku “mentertawakan seseorang” mencatatkan 118 (29.5%) orang responden dan tingkah laku “cuba menipu seseorang” mencatatkan 94 (23.5%) orang responden yang kadang-kadang melakukannya di sekolah.

Berdasarkan kepada maklumat-maklumat daripada jadual 4.8 juga, jelas didapati bahawa tingkah laku “cuba mencederakan seseorang” merupakan tingkah laku buli fizikal yang paling jarang berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA. Seramai 365 orang atau 91.3% responden menyatakan mereka jarang mengalami

tingkah laku tersebut di sekolah. Tingkah laku “cuba memukul seseorang” merupakan tingkah laku buli fizikal yang kedua jarang berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA di mana terdapat 364 orang atau 91.0% responden menyatakan mereka jarang mengalami tingkah laku tersebut di sekolah. Seterusnya, tingkah laku “memaksa memberi duit kepadanya” merupakan tingkah laku buli fizikal ketiga jarang berlaku iaitu 357 orang atau 89.3% responden menyatakan mereka jarang mengalami tingkah laku tersebut di sekolah.

Kesimpulan daripada huraian di atas, jelas membuktikan bahawa tingkah laku “mentertawakan seseorang” merupakan tingkah laku buli fizikal yang paling kerap berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA, diikuti oleh tingkah laku “menolak seseorang” dan seterusnya, tingkah laku “memaksa seseorang melakukan sesuatu yang tidak sukainya” yang merupakan tingkah laku buli fizikal ketiga kerap berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA di Sarawak.

Peratus respon pelajar-pelajar bagi setiap tingkah laku buli fizikal dinyatakan dalam jadual 4.8 di bawah.

Jadual 4.8 : Kekerapan jenis tingkah laku buli fizikal

(n = 400)

Nombor item	Pernyataan : Jenis tingkah laku buli fizikal yang sering dilakukan oleh pelajar	1	2	3	4	5
		Sangat jarang	Jarang	Kadang-kadang	Kerap	Sangat kerap
		Jarang			Kerap	
3	cuba menendang seseorang	238 (59.5%)	112 (28.0%)	30 (7.5%)	20 (5.0%)	0 (0%)
		350 (87.50%)			20 (5.0%)	
6	memaksa memberi duit kepadanya	300 (75.0%)	57 (14.3%)	43 (10.8%)	0 (0%)	0 (0%)
		357 (89.3%)			0	
9	cuba mencederakan seseorang	274 (68.5%)	91 (22.8%)	27 (6.8%)	2 (0.5%)	6 (1.5%)
		365 (91.3%)			8 (2.0%)	
11	cuba memukul seseorang	288 (72.0%)	76 (19.0%)	35 (8.8%)	1 (0.3%)	0 (0%)
		364 (91.0%)			1 (0.3%)	
12	memaksa seseorang melakukan sesuatu yang tidak disukainya	119 (29.8%)	115 (28.8%)	134 (33.5%)	21 (5.3%)	11 (2.8%)
		234 (58.6%)			32 (8.1%)	
15	menarik baju seseorang	210 (52.5%)	134 (33.5%)	45 (11.3%)	10 (2.5%)	1 (0.3%)
		344 (86.0%)			11 (2.8%)	
18	mengambil barang kepunyaan seseorang	156 (39.0%)	175 (43.8%)	44 (11.0%)	24 (6.0%)	1 (0.3%)
		331 (82.8%)			25 (6.3%)	
21	cuba menipu seseorang	84 (21.0%)	198 (49.5%)	94 (23.5%)	16 (4.0%)	8 (2.0%)
		282 (70.5%)			24 (6.0%)	

Sambungan jadual 4.8,

Nombor item	Pernyataan : Jenis tingkah laku buli fizikal yang sering dilakukan oleh pelajar	1	2	3	4	5
		Sangat jarang	Jarang	Kadang-kadang	Kerap	Sangat kerap
		Jarang			Kerap	
27	mentertawakan seseorang	109 (27.3%)	106 (26.5%)	118 (29.5%)	34 (8.5%)	33 (8.3%)
		215 (53.8%)			67 (16.8%)	
30	menolak seseorang	237 (59.3%)	79 (19.8%)	48 (12.0%)	29 (7.3%)	7 (1.8%)
		316 (79.1%)			36 (9.1%)	

1= Sangat jarang (sekali seumur hidup) 2= jarang (1 atau 2 kali setahun) 3=kadang-kadang (1 atau 2 kali sebulan) 4=kerap (1 atau 2 kali seminggu) 5= sangat kerap (setiap hari)

4.3.2.2 Kekerapan Jenis Tingkah Laku Buli Verbal

Dalam kajian ini, sejumlah 10 item juga telah digunakan bagi mengenal pasti tingkah laku buli verbal yang kerap dilakukan oleh pelajar-pelajar SMKA, maka peratus respon pelajar-pelajar kepada nilai kerap (4) dan sangat kerap (5) dijumlahkan sebagai kerap, manakala nilai tidak pernah (1) dan jarang (2) dijumlah sebagai jarang. Seterusnya nilai (3) adalah kadang-kadang.

Maklumat-maklumat daripada jadual 4.9 menyatakan bahawa tingkah laku “memanggil seseorang dengan nama yang tidak disukainya” merupakan tingkah laku buli verbal yang paling kerap berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA. Terdapat 184 orang atau 46.0% responden menyatakan mereka kerap mengalami tingkah laku tersebut di sekolah. Tingkah laku “mengusik seseorang” merupakan tingkah laku buli kedua kerap berlaku dalam kalangan pelajar di mana 144 orang atau 36.1% responden melaporkan bahawa mereka kerap mengalami tingkah laku buli tersebut. Seterusnya, tingkah laku “bertanyakan soalan yang bodoh” merupakan tingkah laku buli ketiga kerap berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA di

Sarawak. Seramai 104 orang atau 26.1% responden kerap mengalami tingkah laku buli verbal tersebut di sekolah.

Tingkah laku “membohongi seseorang” adalah tingkah laku buli verbal yang kadang-kadang dilakukan oleh pelajar-pelajar SMKA. Terdapat 152 (38.0%) orang responden menyatakan mereka kadang-kadang melakukan tingkah laku buli tersebut di sekolah. Seterusnya tingkah laku “bertanyakan soalan yang bodoh” mencatatkan 112 (28.0%) orang responden dan tingkah laku “memarahi seseorang” mencatatkan 105 (26.3%) orang responden yang kadang-kadang melakukannya di sekolah.

Berdasarkan kepada maklumat-maklumat daripada jadual 4.9 di bawah, jelas didapati bahawa tingkah laku “mengugut seseorang secara berkumpulan” merupakan tingkah laku buli verbal yang paling jarang berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA. Terdapat 363 orang atau 90.8% responden menyatakan mereka jarang mengalami tingkah laku tersebut di sekolah, manakala tingkah laku “mencabar untuk mencederakan” merupakan tingkah laku buli verbal yang kedua jarang berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA iaitu 357 orang atau 89.3% responden menyatakan mereka jarang mengalami tingkah laku tersebut di sekolah. Seterusnya, tingkah laku “mempersendakan warna kulit seseorang” merupakan tingkah laku buli verbal ketiga jarang berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA di Sarawak. Seramai 352 orang atau 88.0% responden menyatakan mereka jarang mengalami tingkah laku tersebut di sekolah.

Hasil dapatan yang diperolehi jelas membuktikan bahawa tingkah laku “memanggil seseorang dengan nama yang tidak disukainya” merupakan tingkah laku buli verbal yang paling kerap berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA. Tingkah laku “mengusik seseorang” merupakan tingkah laku buli verbal kedua kerap berlaku manakala tingkah laku “bertanyakan soalan yang bodoh” merupakan tingkah laku buli verbal ketiga kerap berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA di Sarawak.

Peratus respon pelajar-pelajar bagi setiap tingkah laku buli verbal dinyatakan dalam jadual 4.9 di bawah.

Jadual 4.9 : Kekkerapan jenis tingkah laku buli verbal
(n = 400)

Nombor item	Pernyataan : Jenis tingkah laku buli verbal yang sering dilakukan oleh pelajar	1	2	3	4	5
		Sangat jarang	Jarang	Kadang-kadang	Kerap	Sangat kerap
		Jarang			Kerap	
1	memanggil seseorang dengan nama lain yang tidak disukainya	53 (13.3%)	75 (18.8%)	88 (22.0%)	64 (16.0%)	120 (30.0%)
		128 (32.1%)			184 (46.0%)	
4	mencabar untuk mencederakan	234 (58.5%)	123 (30.8%)	21 (5.3%)	15 (3.8%)	7 (1.8%)
		357 (89.3%)			22 (5.6%)	
7	cuba menakut-nakutkan	156 (39.0%)	148 (37.0%)	51 (12.8%)	45 (11.3%)	0 (0%)
		304 (76.0%)			45 (11.3%)	
10	bertanyakan soalan yang bodoh	52 (13.0%)	132 (33.0%)	112 (28.0%)	83 (20.8%)	21 (5.3%)
		184 (46.0%)			104 (26.1%)	
13	memarahi seseorang	64 (16.0%)	138 (34.5%)	105 (26.3%)	92 (23.0%)	1 (0.3%)
		202 (50.5%)			93 (23.3%)	
16	mengusik seseorang	44 (11.0%)	143 (35.8%)	69 (17.3%)	127 (31.8%)	17 (4.3%)
		187 (46.8%)			144 (36.1%)	
19	membohongi seseorang	41 (10.3%)	126 (31.5%)	152 (38.0%)	64 (16.0%)	17 (4.3%)
		167 (41.8%)			81 (20.3%)	

Sambungan jadual 4.9;

Nombor item	Pernyataan : Jenis tingkah laku buli verbal yang sering dilakukan oleh pelajar	1	2	3	4	5
		Sangat jarang	Jarang	Kadang-kadang	Kerap	Sangat kerap
		Jarang			Kerap	
22	mengugut seseorang secara berkumpulan	316 (79.0%)	47 (11.8%)		22 (5.5%)	15 (3.8%)
		363 (90.8%)			15 (3.8%)	
25	mempersendakan warna kulit seseorang	242 (60.5%)	110 (27.5%)	47 (11.8%)	1 (0.3%)	0 (0%)
		352 (88.0%)			1 (0.3%)	
28	menjerit pada seseorang	166 (41.5%)	141 (35.3%)	52 (13.0%)	24 (6.0%)	17 (4.3%)
		307 (76.8%)			41 (10.3%)	

1= Sangat jarang (sekali seumur hidup) 2= jarang (1 atau 2 kali setahun) 3=kadang-kadang (1 atau 2 kali sebulan) 4=kerap (1 atau 2 kali seminggu) 5= sangat kerap (setiap hari)

4.3.2.3 Kekekapan Jenis Tingkah Laku Buli Antisozial

Dalam kajian ini, sejumlah 10 item juga telah digunakan bagi mengenal pasti tingkah laku buli antisozial yang kerap dilakukan oleh pelajar-pelajar SMKA. Peratus respon pelajar-pelajar kepada nilai kerap (4) dan sangat kerap (5) dijumlahkan sebagai kerap, manakala nilai tidak pernah (1) dan jarang (2) dijumlah sebagai jarang. Seterusnya nilai (3) adalah kadang-kadang.

Maklumat-maklumat daripada jadual 4.10 menyatakan bahawa tingkah laku “menjadikan seseorang sebagai bahan ejekan” merupakan tingkah laku buli antisozial yang paling kerap berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA. Terdapat 92 orang atau 23.1% responden menyatakan mereka kerap mengalami tingkah laku tersebut di sekolah. Tingkah laku “cuba merosakkan barangan kepunyaan seseorang” merupakan tingkah laku buli antisozial kedua kerap berlaku

dalam kalangan pelajar di mana 54 orang atau 13.6% responden melaporkan bahawa mereka kerap mengalami tingkah laku buli tersebut. Seterusnya, tingkah laku “menghina seseorang kerana berbeza darinya” merupakan tingkah laku buli antisosial ketiga kerap berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA di Sarawak iaitu 49 orang atau 12.3% responden kerap mengalami tingkah laku buli tersebut di sekolah.

Tingkah laku “menjadikan seseorang sebagai bahan ejekan” adalah tingkah laku buli antisosial yang kadang-kadang dilakukan oleh pelajar-pelajar SMKA. Terdapat 98 (24.5%) orang responden menyatakan mereka kadang-kadang melakukan tingkah laku buli tersebut di sekolah. Seterusnya tingkah laku “menghina nama sebenar” mencatatkan 97 (24.3%) orang responden, manakala tingkah laku “bercakap bohong tentang seseorang” mencatatkan 80 (20.0%) orang responden yang kadang-kadang melakukannya di sekolah.

Berdasarkan kepada maklumat-maklumat daripada jadual 4.10 juga, didapati bahawa tingkah laku “menghalang seseorang dari bermain dengan rakan yang lain” merupakan tingkah laku buli antisosial yang paling jarang berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA. Terdapat 364 orang atau 91.0% responden menyatakan mereka jarang mengalami tingkah laku tersebut di sekolah, manakala tingkah laku “mengugut untuk bercerita tentang seseorang pada orang lain” merupakan tingkah laku buli antisosial yang kedua jarang berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA di mana 333 orang atau 83.3% responden menyatakan mereka jarang mengalami tingkah laku tersebut di sekolah. Seterusnya, tingkah laku “tidak memperdulikan seseorang” merupakan tingkah laku buli verbal ketiga jarang berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA di Sarawak. Seramai 326 orang atau 81.5% responden menyatakan mereka jarang mengalami tingkah laku tersebut di sekolah.

Merujuk kepada dapatan-dapatan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa tingkah laku “menjadikan seseorang sebagai bahan ejekan” merupakan tingkah laku buli antisosial yang paling kerap berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA, seterusnya tingkah laku “cuba merosakkan barangan kepunyaan seseorang”

merupakan tingkah laku buli antisosial kedua kerap berlaku manakala tingkah laku “menghina seseorang kerana berbeza darinya” merupakan tingkah laku buli antisosial ketiga kerap berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA di Sarawak.

Peratus respon pelajar-pelajar bagi setiap tingkah laku buli antisosial dinyatakan dalam jadual 4.10 di bawah.

Jadual 4.10 : Kekerapan jenis tingkah laku buli antisosial
(n = 400)

Nombor item	Pernyataan : Jenis tingkah laku buli antisosial yang sering dilakukan oleh pelajar	1	2	3	4	5
		Sangat jarang	Jarang	Kadang-kadang	Kerap	Sangat kerap
		Jarang			Kerap	
2	menghina keluarga seseorang	253 (63.3%)	70 (17.5%)	34 (8.5%)	16 (4.0%)	27 (6.8%)
		323 (80.8%)			43 (10.8%)	
5	menghina nama sebenar	215 (53.8%)	60 (15.0%)	97 (24.3%)	16 (4.0%)	12 (3.0%)
		275 (68.8%)			28 (7.0%)	
8	menjadikan seseorang sebagai bahan ejekkan	84 (21.0%)	126 (31.5%)	98 (24.5%)	39 (9.8%)	53 (13.3%)
		210 (52.5%)			92 (23.1%)	
14	memfitnah seseorang	119 (29.8%)	170 (42.5%)	64 (16.0%)	46 (11.5%)	1 (0.3%)
		289 (72.3%)			47 (11.8%)	
17	menghalang seseorang dari bermain dengan rakan lain	296 (74.0%)	68 (17.0%)	27 (6.8%)	8 (2.0%)	1 (0.3%)
		364 (91.0%)			9 (2.3%)	
20	mengugut untuk bercerita tentang seseorang pada orang lain	203 (50.8%)	130 (32.5%)	47 (11.8%)	3 (0.8%)	17 (4.3%)
		333 (83.3%)			20 (5.1%)	

Sambungan jadual 4.10;

Nombor item	Pernyataan : Jenis tingkah laku buli antisosial yang sering dilakukan oleh pelajar	1	2	3	4	5
		Sangat jarang	Jarang	Kadang-kadang	Kerap	Sangat kerap
		Jarang			Kerap	
23	tidak memperdulikan seseorang	202 (50.5%)	124 (31.0%)	32 (8.0%)	33 (8.3%)	9 (2.3%)
		326 (81.5%)			42 (10.6%)	
24	bercakap bohong tentang seseorang	105 (26.3%)	175 (43.8%)	80 (20.0%)	31 (7.8%)	9 (2.3%)
		280 (70.1%)			40 (10.1%)	
26	cuba merosakkan barangan kepunyaan seseorang	229 (57.3%)	61 (15.3%)	56 (14.0%)	35 (8.8%)	19 (4.8%)
		290 (72.6%)			54 (13.6%)	
29	menghina seseorang kerana berbeza darinya	225 (56.3%)	89 (22.3%)	37 (9.0%)	27 (6.8%)	22 (5.5%)
		314 (78.6%)			49 (12.3%)	

1=sangat jarang (sekali seumur hidup) 2= jarang (1 atau 2 kali setahun) 3=kadang-kadang (1 atau 2 kali sebulan) 4=kerap (1 atau 2 kali seminggu) 5= sangat kerap (setiap hari)

4.3.3 Persoalan Kajian 3 : Apakah Ciri-Ciri Pembuli Dalam Kalangan Pelajar SMKA?

Terdapat 2 jenis ciri-ciri tingkah laku buli dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi pembuli. Ciri-ciri tingkah laku buli tersebut yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah ciri-ciri fizikal dan juga emosi.

Untuk menentukan ciri-ciri tingkah laku buli yang paling dominan antara 2 ciri tingkah laku buli tersebut, nilai min keseluruhan bagi item-item yang digunakan untuk setiap ciri-ciri tingkah laku akan dibandingkan. Min yang tertinggi akan

menentukan ciri-ciri tingkah laku yang paling dominan berbanding dengan ciri-ciri tingkah laku yang lain. Semua nilai min tersebut adalah berdasarkan nilai min sepenuhnya iaitu 5.0.

Setelah data dianalisis, didapati min keseluruhan ciri-ciri tingkah laku fizikal pembuli adalah 4.05 dan min keseluruhan ciri-ciri tingkah laku emosi pembuli adalah 3.72 seperti mana ditunjukkan dalam jadual 4.11 di bawah.

Jadual 4.11 : Min keseluruhan ciri-ciri pembuli

(n = 400)

Bil	Ciri-ciri tingkah laku buli	Min
1	Fizikal	4.05
2	Emosi	3.72

Sebagai kesimpulan, oleh sebab min keseluruhan ciri-ciri tingkah laku buli fizikal pembuli adalah lebih tinggi iaitu 4.05 berbanding dengan min keseluruhan ciri-ciri tingkah laku buli emosi pembuli iaitu 3.72, maka ciri-ciri tingkah laku buli fizikal merupakan ciri-ciri tingkah laku buli yang paling dominan dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi pembuli.

4.3.4 Persoalan Kajian 4 : Apakah Ciri-Ciri Tingkah Laku Yang Kerap Dilakukan Dalam Kalangan Tingkah Laku Fizikal dan Tingkah Laku Emosi Pembuli?

Terdapat 2 ciri-ciri tingkah laku buli bagi seorang pembuli yang dikaji dalam kajian ini iaitu tingkah laku fizikal dan tingkah laku emosi.

4.3.4.1 Ciri-Ciri Tingkah Laku Fizikal Pembuli

Sejumlah 5 item telah digunakan bagi melihat ciri-ciri fizikal dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi pembuli. Untuk mengenal pasti ciri-ciri fizikal yang kerap dilakukan, maka peratus respon pelajar-pelajar kepada nilai setuju (4) dan sangat setuju (5) dijumlahkan sebagai setuju, manakala nilai sangat tidak setuju (1) dan tidak setuju (2) dijumlah sebagai tidak setuju. Seterusnya nilai (3) adalah hampir setuju.

Jadual 4.12 menunjukkan taburan responden mengikut peratus persetujuan mereka terhadap ciri-ciri fizikal pembuli. Dapatan kajian menunjukkan pernyataan “suka mengawal orang lain” mempunyai peratus tertinggi iaitu 89.1%. Terdapat 356 orang responden yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seorang (0.3%) responden yang tidak setuju dengan pernyataan tersebut, manakala 43 orang atau 10.8% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

“Bangga tentang dirinya” merupakan pernyataan yang mendapat peratus kedua tertinggi. Seramai 348 (87.0%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut, manakala terdapat 2 (0.5%) orang responden yang tidak setuju manakala 50 orang atau 12.5% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Peratus ketiga tertinggi ialah pernyataan “umurnya lebih tua” iaitu mencatat peratus sebanyak 80.1% iaitu 320 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Responden yang tidak bersetuju adalah 46 (11.6%), manakala 34 (8.5%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “badannya lebih besar” merupakan pernyataan yang mendapat peratus terendah iaitu 57.3% iaitu 229 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut dan 89 (22.3%) orang responden yang tidak bersetuju, manakala 82 orang atau 20.5% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Kesimpulannya, “suka mengawal orang lain” merupakan ciri-ciri fizikal yang paling tinggi dalam kalangan pembuli di SMKA, diikuti oleh “bangga tentang

dirinya” yang merupakan ciri-ciri fizikal kedua tertinggi dan seterusnya ialah “umurnya lebih tua” yang merupakan ciri-ciri fizikal ketiga tertinggi dalam kalangan pelajar yang menjadi pembuli.

Peratus respon pelajar-pelajar bagi setiap ciri-ciri fizikal pembuli dinyatakan dalam jadual 4.12 di bawah.

Jadual 4.12 : Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan ciri-ciri tingkah laku buli fizikal pembuli

(n = 400)

No item	Pernyataan :	1	2	3	4	5
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	Setuju	Sangat setuju
		Tidak setuju			Setuju	
1	Badannya lebih besar	17 (4.3%)	72 (18.0%)	82 (20.5%)	92 (23.0%)	137 (34.3%)
		89 22.3%			229 57.3%	
3	Umurnya lebih tua	13 (3.3%)	33 (8.3%)	34 (8.5%)	149 (37.3%)	171 (42.8%)
		46 11.6%			320 80.1%	
5	Tubuh badannya kuat	1 (0.3%)	49 (12.3%)	88 (22.0%)	153 (38.3%)	109 (27.3%)
		50 12.6%			262 65.6%	
7	Bangga tentang dirinya	0 (0%)	2 (0.5%)	50 (12.5%)	154 (38.5%)	194 (48.5%)
		2 0.5%			348 87.0%	
10	Suka mengawal orang lain	0 (0%)	1 (0.3%)	43 (10.8%)	179 (44.8%)	177 (44.3%)
		1 0.3%			356 89.1%	

4.3.4.2 Ciri-Ciri Tingkah Laku Emosi Pembuli

Sejumlah 5 item telah digunakan bagi melihat kekerapan ciri-ciri emosi dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi pembuli. Untuk mengenal pasti ciri-ciri emosi yang kerap dilakukan, maka peratus respon pelajar-pelajar kepada nilai setuju (4) dan sangat setuju (5) dijumlahkan sebagai setuju, manakala nilai sangat tidak setuju (1) dan tidak setuju (2) dijumlah sebagai tidak setuju. Seterusnya nilai (3) adalah hampir setuju.

Jadual 4.13 menunjukkan taburan responden mengikut peratus persetujuan mereka terhadap ciri-ciri emosi pembuli. Dapatan kajian menunjukkan pernyataan “selalu dimarahi guru” mempunyai peratus tertinggi iaitu 78.5%. Terdapat 314 orang responden yang bersetuju dan 6 (1.5%) orang responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, manakala 80 orang atau 20.0% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “pelajar yang lemah dalam pelajaran” merupakan pernyataan yang mendapat peratus kedua tertinggi iaitu 66.3% iaitu 265 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 44 (11.0%) orang responden yang tidak setuju, manakala 91 orang atau 22.8% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Peratus ketiga tertinggi ialah pernyataan “tidak suka belajar” iaitu mencatat peratus sebanyak 65.8% iaitu 263 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Responden yang tidak bersetuju adalah seramai 25 (6.3%) orang, manakala 112 (28.0%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “keluarganya miskin” merupakan pernyataan yang mendapat peratus terendah iaitu 11.8%. Hanya 47 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut, manakala 185 (46.3%) orang responden yang tidak bersetuju manakala 168 orang atau 42.0% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Dapatlah disimpulkan bahawa “selalu dimarahi guru” merupakan ciri-ciri emosi yang paling tinggi dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi pembuli, diikuti oleh “pelajar yang lemah dalam pelajaran” yang merupakan ciri-ciri emosi kedua tertinggi dan seterusnya ialah “tidak suka belajar” yang merupakan ciri-ciri emosi ketiga tertinggi dalam kalangan pelajar -pelajar yang menjadi pembuli di SMKA.

Peratus respon pelajar-pelajar bagi setiap ciri-ciri emosi pembuli dinyatakan dalam jadual 4.13 di bawah.

Jadual 4.13 : Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan ciri-ciri tingkah laku emosi pembuli

No item	Pernyataan :	1	2	3	4	5
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	Setuju	Sangat setuju
	Pada pendapat saya, ciri-ciri emosi pembuli adalah seperti berikut	Tidak setuju			Setuju	
2	keluarganya miskin	35 (8.8%)	150 (37.5%)	168 (42.0%)	47 (11.8%)	0 (0%)
		185 46.3%			47 11.8%	
4	selalu dimarahi guru	0 (0%)	6 (1.5%)	80 (20.0%)	144 (36.0%)	170 (42.5%)
		6 1.5%			314 78.5%	
6	tidak disukai rakan sekelas	7 (1.8%)	40 (10.0%)	177 (44.3%)	91 (22.8%)	85 (21.3%)
		47 11.8%			176 44.1%	
8	tidak suka belajar	0 (0%)	25 (6.3%)	112 (28.0%)	135 (33.8%)	128 (32.0%)
		25 6.3%			263 65.8%	
9	pelajar yang lemah dalam pelajaran	2 (0.5%)	42 (10.5%)	91 (22.8%)	160 (40.0%)	105 (26.3%)
		44 11.0%			265 66.3%	

4.3.5 Persoalan Kajian 5 : Apakah Ciri-Ciri Mangsa Buli Dalam Kalangan Pelajar SMKA?

Terdapat 2 ciri-ciri tingkah laku buli dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi mangsa buli. Ciri-ciri tingkah laku buli tersebut yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah ciri-ciri fizikal dan juga emosi.

Untuk menentukan ciri-ciri tingkah laku buli yang paling dominan antara 2 ciri tingkah laku buli tersebut, nilai min keseluruhan bagi item-item yang digunakan untuk setiap ciri-ciri tingkah laku akan dibandingkan. Min yang tertinggi akan menentukan ciri-ciri tingkah laku yang paling dominan berbanding dengan ciri-ciri tingkah laku yang lain. Semua nilai min tersebut adalah berdasarkan nilai min sepenuhnya iaitu 5.0.

Setelah data dianalisis, didapati min keseluruhan ciri-ciri tingkah laku fizikal mangsa buli adalah 3.76 dan min keseluruhan ciri-ciri tingkah laku emosi pembuli adalah 3.19 seperti mana ditunjukkan dalam jadual 4.14 di bawah.

Jadual 4.14 : Min keseluruhan ciri-ciri mangsa buli

(n = 400)

Bil	Ciri-ciri tingkah laku buli	Min
1	Fizikal	3.76
2	Emosi	3.19

Oleh sebab min keseluruhan ciri-ciri tingkah laku buli fizikal mangsa buli adalah lebih tinggi (3.76) berbanding dengan ciri-ciri tingkah laku buli emosi mangsa buli (3.19), maka ciri-ciri tingkah laku buli dari jenis fizikal merupakan ciri-ciri tingkah laku buli yang paling dominan dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli.

4.3.6 Persoalan Kajian 6: Apakah Ciri-Ciri Tingkah Laku Yang Kerap Dilakukan Dalam Kalangan Tingkah Laku Fizikal dan Tingkah Laku Emosi Mangsa Buli?

Terdapat 2 ciri-ciri tingkah laku dalam kalangan mangsa buli yang dikaji dalam kajian ini iaitu tingkah laku fizikal dan tingkah laku emosi.

4.3.6.1 Ciri-Ciri Tingkah Laku Fizikal Mangsa Buli

Sejumlah 5 item telah digunakan bagi melihat kekerapan ciri-ciri fizikal dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi mangsa buli. Untuk mengenal pasti ciri-ciri fizikal yang kerap dilakukan, maka peratus respon pelajar-pelajar kepada nilai setuju (4) dan sangat setuju (5) dijumlahkan sebagai setuju, manakala nilai sangat tidak setuju (1) dan tidak setuju (2) dijumlah sebagai tidak setuju. Seterusnya nilai (3) adalah hampir setuju.

Jadual 4.15 menunjukkan taburan responden mengikut peratus persetujuan mereka terhadap ciri-ciri fizikal mangsa buli dalam kalangan pelajar SMKA. Dapatan kajian menunjukkan pernyataan “dia bertubuh kecil” mempunyai peratus tertinggi iaitu 85.8%. Terdapat 343 orang responden yang bersetuju dan 17 (4.3%) orang responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, manakala 40 orang atau 10.0% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “dia mempunyai kecacatan” merupakan pernyataan yang mendapat peratus kedua tertinggi iaitu 69.8% iaitu 279 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 65 (16.3%) orang responden yang tidak setuju, manakala 56 orang atau 14.0% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Peratus ketiga tertinggi ialah pernyataan “dia memiliki wajah yang hodoh” iaitu mencatat peratus sebanyak 54.3%. Terdapat 217 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Responden yang tidak bersetuju adalah 43 (10.8%)

orang, manakala 140 (35.0%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “dia bercakap banyak dalam kelas” merupakan pernyataan yang mendapat peratus terendah iaitu 17.7%. Hanya 71 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut, manakala 120 (30.1%) orang responden yang tidak bersetuju manakala 209 orang atau 52.3% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Kesimpulan hasil dapatan yang diuraikan di atas mendapati bahawa “dia bertubuh kecil” merupakan ciri-ciri fizikal yang paling tinggi dalam kalangan pelajar-pelajar mangsa buli di SMKA, diikuti oleh “dia mempunyai kecacatan” yang merupakan ciri-ciri fizikal kedua tertinggi dan seterusnya ialah “dia memiliki wajah yang hodoh” yang merupakan ciri-ciri fizikal ketiga tertinggi dalam kalangan pelajar-pelajar mangsa buli.

Peratus respon pelajar-pelajar bagi setiap ciri-ciri fizikal mangsa buli dinyatakan dalam jadual 4.15 di bawah.

Jadual 4.15 : Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan ciri-ciri tingkah laku fizikal mangsa buli

(n = 400)

No item	Pernyataan :	1	2	3	4	5
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	Setuju	Sangat setuju
		Tidak setuju		Setuju		
1	tubuhnya yang gemuk	5 (1.3%)	118 (29.5%)	172 (43.0%)	64 (16.0%)	41 (10.3%)
		123 30.8%			105 26.3%	
4	dia bertubuh kecil	0 (0%)	17 (4.3%)	40 (10.0%)	143 (35.8%)	200 (50.0%)
		17 4.3%			343 85.8%	
5	dia memiliki wajah yang hodoh	14 (3.5%)	29 (7.3%)	140 (35.0%)	110 (27.5%)	107 (26.8%)
		43 10.8%			217 54.3%	
6	dia bercakap banyak dalam kelas	21 (5.3%)	99 (24.8%)	209 (52.3%)	53 (13.3%)	18 (4.4%)
		120 30.1%			71 17.7%	
7	dia mempunyai kecacatan	2 (0.5%)	63 (15.8%)	56 (14.0%)	200 (50.0%)	79 (19.8%)
		65 16.3%			279 69.8%	

4.3.6.2 Ciri-Ciri Tingkah Laku Emosi Mangsa Buli

Sejumlah 5 item telah digunakan bagi melihat kekerapan ciri-ciri emosi dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi mangsa buli. Untuk mengenal pasti ciri-ciri emosi yang kerap dilakukan, maka peratus respon pelajar-pelajar kepada nilai setuju (4) dan sangat setuju (5) dijumlahkan sebagai setuju, manakala nilai sangat tidak setuju (1) dan tidak setuju (2) dijumlah sebagai tidak setuju. Seterusnya nilai (3) adalah hampir setuju.

Jadual 4.16 menunjukkan taburan responden mengikut peratus persetujuan mereka terhadap ciri-ciri emosi mangsa buli dalam kalangan pelajar SMKA. Dapatan kajian menunjukkan pernyataan “umurnya lebih muda” mempunyai peratus tertinggi iaitu 86.8%. Terdapat 347 orang responden yang bersetuju dan 18 (4.6%) orang responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, manakala 35 orang atau 8.8% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “dia seorang yang pendiam” merupakan pernyataan yang mendapat peratus kedua tertinggi iaitu 61.5% iaitu 246 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut, manakala 82 (20.5%) orang responden yang tidak setuju dan 72 orang atau 18.0% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Peratus ketiga tertinggi ialah pernyataan “disayangi oleh guru” iaitu mencatat peratus sebanyak 51.8%. Terdapat 207 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Responden yang tidak bersetuju adalah 56 (14.0%) orang, manakala 137 (34.3%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “dia mendapat kedudukan tercorot dalam peperiksaan” merupakan pernyataan yang mendapat peratus terendah iaitu 16.1%. Hanya 64 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut, manakala 159 (39.9%) orang responden yang tidak bersetuju manakala 177 orang atau 44.3% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Kesimpulannya, “umurnya lebih muda” merupakan ciri-ciri emosi yang paling tinggi dalam kalangan pelajar-pelajar mangsa buli di SMKA, diikuti oleh “dia seorang yang pendiam” yang merupakan ciri-ciri emosi kedua tertinggi dan seterusnya ialah “disayangi oleh guru” yang merupakan ciri-ciri emosi ketiga tertinggi dalam kalangan mangsa buli di SMKA.

Peratus respon pelajar-pelajar bagi setiap ciri-ciri emosi mangsa buli dinyatakan dalam jadual 4.16 di bawah.

Jadual 4.16 : Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan ciri-ciri tingkah laku emosi mangsa buli

(n = 400)

No item	Pernyataan :	1	2	3	4	5
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	Setuju	Sangat setuju
		Tidak setuju		Setuju		
2	disayangi oleh guru	16 (4.0%)	40 (10.0%)	137 (34.3%)	178 (44.5%)	29 (7.3%)
		56 14.0%			207 51.8%	
3	umurnya lebih muda	13 (3.3%)	5 (1.3%)	35 (8.8%)	181 (45.3%)	166 (41.5%)
		18 4.6%			347 86.8%	
8	dia seorang yang sombong	11 (2.8%)	77 (19.3%)	130 (32.5%)	92 (23.0%)	90 (22.5%)
		88 22.1%			182 45.5%	
9	dia mendapat kedudukan tercorot dalam peperiksaan	22 (5.5%)	137 (34.4%)	177 (44.3%)	35 (8.8%)	29 (7.3%)
		159 39.9%			64 16.1%	
10	dia seorang yang pendiam	18 (4.5%)	64 (16.0%)	72 (18.0%)	158 (39.5%)	88 (22.0%)
		82 20.5%			246 61.5%	

4.3.7 Persoalan Kajian 7 : Apakah Punca-Punca Tingkah Laku Buli Dalam Kalangan Pembuli Di SMKA?

Terdapat 4 punca-punca tingkah laku buli dalam kalangan pembuli. Punca-punca tingkah laku buli tersebut yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah fizikal, emosi, pengaruh luar dan lokasi. Untuk menentukan punca-punca tingkah laku buli yang paling dominan antara 4 punca tingkah laku buli tersebut, nilai min keseluruhan bagi item-item yang digunakan untuk setiap punca-punca tingkah laku akan

dibandingkan. Min yang tertinggi akan menentukan punca tingkah laku yang paling dominan berbanding dengan punca tingkah laku yang lain. Semua nilai min tersebut adalah berdasarkan nilai min sepenuhnya iaitu 5.0.

Setelah data dianalisis, didapati min keseluruhan punca-punca tingkah laku buli fizikal pembuli adalah 3.93, emosi pembuli (3.91), pengaruh luar pembuli (3.69) dan min keseluruhan punca-punca lokasi pembuli adalah 2.96 seperti mana ditunjukkan dalam jadual 4.17 di bawah.

Jadual 4.17 : Min keseluruhan punca-punca tingkah laku buli dalam kalangan pembuli

(n = 400)

Bil	Punca-punca tingkah laku buli	Min
1	Fizikal	3.93
2	Emosi	3.91
3	Pengaruh Luar	3.69
4	Lokasi	2.96

Oleh sebab min keseluruhan punca-punca tingkah laku buli fizikal adalah lebih tinggi (3.93) berbanding dengan punca-punca tingkah laku buli emosi (3.91), pengaruh luar (3.96) dan lokasi (2.96), maka punca-punca tingkah laku buli dari jenis fizikal merupakan punca-punca tingkah laku buli yang paling dominan dalam kalangan pelajar yang menjadi pembuli.

4.3.8 Persoalan Kajian 8: Apakah Punca-Punca Yang Kerap Dilakukan Dalam Kalangan Punca Tingkah Laku Buli Fizikal, Emosi, Pengaruh Luar dan Lokasi Pembuli?

Terdapat 4 punca-punca tingkah laku buli terhadap pembuli yang dikaji dalam kajian ini iaitu punca tingkah laku buli fizikal, emosi, pengaruh luar dan lokasi.

4.3.8.1 Punca-Punca Fizikal Dalam Kalangan Pembuli

Sejumlah 5 item telah digunakan bagi melihat kekerapan punca-punca fizikal dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi pembuli. Untuk mengenal pasti punca-punca fizikal yang kerap dilakukan, maka peratus respon pelajar-pelajar kepada nilai setuju (4) dan sangat setuju (5) dijumlahkan sebagai setuju, manakala nilai sangat tidak setuju (1) dan tidak setuju (2) dijumlah sebagai tidak setuju. Seterusnya nilai (3) adalah hampir setuju.

Jadual 4.18 menunjukkan taburan responden mengikut peratus persetujuan mereka terhadap punca-punca fizikal dalam kalangan pembuli. Dapatan kajian menunjukkan pernyataan “untuk menunjukkan dirinya kuat” mendapat peratus yang tertinggi. Terdapat 366 atau 91.6% orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seramai 13 (3.3%) orang responden yang tidak bersetuju, manakala 21 orang atau 5.3% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “umurnya lebih tua” merupakan pernyataan yang mencatat peratus kedua tertinggi iaitu 88.1% iaitu 352 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 6 (1.6%) orang responden yang tidak bersetuju, manakala 42 orang atau 10.5% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “berbangga dengan dirinya” mencatatkan peratus ketiga tertinggi iaitu 87.5%. Terdapat 350 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Tiada seorang pun responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, manakala 50 (12.5%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “dia kakak / cantik” merupakan pernyataan yang mendapat peratus terendah iaitu 21.1% iaitu 84 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seramai 153 (38.3%) orang responden tidak bersetuju, manakala 163 orang atau 40.8% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Secara umumnya, dapatlah disimpulkan bahawa “untuk menunjukkan dirinya kuat” merupakan punca tingkah laku buli fizikal yang tertinggi dilakukan dalam kalangan pelajar yang menjadi pembuli. Ini diikuti oleh “umurnya lebih tua” yang merupakan punca tingkah laku buli fizikal kedua tertinggi, seterusnya “berbangga dengan dirinya” merupakan punca tingkah laku buli fizikal ketiga tertinggi dalam kalangan pembuli.

Peratus respon pelajar-pelajar bagi setiap punca-punca fizikal pembuli dinyatakan dalam jadual 4.18 di bawah.

Jadual 4.18 : Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan punca-punca fizikal dalam kalangan pembuli

(n = 400)

No item	Pernyataan :	1	2	3	4	5
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	Setuju	Sangat setuju
		Tidak setuju		Setuju		
1	badannya lebih besar	14 (3.5%)	59 (14.8%)	65 (16.3%)	154 (38.5%)	108 (27.0%)
		73 18.3%			262 65.5%	
5	umurnya lebih tua	1 (0.3%)	5 (1.3%)	42 (10.5%)	195 (48.8%)	157 (39.3%)
		6 1.6%			352 88.1%	
9	berbangga dengan dirinya	0 (0%)	0 (0%)	50 (12.5%)	166 (41.5%)	184 (46.0%)
		0 0%			350 87.5%	
13	untuk menunjukkan dirinya kuat	0 (0%)	13 (3.3%)	21 (5.3%)	153 (38.3%)	213 (53.3%)
		13 3.3%			366 91.6%	
17	untuk mendapatkan wang	18 (4.5%)	17 (4.3%)	34 (8.5%)	196 (49.0%)	135 (33.8%)
		35 8.8%			331 82.8%	
21	dia kacak / cantik	30 (7.5%)	123 (30.8%)	163 (40.8%)	51 (12.8%)	33 (8.3%)
		153 38.3%			84 21.1%	

4.3.8.2 Punca-Punca Emosi Dalam Kalangan Pembuli

Sejumlah 5 item telah digunakan bagi melihat kekerapan punca-punca emosi dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi pembuli. Untuk mengenal pasti punca-punca emosi yang kerap dilakukan, maka peratus respon pelajar-pelajar kepada nilai setuju (4) dan sangat setuju (5) dijumlahkan sebagai setuju, manakala nilai sangat tidak

setuju (1) dan tidak setuju (2) dijumlah sebagai tidak setuju. Seterusnya nilai (3) adalah hampir setuju.

Jadual 4.19 menunjukkan taburan responden mengikut peratus persetujuan mereka terhadap punca-punca emosi dalam kalangan pembuli dalam kalangan pelajar SMKA. Dapatan kajian menunjukkan pernyataan “membalas dendam” mendapat peratus yang tertinggi iaitu 100% atau 400 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Tiada responden yang hampir setuju atau tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan “untuk keseronokan” merupakan pernyataan yang mencatat peratus kedua tertinggi iaitu 87.8% iaitu 351 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat seramai 19 (4.8%) orang responden yang tidak bersetuju, manakala 30 orang atau 7.5% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “tidak suka pada pelajar tersebut” mencatatkan peratus ketiga tertinggi iaitu 82.5%. Seramai 330 orang responden bersetuju, manakala terdapat 55 (13.8%) orang responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, manakala 15 (3.8%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “tidak pernah dikenakan hukuman” merupakan pernyataan yang mendapat peratus terendah iaitu 28.0% iaitu 112 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seramai 179 (44.8%) orang responden tidak bersetuju, manakala 109 orang atau 27.3% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Dapat disimpulkan bahawa “membalas dendam” merupakan punca tingkah laku buli emosi yang tertinggi dilakukan oleh pembuli di SMKA. Ini diikuti oleh “untuk keseronokan” yang merupakan punca tingkah laku buli emosi kedua tertinggi, seterusnya “tidak suka pada pelajar tersebut” merupakan punca tingkah laku buli emosi ketiga tertinggi dalam kalangan pembuli.

Peratus respon pelajar-pelajar bagi setiap punca-punca emosi pembuli dinyatakan dalam jadual 4.19 di bawah.

Jadual 4.19 : Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan punca-punca emosi dalam kalangan pembuli

(n = 400)

No item	Pernyataan :	1	2	3	4	5
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	Setuju	Sangat setuju
	Punca pelajar membuli adalah kerana	Tidak setuju			Setuju	
2	membalas dendam	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	208 (52.0%)	192 (48.0%)
		0 0%			400 100%	
6	untuk keseronokan	0 (0%)	19 (4.8%)	30 (7.5%)	199 (49.8%)	152 (38.0%)
		19 4.8%			351 87.8%	
10	tidak pernah dikenakan hukuman	39 (9.8%)	140 (35.0%)	109 (27.3%)	64 (16.0%)	48 (12.0%)
		179 44.8%			112 28.0%	
14	mempunyai kuasa	13 (3.3%)	33 (8.3%)	31 (7.8%)	150 (37.5%)	173 (43.3%)
		46 11.6%			323 80.8%	
18	tidak suka pada pelajar tersebut	0 (0%)	55 (13.8%)	15 (3.8%)	158 (39.5%)	172 (43.0%)
		55 13.8%			330 82.5%	
22	tidak minat untuk belajar	1 (0.3%)	53 (13.3%)	97 (24.3%)	167 (41.8%)	82 (20.5%)
		54 13.6%			249 62.3%	

4.3.8.3 Punca-Punca Pengaruh Luar Dalam Kalangan Pembuli

Sejumlah 5 item telah digunakan bagi melihat kekerapan punca-punca pengaruh luar dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi pembuli. Untuk mengenal pasti punca-punca pengaruh luar yang kerap dilakukan, maka peratus respon pelajar-pelajar kepada nilai setuju (4) dan sangat setuju (5) dijumlahkan sebagai setuju, manakala nilai sangat tidak setuju (1) dan tidak setuju (2) dijumlah sebagai tidak setuju. Seterusnya nilai (3) adalah hampir setuju.

Jadual 4.20 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut peratus persetujuan mereka terhadap punca-punca pengaruh luar dalam kalangan pembuli. Dapatan kajian menunjukkan pernyataan “dipengaruhi oleh rakan” mendapat peratus yang tertinggi iaitu 89.6% atau 358 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Tiada responden yang tidak bersetuju, manakala 42 (10.5%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan “semua rakan suka membuli orang lain” merupakan pernyataan yang mencatat peratus kedua tertinggi iaitu 71.5% iaitu 286 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 61 (15.3%) orang responden yang tidak bersetuju, manakala 53 orang atau 13.3% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “pernah dibuli oleh pelajar lain” mencatatkan peratus ketiga tertinggi iaitu 69.8% iaitu 279 orang responden bersetuju, manakala terdapat 26 (6.5%) orang responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 95 (23.8%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “guru tidak pernah marah perbuatannya” merupakan pernyataan yang mendapat peratus terendah iaitu 34.3% iaitu 137 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 164 (41.1%) orang responden tidak bersetuju, manakala 99 orang atau 24.8% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Kesimpulan daripada dapatan-dapatan di atas mendapati bahawa “dipengaruhi oleh rakan” merupakan punca tingkah laku buli pengaruh luar yang tertinggi dilakukan dalam kalangan pelajar yang menjadi pembuli di SMKA. Ini diikuti oleh “semua rakan suka membuli orang lain” yang merupakan punca tingkah laku buli pengaruh luar kedua tertinggi, seterusnya “pernah dibuli oleh pelajar lain” merupakan punca tingkah laku buli pengaruh luar ketiga tertinggi dalam kalangan pembuli.

Peratus respon pelajar-pelajar bagi setiap punca-punca pengaruh luar pembuli dinyatakan dalam jadual 4.20 di bawah.

Jadual 4.20 : Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan punca-punca pengaruh luar dalam kalangan pembuli

(n = 400)

No item	Pernyataan :	1	2	3	4	5
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	Setuju	Sangat setuju
		Tidak setuju		Setuju		
3	dipengaruhi oleh rakan	0 (0%)	0 (0%)	42 (10.5%)	133 (33.3%)	225 (56.3%)
		0 0%			358 89.6%	
7	boleh dapat ramai kawan	43 (10.8%)	83 (20.8%)	116 (29.0%)	151 (37.8%)	7 (1.8%)
		126 31.6%			158 39.6%	
11	ibu bapa tidak memperdulikannya	1 (0.3%)	36 (9.0%)	98 (24.5%)	118 (29.5%)	147 (36.8%)
		37 9.3%			265 66.3%	
15	pernah dibuli oleh pelajar lain	2 (0.5%)	24 (6.0%)	95 (23.8%)	135 (33.8%)	144 (36.0%)
		26 6.5%			279 69.8%	
19	guru tidak pernah marah perbuatannya	87 (21.8%)	77 (19.3%)	99 (24.8%)	63 (15.8%)	74 (18.5%)
		164 41.1%			137 34.3%	
23	semua rakan suka membuli orang lain	0 (0%)	61 (15.3%)	53 (13.3%)	172 (43.0%)	114 (28.5%)
		61 15.3%			286 71.5%	

4.3.8.4 Punca-Punca Lokasi Dalam Kalangan Pembuli

Sejumlah 5 item telah digunakan bagi melihat kekerapan punca-punca lokasi dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi pembuli. Untuk mengenal pasti punca-punca lokasi yang kerap dilakukan, maka peratus respon pelajar-pelajar kepada nilai setuju (4) dan sangat setuju (5) dijumlahkan sebagai setuju, manakala nilai sangat tidak

setuju (1) dan tidak setuju (2) dijumlah sebagai tidak setuju. Seterusnya nilai (3) adalah hampir setuju.

Jadual 4.21 menunjukkan taburan responden mengikut peratus persetujuan mereka terhadap punca-punca lokasi dalam kalangan pembuli. Dapatan kajian menunjukkan pernyataan “warden jarang melawat kawasan asrama” mendapat peratus yang tertinggi iaitu 47.5% atau 190 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seramai 118 (29.5%) orang responden tidak bersetuju, manakala 92 (23.0%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan “kelas tidak diawasi guru” merupakan pernyataan yang mencatat peratus kedua tertinggi iaitu 41.3% iaitu 165 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seramai 59 (14.8%) orang responden yang tidak bersetuju, manakala 176 orang atau 44.0% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “kawasan kantin yang terlalu sesak” mencatatkan peratus ketiga tertinggi iaitu 34.0%. Terdapat 136 orang responden bersetuju, manakala terdapat 122 (30.6%) orang responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seramai 142 (35.5%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “guru tidak mengawasi pelajar bermain di padang permainan” merupakan pernyataan yang mendapat peratus terendah iaitu 16.3% iaitu 65 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 149 (37.3%) orang responden tidak bersetuju, manakala 186 orang atau 46.5% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Kesimpulan daripada dapatan di atas menjelaskan bahawa “warden jarang melawat kawasan asrama” merupakan punca tingkah laku buli lokasi yang tertinggi dilakukan dalam kalangan pembuli. Ini diikuti oleh “kelas tidak diawasi guru” yang merupakan punca tingkah laku buli lokasi kedua tertinggi, seterusnya “kawasan

kantin yang terlalu sesak” merupakan punca tingkah laku buli lokasi ketiga tertinggi dalam kalangan pembuli.

Peratus respon pelajar-pelajar bagi setiap punca-punca lokasi pembuli dinyatakan dalam jadual 4.21 di bawah.

Jadual 4.21 : Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan punca-punca lokasi dalam kalangan pembuli

(n = 400)

No item	Pernyataan :	1	2	3	4	5
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	Setuju	Sangat setuju
		Tidak setuju			Setuju	
4	kelas tidak diawasi guru	0 (0%)	59 (14.8%)	176 (44.0%)	148 (37.0%)	17 (4.3%)
		59 14.8%			165 41.3%	
8	guru tidak mengawasi pelajar bermain di padang permainan	34 (8.5%)	115 (28.8%)	186 (46.5%)	62 (15.5%)	3 (0.8%)
		149 37.3%			65 16.3%	
12	kawasan kantin yang terlalu sesak	35 (8.8%)	87 (21.8%)	142 (35.5%)	120 (30.0%)	16 (4.0%)
		122 30.6%			136 34.0%	
16	koridor sekolah yang sunyi	61 (15.3%)	123 (30.8%)	101 (25.3%)	97 (24.3%)	18 (4.5%)
		184 46.1%			115 28.8%	
20	warden jarang melawat kawasan asrama	16 (4.0%)	102 (25.5%)	92 (23.0%)	90 (22.5%)	100 (25.0%)
		118 29.5%			190 47.5%	
24	pelajar berebut-rebut dipadang perhimpunan	47 (11.8%)	145 (36.3%)	111 (27.8%)	95 (23.8%)	2 (0.5%)
		192 48.1%			97 24.3%	

4.3.7 Persoalan Kajian 9 : Apakah Punca-Punca Tingkah Laku Buli Dalam Kalangan Mangsa Buli Di SMKA?

Terdapat 4 punca-punca tingkah laku buli dalam kalangan yang menjadi mangsa buli. Punca-punca tingkah laku buli tersebut yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah fizikal, emosi, pengaruh luar dan lokasi.

Untuk menentukan punca-punca tingkah laku buli yang paling dominan antara 4 punca tingkah laku buli tersebut, nilai min keseluruhan bagi item-item yang digunakan untuk setiap punca-punca tingkah laku akan dibandingkan. Min yang tertinggi akan menentukan punca tingkah laku yang paling dominan berbanding dengan punca tingkah laku yang lain. Semua nilai min tersebut adalah berdasarkan nilai min sepenuhnya iaitu 5.0.

Setelah data dianalisis, didapati min keseluruhan punca-punca tingkah laku buli fizikal mangsa buli adalah 3.77, emosi (3.23), pengaruh luar (3.41) dan min keseluruhan punca-punca lokasi mangsa buli adalah 3.10 seperti mana ditunjukkan dalam jadual 4.22 di bawah.

Jadual 4.22 : Min keseluruhan punca-punca tingkah laku buli dalam kalangan mangsa buli

(n = 400)

Bil	Punca-punca tingkah laku buli	Min
1	Fizikal	3.77
2	Emosi	3.23
3	Pengaruh Luar	3.41
4	Lokasi	3.10

Oleh sebab min keseluruhan punca-punca tingkah laku buli fizikal adalah lebih tinggi (3.77) berbanding dengan punca-punca tingkah laku buli emosi (3.23), pengaruh luar (3.41) dan lokasi (3.10), maka punca-punca tingkah laku buli dari jenis

fizikal merupakan punca-punca tingkah laku buli yang paling dominan dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli.

4.3.10 Persoalan Kajian 10 : Apakah Punca-Punca Yang Kerap Dilakukan Dalam Kalangan Punca Tingkah Laku Buli Fizikal, Emosi, Pengaruh Luar dan Lokasi Mangsa Buli?

Terdapat 4 punca-punca tingkah laku buli terhadap mangsa buli yang dikaji dalam kajian ini iaitu punca tingkah laku buli fizikal, emosi, pengaruh luar dan lokasi.

4.3.10.1 Punca-Punca Fizikal Dalam Kalangan Mangsa Buli

Sejumlah 5 item telah digunakan bagi melihat kekerapan punca-punca fizikal dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi mangsa buli. Untuk mengenal pasti punca-punca fizikal yang kerap dilakukan, maka peratus respon pelajar-pelajar kepada nilai setuju (4) dan sangat setuju (5) dijumlahkan sebagai setuju, manakala nilai sangat tidak setuju (1) dan tidak setuju (2) dijumlah sebagai tidak setuju. Seterusnya nilai (3) adalah hampir setuju.

Jadual 4.23 menunjukkan taburan responden mengikut peratus persetujuan mereka terhadap 6 pernyataan yang dikemukakan terhadap punca-punca fizikal dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli di SMKA. Dapatan kajian menunjukkan pernyataan “umurnya lebih muda” mendapat peratus yang tertinggi iaitu 94.0% atau 376 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 4 (1.0%) orang responden tidak bersetuju, manakala 20 (5.0%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan “badannya nampak kelakar” merupakan pernyataan yang mencatat peratus kedua tertinggi iaitu 83.5% iaitu 334 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 37 (9.3%) orang responden yang tidak

bersetuju, manakala 29 orang atau 7.3% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “tidak suka pada pelajar tersebut” mencatatkan peratus ketiga tertinggi iaitu 65.3%. Terdapat 261 orang responden bersetuju, manakala 69 (17.3%) orang responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dicapatkan juga 70 (17.5%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “untuk mendapatkan wang / sesuatu” merupakan pernyataan yang mendapat peratus terendah iaitu 43.3% iaitu 173 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 120 (30.1%) orang responden tidak bersetuju, manakala 107 orang atau 26.8% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Kesimpulannya, “umurnya lebih muda” merupakan punca tingkah laku buli fizikal tertinggi dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli. Seterusnya punca tingkah laku buli fizikal kedua tertinggi ialah “badannya nampak kelakar”, manakala “tidak suka pada pelajar tersebut” merupakan punca tingkah laku buli fizikal ketiga tertinggi dalam kalangan mangsa buli.

Peratus respon pelajar-pelajar bagi setiap punca-punca fizikal mangsa buli dinyatakan dalam jadual 4.23 di bawah.

Jadual 4.23 : Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan punca-punca fizikal dalam kalangan mangsa buli

(n = 400)

No item	Pernyataan :	1	2	3	4	5
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	Setuju	Sangat setuju
		Tidak setuju		Setuju		
1	badannya nampak kelakar	1 (0.3%)	36 (9.0%)	29 (7.3%)	202 (50.5%)	132 (33.0%)
		37 9.3%			334 83.5%	
5	umurnya lebih muda	0 (0%)	4 (1.0%)	20 (5.0%)	180 (45.0%)	196 (49.0%)
		4 1.0%			376 94.0%	
9	penampilannya yang selekeh	13 (3.3%)	45 (11.3%)	105 (26.3%)	170 (42.5%)	67 (16.8%)
		58 14.6%			237 59.3%	
13	untuk mendapatkan wang / sesuatu	51 (12.8%)	69 (17.3%)	107 (26.8%)	111 (27.8%)	62 (15.5%)
		120 30.1%			173 43.3%	
17	tidak suka pada pelajar tersebut	0 (0%)	69 (17.3%)	70 (17.5%)	161 (40.3%)	100 (25.0%)
		69 17.3%			261 65.3%	
21	mukanya tidak cantik	3 (0.8%)	77 (19.3%)	82 (20.5%)	118 (29.5%)	120 (30.0%)
		80 20.1%			238 59.5%	

4.3.10.2 Punca-Punca Emosi Dalam Kalangan Mangsa Buli

Sejumlah 5 item telah digunakan bagi melihat kekerapan punca-punca emosi dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi mangsa buli. Untuk mengenal pasti punca-punca emosi yang kerap dilakukan, maka peratus respon pelajar-pelajar kepada nilai

setuju (4) dan sangat setuju (5) dijumlahkan sebagai setuju, manakala nilai sangat tidak setuju (1) dan tidak setuju (2) dijumlah sebagai tidak setuju. Seterusnya nilai (3) adalah hampir setuju.

Jadual 4.24 menunjukkan taburan responden mengikut peratus persetujuan mereka terhadap 6 pernyataan yang dikemukakan terhadap punca-punca emosi dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli di SMKA. Dapatan kajian menunjukkan pernyataan “membalas dendam” mendapat peratus yang tertinggi iaitu 59.8% atau 239 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seramai 100 (25.0%) orang responden tidak bersetuju, manakala 61 (15.3%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan “sikapnya yang pendiam” merupakan pernyataan yang mencatat peratus kedua tertinggi iaitu 56.8% iaitu 227 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 77 (19.3%) orang responden yang tidak bersetuju, manakala 96 orang atau 24.0% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “suka berbangga dengan dirinya” mencatatkan peratus ketiga tertinggi iaitu 56.0%. Terdapat 224 orang responden bersetuju, manakala 118 (29.6%) orang responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seterusnya, 58 (14.5%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “tidak minat belajar” merupakan pernyataan yang mendapat peratus terendah iaitu 44.0% iaitu hanya 44 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut, manakala 195 (48.8%) orang responden tidak bersetuju, seterusnya 161 orang atau 40.3% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Dapatlah disimpulkan bahawa punca tingkah laku buli emosi tertinggi dalam kalangan mangsa buli dalam kalangan pelajar SMKA ialah “membalas dendam”. Seterusnya punca tingkah laku buli emosi kedua tertinggi ialah “sikapnya yang

pendiam”, manakala “suka berbangga dengan dirinya” merupakan punca tingkah laku buli emosi ketiga tertinggi dalam kalangan mangsa buli.

Peratus respon pelajar-pelajar bagi setiap punca-punca emosi mangsa buli dinyatakan dalam jadual 4.24 di bawah.

Jadual 4.24 : Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan punca-punca emosi dalam kalangan mangsa buli

(n = 400)

No item	Pernyataan :	1	2	3	4	5
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	Setuju	Sangat setuju
		Tidak setuju			Setuju	
2	membalas dendam	40 (10.0%)	60 (15.0%)	61 (15.3%)	95 (23.8%)	144 (36.0%)
		100 25.0%			239 59.8%	
6	untuk keseronokan	29 (7.3%)	60 (15.0%)	147 (36.8%)	111 (27.8%)	53 (13.3%)
		89 22.3%			164 41.1%	
10	sikapnya yang pendiam	1 (0.3%)	76 (19.0%)	96 (24.0%)	149 (37.3%)	78 (19.5%)
		77 19.3%			227 56.8%	
14	suka berbangga dengan dirinya	15 (3.8%)	103 (25.8%)	58 (14.5%)	178 (44.5%)	46 (11.5%)
		118 29.6%			224 56.0%	
18	suka berada dalam kelas	16 (4.0%)	98 (24.5%)	177 (44.3%)	64 (16.0%)	45 (11.3%)
		114 28.5%			109 27.3%	
22	tidak minat belajar	58 (14.5%)	137 (34.3%)	161 (40.3%)	44 (11.0%)	0 (0%)
		195 48.8%			44 11.0%	

4.3.10.3 Punca-Punca Pengaruh Luar Dalam Kalangan Mangsa Buli

Sejumlah 5 item telah digunakan bagi melihat kekerapan punca-punca pengaruh luar dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi mangsa buli. Untuk mengenal pasti punca-punca pengaruh luar yang kerap dilakukan, maka peratus respon pelajar-pelajar kepada nilai setuju (4) dan sangat setuju (5) dijumlahkan sebagai setuju, manakala nilai sangat tidak setuju (1) dan tidak setuju (2) dijumlah sebagai tidak setuju. Seterusnya nilai (3) adalah hampir setuju.

Jadual 4.25 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut peratus persetujuan mereka terhadap 6 pernyataan yang dikemukakan terhadap punca-punca pengaruh luar dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli di SMKA. Dapatan kajian menunjukkan pernyataan “tidak ada kawan dalam kelas” mendapat peratus yang tertinggi iaitu 69.8% atau 279 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 26 (6.6%) orang responden tidak bersetuju, manakala 95 (23.8%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan “keluarganya miskin” merupakan pernyataan yang mencatat peratus kedua tertinggi iaitu 54.8% iaitu 219 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seramai 75 (18.8%) orang responden yang tidak bersetuju, manakala 106 orang atau 26.5% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “guru tidak pernah marah kepadanya” mencatatkan peratus ketiga tertinggi iaitu 50.0%. 200 orang responden bersetuju, manakala terdapat 73 (18.3%) orang responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seramai 127 (31.8%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “semua rakan suka membuli orang lain” merupakan pernyataan yang mendapat peratus terendah iaitu 37.5% iaitu 150 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 78 (19.5%) orang responden tidak bersetuju,

manakala 172 orang atau 43.0% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Kesimpulannya, “tidak ada kawan dalam kelas” merupakan punca tingkah laku buli pengaruh luar tertinggi dalam kalangan mangsa buli. Seterusnya punca tingkah laku buli pengaruh luar kedua tertinggi ialah “keluarganya miskin”, manakala “guru tidak pernah marah kepadanya” merupakan punca tingkah laku buli pengaruh luar ketiga tertinggi dalam kalangan mangsa buli.

Peratus respon pelajar-pelajar bagi setiap punca-punca pengaruh luar mangsa buli dinyatakan dalam jadual 4.25 di bawah.

Jadual 4.25 : Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan punca-punca pengaruh luar dalam kalangan mangsa buli

(n = 400)

No item	Pernyataan :	1	2	3	4	5
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	Setuju	Sangat setuju
		Tidak setuju		Setuju		
3	keluarganya miskin	3 (0.8%)	72 (18.0%)	106 (26.5%)	164 (41.0%)	55 (13.8%)
		75 18.8%			219 54.8%	
7	dipengaruhi oleh rakan	33 (8.3%)	111 (27.8%)	76 (19.0%)	125 (31.3%)	55 (13.8%)
		144 36.1%			180 45.1%	
11	tidak ada kawan dalam kelas	1 (0.3%)	25 (6.3%)	95 (23.8%)	180 (45.0%)	99 (24.8%)
		26 6.6%			279 69.8%	
15	guru tidak pernah marah kepadanya	18 (4.5%)	55 (13.8%)	127 (31.8%)	167 (41.8%)	33 (8.3%)
		73 18.2%			200 50.0%	
19	keluarganya kaya	28 (7.0%)	47 (11.8%)	135 (33.8%)	110 (27.5%)	80 (20.0%)
		75 18.8%			190 47.5%	
23	semua rakan suka membuli orang lain	30 (7.5%)	48 (12.0%)	172 (43.0%)	130 (32.5%)	20 (5.0%)
		78 19.5%			150 37.5%	

4.3.10.4 Punca-Punca Lokasi Dalam Kalangan Mangsa Buli

Sejumlah 5 item telah digunakan bagi melihat kekerapan punca-punca lokasi dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi mangsa buli. Untuk mengenal pasti punca-punca lokasi yang kerap dilakukan, maka peratus respon pelajar-pelajar kepada nilai setuju (4) dan sangat setuju (5) dijumlahkan sebagai setuju, manakala nilai sangat

tidak setuju (1) dan tidak setuju (2) dijumlah sebagai tidak setuju. Seterusnya nilai (3) adalah hampir setuju.

Jadual 4.26 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut peratus persetujuan mereka terhadap 6 pernyataan yang dikemukakan terhadap punca-punca lokasi dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli di SMKA. Dapatan kajian menunjukkan pernyataan “warden jarang melawat kawasan asrama” mendapat peratus yang tertinggi iaitu 52.6% atau 210 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seramai 54 (13.5%) orang responden dicatatkan tidak bersetuju, manakala 136 (34.0%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan tersebut.

“Kelas tidak diawasi guru” merupakan pernyataan yang mencatat peratus kedua tertinggi iaitu 48.8% iaitu 195 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 72 (18.0%) orang responden yang tidak bersetuju, manakala 133 orang atau 33.3% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “guru tidak mengawasi pelajar bermain dipadang permainan” mencatatkan peratus ketiga tertinggi iaitu 35.3%. Terdapat 144 orang responden bersetuju, manakala 148 (37.0%) orang responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, seterusnya 111 (27.8%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “koridor sekolah yang sunyi” merupakan pernyataan yang mendapat peratus terendah iaitu 21.3% iaitu 85 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 162 (40.6%) orang responden tidak bersetuju, manakala 153 orang atau 38.3% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Dapatlah disimpulkan bahawa “warden jarang melawat kawasan asrama” merupakan punca tingkah laku buli lokasi tertinggi dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli di SMKA. Seterusnya punca tingkah laku buli lokasi kedua tertinggi ialah “kelas tidak diawasi guru”, manakala “guru tidak mengawasi pelajar

bermain dipadang permainan” merupakan punca tingkah laku buli lokasi ketiga tertinggi dalam kalangan mangsa buli.

Peratus respon pelajar-pelajar bagi setiap punca-punca lokasi mangsa buli dinyatakan dalam jadual 4.26 di bawah.

Jadual 4.26 : Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan punca-punca lokasi dalam kalangan mangsa buli

No item	Pernyataan :	1	2	3	4	5
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	Setuju	Sangat setuju
		Tidak setuju		Setuju		
4	kelas tidak diawasi guru	16 (4.0%)	56 (14.0%)	133 (33.3%)	145 (36.3%)	50 (12.5%)
		72 18.0%			195 48.8%	
8	guru tidak mengawasi pelajar bermain di padang permainan	46 (11.5%)	102 (25.5%)	111 (27.8%)	115 (28.8%)	26 (6.5%)
		148 37.0%			141 35.3%	
12	kawasan kantin yang terlalu sesak	31 (7.8%)	97 (24.3%)	169 (42.3%)	80 (20.0%)	23 (5.8%)
		128 32.7%			103 25.8%	
16	koridor sekolah yang sunyi	15 (3.8%)	147 (36.8%)	153 (38.3%)	41 (10.3%)	44 (11.0%)
		162 40.6%			85 21.3%	
20	warden jarang melawat kawasan asrama	2 (0.5%)	52 (13.0%)	136 (34.0%)	139 (34.8%)	71 (17.8%)
		54 13.5%			210 52.6%	
24	pelajar berebut-rebut dipadang perhimpunan	28 (7.0%)	104 (26.0%)	162 (40.5%)	81 (20.3%)	25 (6.3%)
		132 33.0%			106 26.6%	

4.3.11 Persoalan Kajian 11 : Apakah Kesan Tingkah Laku Buli Terhadap Pembuli Di SMKA?

Terdapat 2 kesan tingkah laku buli dalam kalangan pembuli yang dikaji. Kesan-kesan tingkah laku buli tersebut yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah fizikal dan emosi.

Untuk menentukan kesan-kesan tingkah laku buli yang paling dominan antara 2 jenis kesan tingkah laku buli tersebut, nilai min keseluruhan bagi item-item yang digunakan untuk setiap kesan-kesan tingkah laku akan dibandingkan. Min yang tertinggi akan menentukan kesan tingkah laku yang paling dominan berbanding dengan kesan tingkah laku yang lain. Semua nilai min tersebut adalah berdasarkan nilai min sepenuhnya iaitu 5.0.

Setelah data dianalisis, didapati min keseluruhan kesan-kesan tingkah laku buli fizikal pembuli adalah 4.29 dan emosi adalah 4.02 seperti mana ditunjukkan dalam jadual 4.27 di bawah.

Jadual 4.27 : Min keseluruhan kesan-kesan tingkah laku buli terhadap pembuli

(n = 400)

Bil	Kesan-kesan tingkah laku buli	Min
1	Fizikal	4.29
2	Emosi	4.02

Oleh sebab min keseluruhan kesan tingkah laku buli fizikal (4.29) adalah lebih tinggi berbanding dengan kesan tingkah laku buli emosi iaitu 4.02, maka kesan tingkah laku buli dari jenis fizikal merupakan kesan-kesan tingkah laku buli yang paling dominan dalam kalangan pelajar yang menjadi pembuli.

4.3.12 Persoalan Kajian 12 : Apakah Kesan-Kesan Yang Kerap Berlaku Dalam Kalangan Kesan Fizikal dan Kesan Emosi Pembuli?

Dalam kajian ini, terdapat 2 kesan tingkah laku buli bagi seorang pelajar yang menjadi pembuli yang dikaji iaitu kesan fizikal dan kesan emosi.

4.3.12.1 Kesan Tingkah Laku Buli Fizikal Dalam Kalangan Pembuli

Sejumlah 5 item telah digunakan bagi melihat kekerapan kesan-kesan fizikal tingkah laku buli dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi pembuli. Untuk mengenal pasti kesan-kesan fizikal yang kerap dilakukan, maka peratus respon pelajar-pelajar kepada nilai setuju (4) dan sangat setuju (5) dijumlahkan sebagai setuju, manakala nilai sangat tidak setuju (1) dan tidak setuju (2) dijumlah sebagai tidak setuju. Seterusnya nilai (3) adalah hampir setuju.

Dapatan kajian dalam jadual 4.28 menunjukkan pernyataan “suka melanggar peraturan sekolah” mendapat peratus yang tertinggi iaitu 96.1% atau 384 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hanya 3 (0.8%) orang responden dicatatkan tidak bersetuju, manakala 13 (3.3%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan tersebut.

“Membuat saya mencederakan orang lain” merupakan pernyataan yang mencatat peratus kedua tertinggi iaitu 93.0% di mana 372 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 17 (4.3%) orang responden yang tidak bersetuju, manakala 11 orang atau 2.8% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “terlibat dengan jenayah” mencatatkan peratus ketiga tertinggi iaitu 86.3%. Terdapat 345 orang responden bersetuju, manakala 11 (2.8%) orang responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, seterusnya 44 (11.0%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “membawa senjata ke sekolah” merupakan pernyataan yang mencatatkan peratus terendah dengan 297 (74.3%) responden bersetuju dan 19 (4.8%) orang responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, manakala 84 orang atau 21.0% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Kesimpulannya, “suka melanggar peraturan sekolah” merupakan kesan tingkah laku buli fizikal tertinggi dalam kalangan pembuli dalam kalangan pelajar SMKA. Kesan tingkah laku buli fizikal kedua tertinggi ialah “membuat saya mencederakan orang lain”, manakala “terlibat dengan jenayah” merupakan kesan tingkah laku buli fizikal ketiga tertinggi dalam kalangan pembuli.

Jadual 4.28 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan kesan fizikal tingkah laku buli terhadap pembuli dalam kalangan pelajar SMKA.

Jadual 4.28 : Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan kesan tingkah laku buli fizikal terhadap pembuli

(n = 400)

No item	Pernyataan :	1	2	3	4	5
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	Setuju	Sangat setuju
		Tidak setuju		Setuju		
2	suka melanggar peraturan sekolah	0 (0%)	3 (0.8%)	13 (3.3%)	153 (38.3%)	231 (57.8%)
		3 0.8%			384 96.1%	
4	mengajak rakan lain untuk membuli	14 (3.5%)	14 (3.5%)	29 (7.3%)	146 (36.5%)	197 (49.3%)
		28 7.0%			343 85.8%	
6	Membuat dia mencederakan orang lain	0 (0%)	17 (4.3%)	11 (2.8%)	138 (34.5%)	234 (58.5%)
		17 4.3%			372 93.0%	
8	membawa senjata ke sekolah	2 (0.5%)	17 (4.3%)	84 (21.0%)	184 (46.0%)	113 (28.3%)
		19 4.8%			297 74.3%	
10	terlibat dengan jenayah	0 (0%)	11 (2.8%)	44 (11.0%)	183 (45.8%)	162 (40.5%)
		11 2.8%			345 86.3%	

4.3.12.2 Kesan Tingkah Laku Buli Emosi Dalam Kalangan Pembuli

Sejumlah 5 item telah digunakan bagi melihat kekerapan kesan-kesan emosi tingkah laku buli dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi pembuli. Untuk mengenal pasti kesan-kesan emosi yang kerap dilakukan, maka peratus respon pelajar-pelajar kepada nilai setuju (4) dan sangat setuju (5) dijumlahkan sebagai setuju, manakala nilai sangat tidak setuju (1) dan tidak setuju (2) dijumlah sebagai tidak setuju. Seterusnya nilai (3) adalah hampir setuju.

Dapatan kajian dalam jadual 4.29 menunjukkan pernyataan “bersikap lebih angkuh” mendapat peratus yang tertinggi iaitu 95.8% atau 383 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 3 (0.8%) orang responden dicatatkan tidak bersetuju, manakala 14 (3.5%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan tersebut.

“Lebih berani” merupakan pernyataan yang mencatat peratus kedua tertinggi iaitu 79.8% di mana 319 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 44 (11.0%) orang responden yang tidak bersetuju, manakala 37 orang atau 9.3% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “menekan rakan sebaya” mencatatkan peratus ketiga tertinggi iaitu 75.1%. Terdapat 300 orang responden bersetuju, manakala 20 (5.0%) orang responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, seterusnya 80 (20.0%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “rakan-rakan akan kagum” merupakan pernyataan yang mendapat peratus terendah iaitu 58.8% iaitu 235 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 95 (23.8%) orang responden tidak bersetuju, manakala 70 orang atau 17.5% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Hasil dapatan di atas mendapati “bersikap lebih angkuh” merupakan kesan tingkah laku buli emosi tertinggi terhadap pembuli dalam kalangan pelajar SMKA. Seterusnya, kesan tingkah laku buli emosi kedua tertinggi ialah “lebih berani”, manakala “menekan rakan sebaya” merupakan kesan tingkah laku buli emosi ketiga tertinggi dalam kalangan pembuli.

Jadual 4.29 di bawah menunjukan taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan kesan emosi tingkah laku buli terhadap pembuli dalam kalangan pelajar SMKA.

Jadual 4.29 : Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan kesan tingkah laku buli emosi terhadap pembuli

(n = 400)

No item	Pernyataan :	1	2	3	4	5
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	Setuju	Sangat setuju
		Tidak setuju			Setuju	
1	rakan-rakan akan kagum	48 (12.0%)	47 (11.8%)	70 (17.5%)	146 (36.5%)	89 (22.3%)
		95 23.8%			235 58.8%	
3	meningkatkan penghargaan sendiri	15 (3.8%)	34 (8.5%)	61 (15.3%)	140 (35.0%)	150 (37.5%)
		49 12.3%			290 72.5%	
5	lebih berani	14 (3.5%)	30 (7.5%)	37 (9.3%)	125 (31.3%)	194 (48.5%)
		44 11.0%			319 79.8%	
7	bersikap lebih angkuh	1 (0.3%)	2 (0.5%)	14 (3.5%)	182 (45.5%)	201 (50.3%)
		3 0.8%			383 95.8%	
9	menekan rakan sebaya	0 (0%)	20 (5.0%)	80 (20.0%)	131 (32.8%)	169 (42.3%)
		20 5.0%			300 75.0%	

4.3.13 Persoalan Kajian 13 : Apakah Kesan Tingkah Laku Buli Terhadap Mangsa Buli Di SMKA?

Terdapat 2 kesan tingkah laku buli terhadap pelajar yang menjadi mangsa buli. Kesan-kesan tingkah laku buli tersebut yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah kesan fizikal dan kesan emosi.

Untuk menentukan kesan-kesan tingkah laku buli yang paling dominan antara 2 jenis kesan tingkah laku buli tersebut, nilai min keseluruhan bagi item-item yang digunakan untuk setiap kesan-kesan tingkah laku akan dibandingkan. Min yang tertinggi akan menentukan kesan tingkah laku yang paling dominan berbanding dengan kesan tingkah laku yang lain. Semua nilai min tersebut adalah berdasarkan nilai min sepenuhnya iaitu 5.0.

Setelah data dianalisis, didapati min keseluruhan kesan-kesan tingkah laku buli fizikal terhadap mangsa buli adalah 3.71 dan kesan-kesan tingkah laku buli emosi adalah 3.63 seperti mana ditunjukkan dalam jadual 4.30 di bawah.

Jadual 4.30 : Min keseluruhan kesan-kesan tingkah laku buli terhadap mangsa buli

(n = 400)

Bil	Kesan-kesan tingkah laku buli	Min
1	Fizikal	3.71
2	Emosi	3.63

Oleh sebab min keseluruhan kesan tingkah laku buli fizikal (3.71) adalah lebih tinggi berbanding dengan kesan tingkah laku buli emosi iaitu 3.63, maka kesan tingkah laku buli dari jenis fizikal merupakan kesan-kesan tingkah laku buli yang paling dominan terhadap pelajar yang menjadi mangsa buli.

4.3.14 Persoalan Kajian 14 : Apakah Kesan Yang Kerap Berlaku Dalam Kalangan Kesan Fizikal dan Kesan Emosi Mangsa Buli?

Dalam kajian ini, terdapat 2 kesan tingkah laku buli bagi seorang pelajar yang menjadi mangsa buli yang menjadi fokus kajian iaitu kesan fizikal dan kesan emosi.

4.3.14.1 Kesan Tingkah Laku Buli Fizikal Dalam Kalangan Mangsa Buli

Sejumlah 5 item telah digunakan bagi melihat kekerapan kesan-kesan fizikal tingkah laku buli dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi mangsa buli. Untuk mengenal pasti kesan-kesan fizikal yang kerap dilakukan, maka peratus respon pelajar-pelajar kepada nilai setuju (4) dan sangat setuju (5) dijumlahkan sebagai setuju, manakala nilai sangat tidak setuju (1) dan tidak setuju (2) dijumlah sebagai tidak setuju. Seterusnya nilai (3) adalah hampir setuju.

Dapatan kajian dalam jadual 4.31 di bawah menunjukkan pernyataan “tidak mahu datang ke sekolah” mendapat peratus yang tertinggi iaitu 87.5% atau 350 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 4 (1.1%) orang responden dicatatkan tidak bersetuju, manakala 46 (11.5%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan tersebut.

“Ponteng sekolah” merupakan pernyataan yang mencatat peratus kedua tertinggi iaitu 68.8% di mana 275 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 26 (6.6%) orang responden yang tidak bersetuju, manakala 99 orang atau 24.8% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “tidak suka melakukan aktiviti berkumpulan” mencatatkan peratus ketiga tertinggi iaitu 59.3%. Terdapat 237 orang responden bersetuju, manakala 51 (12.8%) orang responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, seterusnya 112 (28.0%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “mencederakan diri sendiri” merupakan pernyataan yang mendapat peratus terendah iaitu 34.8% iaitu 139 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 86 (21.6%) orang responden tidak bersetuju, manakala 175 orang atau 43.8% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Kesimpulannya, “tidak mahu datang ke sekolah” merupakan kesan tingkah laku buli fizikal tertinggi dalam kalangan mangsa buli dalam kalangan pelajar SMKA. Seterusnya, kesan tingkah laku buli fizikal kedua tertinggi ialah “ponteng sekolah”, manakala “tidak suka melakukan aktiviti berkumpulan” merupakan kesan tingkah laku buli fizikal ketiga tertinggi dalam kalangan mangsa buli.

Jadual 4.31 berikut menunjukkan taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan kesan fizikal tingkah laku buli terhadap mangsa buli dalam kalangan pelajar SMKA.

Jadual 4.31 : Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan kesan tingkah laku buli fizikal dalam kalangan mangsa buli

No item	Pernyataan :	1	2	3	4	5
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	Setuju	Sangat setuju
		Tidak setuju			Setuju	
2	tidak mahu datang ke sekolah	3 (0.8%)	1 (0.3%)	46 (11.5%)	162 (40.5%)	188 (47.0%)
		4 1.1%			350 87.5%	
4	bertindak balas terhadap orang yang membuli	12 (3.0%)	67 (16.8%)	142 (35.5%)	138 (34.5%)	41 (10.3%)
		79 19.8%			179 44.8%	
6	ponteng sekolah	1 (0.3%)	25 (6.3%)	99 (24.8%)	153 (38.3%)	122 (30.5%)
		26 6.6%			275 68.8%	
8	tidak suka melakukan aktiviti berkumpulan	1 (0.3%)	50 (12.5%)	112 (28.0%)	111 (27.8%)	126 (31.5%)
		51 12.8%			237 59.3%	
10	mencederakan diri sendiri	27 (6.8%)	59 (14.8%)	175 (43.8%)	74 (18.5%)	65 (16.3%)
		86 21.6%			139 34.8%	

4.3.14.2 Kesan Tingkah Laku Buli Emosi Dalam Kalangan Mangsa Buli

Sejumlah 5 item telah digunakan bagi melihat kekerapan kesan-kesan emosi tingkah laku buli dalam kalangan pelajar-pelajar yang menjadi mangsa buli. Untuk mengenal pasti kesan-kesan emosi tersebut, maka peratus respon pelajar-pelajar kepada nilai setuju (4) dan sangat setuju (5) dijumlahkan sebagai setuju, manakala nilai sangat tidak setuju (1) dan tidak setuju (2) dijumlah sebagai tidak setuju. Seterusnya nilai (3) adalah hampir setuju.

Dapatan kajian dalam jadual 4.32 di bawah menunjukkan pernyataan “selalu risau bila berada di sekolah” mendapat peratus yang tertinggi iaitu 94.0% atau 376 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hanya seorang (0.3%) responden dicatatkan tidak bersetuju, manakala 23 (5.8%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan tersebut.

Seterusnya, “malu bergaul dengan rakan-rakan” merupakan pernyataan yang mencatat peratus kedua tertinggi iaitu 57.5% di mana 230 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 35 (8.8%) orang responden yang tidak bersetuju, manakala 135 orang atau 33.8% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “rasa ingin bunuh diri” mencatatkan peratus ketiga tertinggi iaitu 44.5%. Terdapat 178 orang responden bersetuju, manakala 65 (16.3%) orang responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, seterusnya 157 (39.3%) orang responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Pernyataan “benci dengan rakan-rakan” merupakan pernyataan yang mendapat peratus terendah iaitu 34.3% iaitu 137 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat 104 (26.1%) orang responden tidak bersetuju, manakala 159 orang atau 39.8% responden hampir setuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

Dapatlah disimpulkan bahawa “selalu risau bila berada di sekolah” merupakan kesan tingkah laku buli emosi tertinggi dalam kalangan mangsa buli. Seterusnya, kesan tingkah laku buli emosi kedua tertinggi ialah “malu bergaul dengan rakan-rakan”, manakala “rasa ingin bunuh diri” merupakan kesan tingkah laku buli emosi ketiga tertinggi dalam kalangan mangsa buli.

Jadual 4.32 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan kesan emosi tingkah laku buli terhadap mangsa buli dalam kalangan pelajar SMKA.

Jadual 4.32 : Taburan responden mengikut peratus bagi kekerapan kesan tingkah laku buli emosi dalam kalangan mangsa buli

No item	Pernyataan :	1	2	3	4	5
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	Setuju	Sangat setuju
		Tidak setuju			Setuju	
1	malu bergaul dengan rakan-rakan	0 (0%)	35 (8.8%)	135 (33.8%)	100 (25.0%)	130 (32.5%)
		35 8.8%			230 57.5%	
3	selalu risau bila berada di sekolah	1 (0.3%)	0 (0%)	23 (5.8%)	166 (41.5%)	210 (52.5%)
		1 0.3%			376 94.0%	
5	benci terhadap diri sendiri	27 (6.8%)	106 (26.5%)	103 (25.8%)	92 (23.0%)	72 (18.0%)
		133 33.2%			164 41.0%	
7	benci dengan rakan-rakan	15 (3.8%)	89 (22.3%)	159 (39.8%)	69 (17.3%)	68 (17.0%)
		104 26.1%			137 34.3%	
9	rasa ingin bunuh diri	16 (4.0%)	49 (12.3%)	157 (39.3%)	82 (20.5%)	96 (24.0%)
		65 16.3%			178 44.5%	

4.3.15 Persoalan Kajian 15 : Adakah Program Pencegahan Sedia Ada Dapat Mengatasi Masalah Tingkah Laku Buli Dalam Kalangan Pelajar SMKA?

Sejumlah 9 item telah digunakan bagi melihat pandangan responden bagi keberkesanan program pencegahan sedia ada dalam mengatasi tingkah laku buli dalam kalangan pelajar-pelajar di SMKA. Untuk mengenal pasti keberkesanan program-program pencegahan yang dilaksanakan, maka peratus respon pelajar-pelajar kepada nilai berkesan (4) dan sangat berkesan (5) dijumlahkan sebagai

berkesan, manakala nilai sangat tidak berkesan (1) dan tidak berkesan (2) dijumlah sebagai tidak berkesan. Seterusnya nilai (3) adalah hampir berkesan.

Jadual 4.31 menunjukkan taburan pandangan responden mengikut peratus dan min bagi kekerapan program pencegahan sedia ada dalam mengatasi masalah tingkah laku buli di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan pernyataan “Program sekolah angkat melalui kerjasama Polis” merupakan program pencegahan yang paling tinggi dengan min skor 3.93. Terdapat seramai 183 atau 45.8% orang responden menyatakan program tersebut berkesan dan seramai 125 (31.3%) orang responden pula menyatakan program tersebut sangat berkesan dalam mengatasi masalah tingkah laku buli. Terdapat seramai 13 (3.3%) orang responden menyatakan program tersebut sangat tidak berkesan dan 36 orang atau 9.0% responden menyatakan program tersebut tidak berkesan, manakala seramai 43 (10.8%) orang responden pula menyatakan hampir berkesan mengenai keberkesanan program tersebut.

Pernyataan “penglibatan ibu bapa dalam aktiviti di sekolah” merupakan program pencegahan kedua tertinggi dengan min skor 3.82. Terdapat seramai 183 atau 45.8% orang responden menyatakan program tersebut berkesan dan seramai 89 (22.3%) orang responden pula menyatakan program tersebut sangat berkesan dalam mengatasi masalah tingkah laku buli. Terdapat seramai 33 (8.3%) orang responden menyatakan program tersebut tidak berkesan, manakala seramai 95 (23.8%) orang responden pula menyatakan hampir berkesan mengenai keberkesanan program tersebut.

Dapatan kajian juga menunjukkan pernyataan “program anak angkat pelajar dalam kalangan guru” merupakan program pencegahan ketiga paling tinggi dengan min skor 3.64. Terdapat seramai 209 atau 52.3% orang responden menyatakan program tersebut berkesan dan seramai 54 (13.5%) orang responden pula menyatakan program tersebut sangat berkesan dalam mengatasi masalah tingkah laku buli. Terdapat seramai 6 (1.5%) orang responden pula menyatakan program tersebut sangat tidak berkesan dan 52 orang atau 13.0% responden menyatakan

program tersebut tidak berkesan, manakala seramai 79 (19.8%) orang responden pula menyatakan hampir berkesan mengenai keberkesanan program tersebut.

Dapatan kajian juga menunjukkan pernyataan “hukuman sedia ada terhadap pelajar yang membuli” merupakan program pencegahan ketiga paling rendah dengan min skor 3.03. Terdapat seramai 68 atau 17.0% orang responden menyatakan program tersebut berkesan dan seramai 25 (6.3%) orang responden pula menyatakan program tersebut sangat berkesan dalam mengatasi masalah tingkah laku buli. Terdapat seramai 15 (3.8%) orang responden pula menyatakan program tersebut sangat tidak berkesan dan 76 orang atau 19.0% responden menyatakan program tersebut tidak berkesan, manakala seramai 216 (54.0%) orang responden pula menyatakan hampir berkesan mengenai keberkesanan program tersebut.

Pernyataan “pelajar menerima kepelbagaian budaya dan bangsa” merupakan program pencegahan kedua paling rendah dengan min skor 2.88. Terdapat seramai 154 atau 38.5% orang responden menyatakan program tersebut berkesan dan seramai 12 (3.0%) orang responden pula menyatakan program tersebut sangat berkesan dalam mengatasi masalah tingkah laku buli. Terdapat seramai 57 (14.3%) orang responden pula menyatakan program tersebut sangat tidak berkesan dan seramai 113 orang atau 28.3% responden menyatakan program tersebut tidak berkesan, manakala seramai 64 (16.0%) orang responden pula menyatakan hampir berkesan mengenai keberkesanan program tersebut.

Pernyataan “Kursus menangani perasaan marah dalam kalangan pelajar” merupakan program pencegahan paling rendah dengan min skor 2.77. Terdapat seramai 86 atau 21.5% orang responden menyatakan program tersebut berkesan dan seramai 2 (0.5%) orang responden pula menyatakan program tersebut sangat berkesan dalam mengatasi masalah tingkah laku buli. Terdapat seramai 45 (11.3%) orang responden pula menyatakan program tersebut sangat tidak berkesan dan seramai 91 orang atau 22.8% responden menyatakan program tersebut tidak berkesan, manakala seramai 176 (44.0%) orang responden pula menyatakan hampir berkesan mengenai keberkesanan program tersebut.

Kesimpulannya, “Program sekolah angkat melalui kerjasama Polis” merupakan program pencegahan yang paling tinggi keberkesannya mengikut pandangan responden. Seterusnya, “Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti di sekolah” merupakan program pencegahan kedua tertinggi dari aspek keberkesannya, manakala “Program anak angkat pelajar dalam kalangan guru” merupakan program pencegahan ketiga paling tinggi keberkesannya dalam mengatasi masalah tingkah laku buli dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA di Sarawak.

Jadual 4.33 menunjukkan taburan responden mengikut peratus dan min bagi keberkesanan program pencegahan sedia ada dalam mengatasi masalah tingkah laku buli dalam kalangan pelajar SMKA.

Jadual 4.33 : Taburan responden mengikut peratus dan min bagi keberkesanan program pencegahan sedia ada dalam mengatasi masalah tingkah laku buli.

(n = 400)

No item	Pernyataan :	1	2	3	4	5	min
		Sangat tidak berkesan	Tidak berkesan	Hampir berkesan	berkesan	Sangat berkesan	
		Tidak berkesan		berkesan			
1	Hukuman sedia ada terhadap pelajar yang membuli	15 (3.8%)	76 (19.0%)	216 (54.0%)	68 (17.0%)	25 (6.3%)	3.03
		91 22.8%			93 23.3%		
2	Kursus Menangani Perasaan Marah dalam kalangan pelajar	45 (11.3%)	91 (22.8%)	176 (44.0%)	86 (21.5%)	2 0.5%	2.77
		136 34.1%			88 22.0%		
3	Kaunselor bersedia membimbing pelajar bermasalah	13 (3.3%)	86 (21.5%)	111 (27.8%)	159 (39.8%)	31 (7.8%)	3.27
		99 24.8%			190 47.6%		
4	Latihan kemahiran bersosial kepada pelajar	13 (3.3%)	52 (13.0%)	95 (23.8%)	208 (52.0%)	32 (8.0%)	3.48
		65 16.3%			240 60.0%		
5	Pelajar menerima kepelbagaian budaya dan bangsa	57 (14.3%)	113 (28.3%)	64 (16.0%)	154 (38.5%)	12 (3.0%)	2.88
		170 42.6%			166 41.5%		
6	Program sekolah angkat melalui kerjasama Polis	13 (3.3%)	36 (9.0%)	43 (10.8%)	183 (45.8%)	125 (31.3%)	3.93
		49 12.3%			308 77.1%		
7	Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti di sekolah	0 (0%)	33 (8.3%)	95 (23.8%)	183 (45.8%)	89 (22.3%)	3.82
		33 8.3%			272 68.1%		
8	Latihan kemahiran kepimpinan kepada setiap pelajar	3 (0.8%)	66 (16.5%)	85 (21.3%)	164 (41.0%)	82 (20.5%)	3.63
		69 17.3%			246 61.5%		

Sambungan jadual 4.33;

No item	Pernyataan : Sejauh manakah anda bersetuju dengan kenyataan berikut	1	2	3	4	5	min
		Sangat tidak berkesan	Tidak berkesan	Hampir berkesan	berkesan	Sangat berkesan	
		Tidak berkesan		berkesan			
9	Program anak angkat pelajar dikalangan guru	6 (1.5%)	52 (13.0%)	79 (19.8%)	209 (52.3%)	54 (13.5%)	3.64
		58 14.5%		263 (65.8%)			

4.4 Penutup

Dalam bab ini, penyelidik telah mengemukakan analisis data kajian yang telah dikumpulkan daripada soal selidik yang telah dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan pada bab 1. Setiap persoalan kajian dianalisis menggunakan program SPSS versi 14. Pengkaji telah menggunakan kaedah statistik deskriptif seperti kekerapan, peratusan dan min bagi menjelaskan jenis-jenis tingkah laku buli, ciri-ciri pembuli dan mangsa buli, punca-punca tingkah laku buli dalam kalangan pembuli dan mangsa buli, kesan-kesan tingkah laku buli dalam kalangan pembuli dan mangsa buli dan seterusnya, keberkesanan program pencegahan sedia ada dalam mengatasi masalah tingkah laku buli dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA di Sarawak.

BAB V

RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dan merumuskan dapatan-dapatan kajian yang dinyatakan dalam bab IV. Fokus perbincangan adalah berkaitan dengan jenis tingkah laku buli, ciri-ciri tingkah laku buli, punca-punca tingkah laku buli, kesan tingkah laku buli dan keberkesanan program pencegahan sedia ada dalam mengatasi masalah tingkah laku buli di SMKA. Hasil daripada perbincangan dan rumusan ini, penyelidik membuat beberapa cadangan untuk kajian yang selanjutnya.

5.2 Rumusan Dapatan

Berdasarkan hasil analisis data mengenai persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan, dapatan kajian dapat dirumuskan seperti berikut:

5.2.1 Tingkah laku buli dari jenis verbal merupakan tingkah laku buli yang paling dominan dilakukan oleh pelajar-pelajar SMKA di Sarawak. Ia diikuti oleh tingkah laku buli fizikal dan seterusnya tingkah laku buli antisosial

5.2.2 Tingkah laku “mentertawakan seseorang” merupakan tingkah laku buli fizikal yang paling kerap berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA. Seterusnya, tingkah laku buli verbal yang paling kerap berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA adalah tingkah laku “memanggil seseorang dengan nama yang tidak disukainya” manakala tingkah laku “menjadikan seseorang sebagai bahan ejekan”

merupakan tingkah laku buli antisosial yang paling kerap berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA di Sarawak

5.2.3 Ciri-ciri tingkah laku buli dari jenis fizikal merupakan ciri-ciri tingkah laku buli yang paling dominan dilakukan oleh pelajar-pelajar yang menjadi pembuli berbanding ciri-ciri tingkah laku buli emosi pembuli

5.2.4 Ciri-ciri fizikal seperti suka mengawal orang lain, suka berbangga tentang dirinya dan tahap umur yang lebih tua merupakan ciri-ciri fizikal utama dalam kalangan pelajar yang menjadi pembuli. Manakala ciri-ciri emosi bagi seorang pelajar yang menjadi pembuli adalah seperti selalu dimarahi guru, pelajar yang lemah dalam pelajaran dan tidak suka belajar

5.2.5 Ciri-ciri tingkah laku buli dari jenis fizikal merupakan ciri-ciri tingkah laku buli yang paling dominan dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli berbanding dengan ciri-ciri tingkah laku buli emosi mangsa buli

5.2.6 Ciri-ciri fizikal seperti bertubuh kecil, mempunyai kecacatan dan memiliki wajah yang hodoh merupakan ciri-ciri fizikal utama dalam kalangan pelajar-pelajar mangsa buli. Seterusnya, ciri-ciri emosi utama dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli ialah tahap umur yang lebih muda, seorang yang pendiam dan disayangi guru

5.2.7 Punca-punca tingkah laku buli dari jenis fizikal merupakan punca-punca tingkah laku buli yang paling dominan dalam kalangan pelajar yang menjadi pembuli berbanding punca-punca tingkah laku buli emosi, pengaruh luar dan lokasi

5.2.8 Punca tingkah laku buli fizikal yang sering dilakukan dalam kalangan pelajar yang menjadi pembuli adalah untuk menunjukkan dirinya kuat, umurnya lebih tua dan suka berbangga dengan dirinya. Manakala punca tingkah laku buli emosi yang sering dilakukan oleh pembuli adalah untuk membalas dendam, untuk keseronokan dan tidak suka kepada pelajar tersebut iaitu mangsa buli. Seterusnya, punca tingkah

laku buli pengaruh luar yang sering dilakukan dalam kalangan pelajar yang menjadi pembuli di SMKA adalah dipengaruhi rakan, juga disebabkan semua rakan suka membuli orang lain dan pembuli pernah dibuli oleh pelajar lain sebelumnya. Punca tingkah laku buli lokasi yang tertinggi dilakukan dalam kalangan pembuli adalah seperti kawasan asrama yang jarang dilawati warden, kelas yang tidak diawasi guru dan kawasan kantin yang terlalu sesak

5.2.9 Punca-punca tingkah laku buli dari jenis fizikal merupakan punca-punca tingkah laku buli yang paling dominan dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli berbanding dengan punca-punca tingkah laku buli emosi, pengaruh luar dan lokasi

5.2.10 Punca tingkah laku buli fizikal yang sering berlaku dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli adalah seperti umurnya yang lebih muda, tubuh badan yang nampak kelakar dan tidak disukai oleh pelajar tersebut (pembuli). Manakala punca tingkah laku buli emosi yang sering berlaku dalam kalangan mangsa buli dalam kalangan pelajar SMKA adalah untuk membalas dendam, bersikap pendiam dan suka berbangga dengan dirinya. Seterusnya, punca tingkah laku buli pengaruh luar yang berlaku dalam kalangan mangsa buli adalah seperti tidak mempunyai kawan dalam kelas, keluarganya miskin dan guru yang tidak pernah marah kepadanya. Punca tingkah laku buli lokasi yang berlaku dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli di SMKA adalah kawasan asrama yang jarang dilawati oleh warden, kelas yang tidak diawasi guru dan guru tidak mengawasi pelajar ketika bermain di padang permainan.

5.2.11 Kesan tingkah laku buli dari jenis fizikal merupakan kesan-kesan tingkah laku buli yang paling dominan dalam kalangan pelajar yang menjadi pembuli berbanding dengan kesan tingkah laku buli emosi

5.2.12 Kesan-kesan fizikal akibat bertingkah laku buli dalam kalangan pembuli adalah seperti suka melanggar peraturan sekolah, suka mencederakan orang lain dan terlibat dengan jenayah. Manakala kesan-kesan emosi yang wujud dalam kalangan

pelajar yang menjadi pembuli di SMKA pula adalah bersikap lebih angkuh, menjadi lebih berani dan suka menekan rakan sebaya.

5.2.13 Kesan tingkah laku buli dari jenis fizikal merupakan kesan-kesan tingkah laku buli yang paling dominan dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli berbanding dengan kesan tingkah laku buli emosi

5.2.14 Kesan-kesan fizikal yang wujud akibat tingkah laku buli dalam kalangan mangsa buli di SMKA adalah seperti tidak mahu datang ke sekolah, suka ponteng sekolah dan tidak suka melakukan aktiviti berkumpulan. Manakala kesan-kesan emosi seperti selalu risau apabila berada di sekolah, malu bergaul dengan rakan-rakan dan rasa ingin bunuh diri merupakan kesan-kesan yang wujud dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli di SMKA

5.2.15 “Program sekolah angkat melalui kerjasama Polis” merupakan program pencegahan yang paling tinggi keberkesannya mengikut pandangan responden dalam kajian ini. Seterusnya, “Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti di sekolah” merupakan program pencegahan kedua tertinggi dari aspek keberkesannya, manakala “Program anak angkat pelajar dalam kalangan guru” merupakan program pencegahan ketiga paling tinggi keberkesannya dalam mengatasi masalah tingkah laku buli dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA di Sarawak.

5.3 Perbincangan Hasil Dapatan Kajian

Sesuai usaha perlu dilakukan bagi mengenal pasti tahap masalah tingkah laku buli di SMKA supaya satu program pencegahan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah dijalankan untuk mengenal pasti perkara-perkara berkaitan tingkah laku buli untuk memberi panduan kepada pihak-pihak berkenaan demi kesejahteraan pelajar-pelajar di SMKA.

5.3.1 Jenis-Jenis Tingkah Laku Buli dan Kekerapan Setiap Jenis Tingkah Laku Buli Tersebut Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Di Sarawak

Jenis-jenis tingkah laku buli yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah tingkah laku buli fizikal, tingkah laku buli verbal dan tingkah laku buli antisosial. Berdasarkan analisis data yang dijalankan, didapati tingkah laku buli dari jenis verbal yang mencatatkan min keseluruhan 2.25 merupakan tingkah laku buli yang paling dominan dilakukan oleh pelajar-pelajar SMKA di Sarawak. Ia diikuti oleh tingkah laku buli fizikal yang mencatat min keseluruhan kedua tertinggi iaitu 1.98, seterusnya tingkah laku buli antisosial yang mencatat min keseluruhan ketiga tertinggi iaitu 1.84.

Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Abdul Latif (2005) yang melaporkan jenis tingkah laku buli verbal adalah jenis perlakuan buli yang paling kerap berlaku dalam kalangan pelajar sekolah di Daerah Batu Pahat Johor. Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian oleh Boulton, Trumen dan Flemington (2002), yang mendapati serangan verbal adalah jenis tingkah laku buli yang paling kerap dilaporkan oleh pelajar sekolah.

Namun begitu, dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Zurhana (2006), yang mendapati tingkah laku buli fizikal lebih ketara dalam kalangan pelajar di negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor. Dapatan kajian ini juga bertentangan dengan dapatan kajian Borg (1999), yang mendapati perlakuan buli fizikal adalah yang paling popular dan kerap terjadi dalam kalangan pelajar dan juga kajian oleh Hazler *et al.* (2001) yang mendapati tingkah laku buli fizikal lebih ketara dalam kalangan pelajar sekolah berbanding tingkah laku buli verbal. Dapatan kajian ini juga tidak selari dengan dapatan kajian Ireland (2002), yang mendapati remaja lebih signifikan terlibat dalam perlakuan buli secara fizikal.

Berdasarkan kajian yang dilakukan juga, tingkah laku “mentertawakan seseorang” merupakan tingkah laku buli fizikal yang paling kerap berlaku

dikalangan pelajar-pelajar SMKA di Sarawak. Dapatan ini berbeza dengan dapatan kajian Abdul Latif (2005) yang mendapati tingkah laku “menolak pelajar lain” merupakan jenis tingkah laku buli secara fizikal yang paling kerap berlaku di sekolah-sekolah menengah Daerah Batu Pahat. Dapatan ini juga berbeza dengan dapatan kajian Borg (1999) yang mendapati “memukul” merupakan tingkah laku buli fizikal yang paling popular dan kerap dilakukan oleh pelajar.

Seterusnya, tingkah laku buli verbal yang paling kerap berlaku dikalangan pelajar-pelajar SMKA adalah tingkah laku “memanggil seseorang dengan nama yang tidak disukainya”. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Zurhana (2006), yang mendapati perbuatan “memanggil nama pelajar lain dengan nama yang mereka tidak suka” merupakan tingkah laku buli verbal yang paling banyak dilaporkan oleh pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor. Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian Smith dan Sharp (1994), yang melaporkan panggilan nama merupakan perlakuan buli verbal yang paling kerap terjadi dalam kalangan pelajar sekolah di United Kingdom.

Tingkah laku “menjadikan seseorang sebagai bahan ejekan” merupakan tingkah laku buli antisosial yang paling kerap berlaku dikalangan pelajar-pelajar SMKA di Sarawak. Dapatan ini bertentangan dengan dapatan kajian Zurhana (2006) yang mendapati “perbuatan membohongi pelajar lain” merupakan tingkah laku buli antisosial yang paling kerap dilaporkan oleh pelajar sekolah menengah dan rendah di negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor. Dapatan kajian ini juga berbeza dengan dapatan kajian Espelage, Bosworth dan Simon (2000), iaitu tingkah laku “menyebarkan gosip atau berita palsu” kerap dilaporkan oleh pelajar sekolah terutama dalam kalangan pelajar perempuan.

5.3.2 Ciri-Ciri Tingkah Laku Buli Dalam Kalangan Pembuli Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Di Sarawak

Ciri-ciri tingkah laku buli dalam kalangan pembuli yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah ciri-ciri fizikal dan emosi. Dapatan kajian mendapati bahawa ciri-ciri tingkah laku buli dari jenis fizikal yang mendapat min keseluruhan 4.05 merupakan ciri-ciri tingkah laku buli yang paling dominan dilakukan oleh pelajar-pelajar yang menjadi pembuli berbanding ciri-ciri tingkah laku buli dari jenis emosi yang mendapat min keseluruhan (3.72). Dapatan ini mempunyai persamaan dengan kajian oleh Demaray dan Malecki (2003), yang menyatakan kebanyakan pembuli mempunyai ciri-ciri fizikal yang kuat, bertubuh tegap dan berkuasa. Justeru itu, seseorang pembuli akan menggunakan aspek fizikal yang dimilikinya untuk meningkatkan tahap keyakinan dirinya sendiri untuk mengatasi kekurangan yang ada, seterusnya mengambil kesempatan terhadap mangsa buli.

Dapatan kajian mendapati bahawa ciri-ciri fizikal seperti suka mengawal orang lain, suka berbangga tentang dirinya dan tahap umur yang lebih tua merupakan ciri-ciri fizikal utama dalam kalangan pelajar yang menjadi pembuli. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan hasil kajian oleh Olweus (1993), iaitu beliau mendapati kebanyakan pembuli mempunyai fizikal yang kuat, bertubuh tegap dan berkuasa manakala mangsa buli memiliki ciri-ciri yang sebaliknya. Justeru itu, pembuli biasanya lebih agresif, mempunyai fizikal yang lebih kuat dan lebih besar berbanding mangsa. Pembuli biasanya akan bertindak agresif dengan menggunakan kelebihan fizikal mereka yang lebih kuat dan lebih besar berbanding mangsa buli yang mempunyai fizikal yang lemah, lebih kecil dan tidak berkuasa.

Menurut Twemlow (2000), pembuli-pembuli lazimnya adalah terdiri daripada mereka yang secara fizikalnya kuat dan penghargaan sendiri yang baik dan berkembang. Mereka tidak mempunyai rasa tanggungjawab terhadap tindakan yang telah mereka lakukan, sering berasa ingin mengawal dan mendominasi serta tidak mampu memahami dan menghargai orang lain.

Manakala ciri-ciri emosi bagi seorang pelajar yang menjadi pembuli adalah seperti selalu dimarahi guru, pelajar yang lemah dalam pelajaran dan tidak suka belajar. Dapatan ini membuktikan bahawa pelajar-pelajar yang menjadi pembuli merupakan individu yang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah dan bertindak merampas penghargaan sendiri daripada mangsanya. Pembuli bertindak untuk menguasai diri orang lain (mangsa buli) bagi membolehkan mereka merasa berkuasa serta dihargai dan di pihak mangsa buli pula, mereka akan berasa hilang penghargaan atau keyakinan diri.

Berdasarkan Teori Hirarki Keperluan Maslow (1970), ciri penghargaan sendiri merupakan salah satu ciri-ciri keperluan asas manusia. Oleh sebab penghargaan sendiri merupakan salah satu daripada ciri-ciri keperluan asas manusia, maka ketidakupayaan untuk memenuhi atau memuaskan keperluan ini akan memberi kesan negatif yang amat mendalam terhadap pertumbuhan dan perkembangan mangsa buli. Ketidakupayaan untuk memenuhi keperluan ini disebabkan pelajar yang menjadi mangsa buli hilang salah satu keperluan asas mereka apabila dirampas oleh pembuli. Ini menyebabkan mangsa buli tiada keyakinan terhadap diri sendiri.

5.3.3 Ciri-Ciri Mangsa Buli Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Di Sarawak

Ciri-ciri mangsa tingkah laku buli yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah ciri-ciri fizikal dan emosi. Ciri-ciri tingkah laku buli dari jenis fizikal yang mendapat min keseluruhan 3.76 merupakan ciri-ciri tingkah laku buli yang paling dominan dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli berbanding dengan ciri-ciri tingkah laku buli emosi mangsa buli (3.19). Dapatan kajian juga mendapati bahawa ciri-ciri fizikal seperti bertubuh kecil, mempunyai kecacatan dan memiliki wajah yang hodoh merupakan ciri-ciri fizikal utama dalam kalangan pelajar-pelajar mangsa buli. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan kenyataan oleh Egan dan Perry (1998), yang menyatakan bahawa mangsa buli mempunyai ciri-ciri fizikal yang lemah.

Pelajar atau individu yang mempunyai kekurangan dari segi ciri-ciri fizikal berpotensi untuk dijadikan mangsa buli oleh rakan-rakan sebaya. Dapatan ini juga selari dengan kajian oleh Noran Fauziah (2004) yang mendapati bahawa pelajar-pelajar yang dibuli mempunyai kelemahan fizikal iaitu bentuk badan yang rendah. Mereka ini jarang dapat mempertahankan diri mereka apabila berhadapan dengan pelajar yang membuli mereka.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa ciri-ciri emosi utama dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli ialah tahap umur yang lebih muda, seorang yang pendiam dan disayangi guru. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Twemlow (2000), yang menyatakan bahawa ciri-ciri emosi dalam kalangan mangsa buli terutama hubungan mereka dengan rakan-rakan dan guru-guru di mana mangsa buli mempunyai ciri-ciri seperti pasif, keseorangan dan tidak popular, namun begitu mereka biasanya dilindungi (disayangi) dalam kalangan guru-guru. Noran Fauziah (2004) dalam kajiannya menyebut bahawa pelajar-pelajar yang dibuli mempunyai nilai diri yang rendah (*low self-esteem*) serta terpisah dari rakan sebaya mereka. Mereka tidak selamat dan biasanya berhati-hati, sensitif dan pendiam. Mereka tidak mempunyai rakan yang ramai dan tidak disukai. Oleh itu, mereka terdedah kepada kecenderungan untuk dikuasai.

Dapatan ini juga selari dengan dapatan kajian Demaray dan Malecki (2003), yang mendapati mangsa buli mempunyai fizikal yang lemah, lebih kecil dan lebih muda berbanding dengan pembuli. Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian Nesbitt (1999), yang merumuskan pelajar yang mempunyai ciri-ciri personaliti yang lemah seperti pemalu, pasif dan tidak bermaya berpotensi untuk menjadi mangsa buli. Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian Nansel *et al.* (2001), iaitu kanak-kanak yang sering menjadi mangsa buli lazimnya akan menonjolkan ciri-ciri tingkah laku dalaman seperti bersikap pasif, sensitif, pendiam, lemah dan tidak akan bertindak balas sekiranya diserang atau diganggu.

5.3.4 Punca-Punca Tingkah Laku Buli Dalam Kalangan Pembuli Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Di Sarawak

Terdapat empat punca tingkah laku buli dalam kalangan pembuli yang dikaji iaitu fizikal, emosi, pengaruh luar dan lokasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa punca-punca tingkah laku buli dari jenis fizikal yang mendapat min keseluruhan 3.93 merupakan punca-punca tingkah laku buli yang paling dominan dalam kalangan pelajar yang menjadi pembuli berbanding punca-punca tingkah laku buli emosi (3.91), pengaruh luar (3.96) dan lokasi (2.96). Punca-punca tingkah laku buli fizikal yang sering dilakukan dalam kalangan pelajar yang menjadi pembuli iaitu untuk menunjukkan dirinya kuat, umurnya lebih tua dan suka berbangga dengan dirinya. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian oleh Salmivalli, Huttunen dan Lagerspetz (1997), yang menyatakan tingkah laku buli berpunca daripada keinginan untuk menunjukkan kekuatan, mencari keseronokan dan memperolehi kuasa, populariti dan status dalam kalangan rakan sebaya. Hasil dapatan ini juga mempunyai persamaan dengan dapatan kajian O'Connel, Pepler dan Craig (1999), iaitu kanak-kanak yang lebih tua secara aktif terlibat dalam kegiatan membuli berbanding kanak-kanak yang lebih muda dan kanak-kanak perempuan.

Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa punca tingkah laku buli emosi yang sering dilakukan oleh pembuli adalah untuk membalas dendam, untuk keseronokan dan tidak suka kepada pelajar tersebut (mangsa buli). Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Zurhana (2006) yang mendapati “membalas dendam” merupakan tingkah laku buli emosi yang paling kerap dilaporkan oleh pelajar sekolah menengah dan rendah di negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor. Dapatan ini juga mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Verlinden, Herson dan Thomas (2000) yang menunjukkan bahawa pembuli membuli dengan tujuan untuk membalas dendam.

Seterusnya, dapatan kajian mendapati punca-punca pengaruh luar yang sering dilakukan dalam kalangan pelajar yang menjadi pembuli di SMKA adalah akibat dipengaruhi rakan, juga disebabkan semua rakan suka membuli orang lain dan

pembuli pernah dibuli oleh pelajar lain sebelumnya. Dapatan ini selari dengan dapatan oleh O'Connell, Pepler dan Craig (1999) di mana mereka mendapati rakan sebaya memainkan peranan yang tidak kurang penting terhadap perkembangan dan pengekalan tingkah laku buli, sikap anti sosial dan salah laku-salah laku lain dikalangan kanak-kanak. Pembuli secara tidak langsung mencapai kesedaran tentang kuasa dan menerima pengukuhan sosial melalui rakan sebaya terhadap tingkah laku buli yang mereka lakukan terhadap mangsa. Pembuli lazimnya akan melihat tingkah laku dan aksi ganas sebagai sumber status sosial atau cara yang efektif untuk menyelesaikan masalah.

Dapatan kajian ini menyokong Teori Pembelajaran Sosial yang menjadi model kajian ini di mana Teori Pembelajaran Sosial menekankan kepada proses peniruan sebagai bertanggungjawab kepada pembelajaran tingkah laku. Pemerhatian tingkah laku orang lain merupakan sebagai proses peniruan yang akan membentuk tingkah laku agresif seseorang. Peniruan melalui pemerhatian merupakan satu proses pembelajaran tanpa penglibatan pengalaman lepas secara langsung (Renfrew, 1997). Sehubungan dengan itu, salah satu punca pembuli membuli orang lain iaitu “semua rakan suka membuli orang lain” adalah merupakan salah satu proses peniruan yang membentuk tingkah laku pelajar tersebut.

Teori Pembelajaran Sosial juga menekankan peranan model dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang. Latihan pemerhatian atau modeling adalah amat penting dalam pembentukan tingkah laku agresif seperti buli (Renfrew, 1997). Ibu bapa dan rakan sebaya merupakan model bagi kanak-kanak. Jika ibu bapa menunjukkan tingkah laku agresif di hadapan kanak-kanak, kanak-kanak itu akan meniru tingkah laku tersebut. Rakan sebaya juga boleh menjadi model bagi tingkah laku agresif seperti buli.

Pengalaman lampau sebagai mangsa buli akan menyebabkan kanak-kanak tersebut bertindak untuk membuli orang lain sebagai mekanisme bela dirinya untuk merasai dirinya adalah individu yang berkuasa (Stevens, Bourdeaudhuij dan Oost, 1993). Justeru itu, dapatan kajian juga mendapati punca pelajar menjadi pembuli adalah

disebabkan mereka pernah dibuli oleh pelajar lain sebelumnya. Dapatan ini menyokong Teori Psikoanalisis yang melihat keagresifan adalah naluri semula jadi manusia dan ia tidak dapat dielakkan daripada realiti kehidupan manusia (Glassman, 1995). Menurut Teori Psikoanalisis, struktur personaliti individu terdiri daripada *id*, *ego* dan *superego*. *Id* akan mendorong pembuli bertingkah laku buli di mana *ego* berfungsi sebagai pemikiran, persepsi dan kawalan motor yang akan menilai secara tepat keadaan persekitaran. Jika pembuli mempunyai pengalaman dibuli, maka *id* akan berfungsi secara semula jadi walaupun *ego* membentuk mekanisma khusus yang dikenali sebagai mekanisma bela diri. Mekanisma-mekanisma ini termasuklah repressi, penyingkiran dan pengukuhan pola-pola tingkah laku yang secara langsung bertentangan dengan keperluan persekitaran. Melalui pengalaman lampau, pembuli akan menggunakan mekanisma bela diri untuk mengelakkan dirinya daripada menjadi mangsa buli sekali lagi.

Kajian ini juga mendapati bahawa punca-punca tingkah laku buli lokasi yang tertinggi dilakukan dalam kalangan pembuli adalah seperti kawasan asrama yang jarang dilawati warden, kelas yang tidak diawasi guru dan kawasan kantin yang terlalu sesak. Dapatan kajian ini agak selari dengan dapatan kajian oleh Olweus dan Limber (1999) yang mendapati bahawa bilik darjah merupakan lokasi yang paling banyak dilaporkan berlakunya masalah tingkah laku buli. Kajian oleh Noran Fauziah (2004) juga mendapati bahawa bilik darjah merupakan tempat yang paling mudah berlakunya tingkah laku buli.

Namun begitu, dapatan kajian berbeza dengan kajian oleh Borg (1998), yang mendapati bahawa padang permainan merupakan lokasi paling kerap berlakunya tingkah laku buli, diikuti dengan kawasan koridor.

Menurut Pearce dan Thompson (1998), persekitaran dan budaya sekolah turut mempengaruhi interaksi, aktiviti dan tingkah laku pelajar di sekolah. Pengurusan serta pengawasan disiplin sekolah yang lemah akan mengakibatkan wujudnya tingkah laku buli di sekolah. Tingkah laku buli juga berpotensi untuk wujud dalam kalangan pelajar akibat daripada keadaan kelas yang sesak serta kekurangan guru di sekolah akan menyebabkan pelajar tidak dapat diselia dan dikawal dan akhirnya akan

menjadi penyumbang kepada berlakunya tingkah laku buli dalam kalangan pelajar di sekolah.

5.3.5 Punca-Punca Tingkah Laku Buli Dalam Kalangan Mangsa Buli Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Di Sarawak

Kajian ini menumpukan empat punca-punca tingkah laku buli dalam kalangan mangsa buli di SMKA iaitu fizikal, emosi, pengaruh luar dan lokasi. Hasil kajian mendapati bahawa punca-punca tingkah laku buli dari jenis fizikal yang mendapat min keseluruhan 3.77 merupakan punca-punca tingkah laku buli yang paling dominan dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli berbanding dengan punca-punca tingkah laku buli emosi (3.23), pengaruh luar (3.41) dan lokasi (3.10). Dapatan kajian ini mendapati punca tingkah laku buli fizikal yang sering berlaku dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli adalah seperti umurnya yang lebih muda, tubuh badan yang nampak kelakar dan tidak disukai oleh pelajar tersebut (pembuli). Dapatan ini disokong oleh dapatan kajian Boulton dan Underwood (1992), yang mendapati isu ketidakmampuan mangsa buli adalah berkait rapat dengan ketidakupayaan atau kekurangan mereka dari aspek fizikal dan psikologi, penyisihan sosial, keseorangan, rasa tidak selamat dan esteem sendiri yang lemah. Punca-punca ketidakupayaan dan kekurangan ini seolah-olah cermin yang menggambarkan mangsa buli. Oleh yang demikian, jika pembuli dikategorikan sebagai individu yang berkuasa maka mangsa buli pula dikategorikan sebagai individu yang tidak berdaya atau tidak berkuasa. Dapatan ini juga mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Egan dan Perry (1998), iaitu mangsa buli juga mempunyai keupayaan fizikal yang lemah. Pelajar atau individu yang mempunyai kekurangan dari segi fizikal, tahap kebimbangan yang tinggi dan kemahiran sosial yang rendah berpotensi untuk dijadikan mangsa buli oleh rakan-rakan sebaya.

Punca tingkah laku buli emosi yang sering berlaku dalam kalangan mangsa buli dalam kalangan pelajar SMKA adalah untuk membalas dendam, bersikap

pendiam dan suka berbangga dengan dirinya. Pelajar yang menjadi mangsa buli biasanya merupakan pelajar yang disayangi guru kerana kebolehan mereka dalam bidang akademik. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Noran Fauziah (2004) yang menyatakan, ada pelajar-pelajar yang pandai dalam pelajaran mereka tetapi tidak mahu berkongsi kerja sekolah dengan pelajar lain menerima nasib sebagai sasaran buli.

Dapatan ini mempunyai sedikit persamaan dengan dapatan kajian Nesbitt (1999), yang mendapati pelajar yang menjadi mangsa buli disebabkan mereka berpersonaliti lemah seperti pemalu, pasif dan tidak bermaya. Mereka merupakan pelajar yang tidak mempunyai keyakinan diri dan kurang popular dalam kalangan rakan sebaya. Kelemahan psikologikal yang dimiliki oleh para pelajar ini seolah-olah memberi isyarat kepada pembuli bahawa mereka adalah individu atau pelajar yang mudah untuk dibuli. Pembuli sering menganggap bahawa kelompok pelajar ini merupakan individu yang tidak mampu untuk bertindak balas terhadap tindakan buli yang dilakukan. Dapatan kajian Nansel *et al.* (2001) juga mendapati kanak-kanak yang sering menjadi mangsa buli lazimnya akan menonjolkan tingkah laku dalaman seperti bersikap pasif, sensitif, pendiam, lemah dan tidak akan bertindak balas sekiranya diserang atau diganggu.

Kajian ini mendapati punca tingkah laku buli pengaruh luar yang berlaku dalam kalangan mangsa buli adalah seperti tidak mempunyai kawan dalam kelas, keluarganya miskin dan guru yang tidak pernah marah kepadanya. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Seppa (1996), yang mendapati mangsa buli mempunyai sikap suka menyendiri dan tidak mempunyai rakan untuk melindungi atau berkongsi masalah. Pelajar dalam kelompok ini merupakan pelajar yang disisihkan oleh orang lain. Mangsa buli daripada kalangan pelajar yang suka menyendiri ini dianggap sebagai “mangsa buli klasik” oleh pembuli terutama sekali jika mangsa tersebut mudah menangis dan kurang melawan atau bertindak balas.

Seterusnya, kajian ini juga mendapati punca tingkah laku buli lokasi yang berlaku dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli di SMKA adalah kawasan

asrama yang jarang dilawati oleh warden, kelas yang tidak diawasi guru dan guru tidak mengawasi pelajar ketika bermain dipadang permainan. Dapatan ini mempunyai sedikit persamaan dengan dapatan kajian Borg (1998), yang mendapati bahawa padang permainan dan bilik darjah merupakan lokasi paling kerap berlakunya tingkah laku buli, diikuti dengan kawasan koridor. Dapatan ini juga selari dengan hasil kajian oleh Olweus dan Limber (1999), yang mendapati bahawa bilik darjah merupakan lokasi yang paling banyak dilaporkan berlakunya masalah tingkah laku buli. Ini menyebabkan pelajar merasakan mereka merasa kurang selamat dan tidak selesa dengan kehidupan disekolah.

5.3.6 Kesan Tingkah Laku Buli Terhadap Pembuli Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Di Sarawak

Kesan tingkah laku buli terhadap pembuli yang dikaji ialah kesan dari segi fizikal dan emosi. Dapatan kajian membuktikan bahawa kesan tingkah laku buli dari jenis fizikal yang mendapat min keseluruhan 4.29 merupakan kesan-kesan tingkah laku buli yang paling dominan dalam kalangan pelajar yang menjadi pembuli berbanding dengan kesan tingkah laku buli emosi iaitu 4.02. Kesan-kesan fizikal akibat bertingkah laku buli dalam kalangan pembuli adalah seperti suka melanggar peraturan sekolah, suka mencederakan orang lain dan terlibat dengan jenayah. Dapatan ini selari dengan dapatan Olweus (1971) yang mendapati tingkah laku buli adalah penyumbang kepada perlakuan ganas di sekolah (Olweus, 1978). Dapatan ini juga selari dengan dapatan Ma *et al.* (2001) yang menyatakan bahawa tingkah laku buli juga mempunyai kesan yang mendalam kepada para pelajar dan lazimnya membawa kepada keganasan dan malapetaka yang buruk kepada pembuli. Seterusnya, dapatan kajian ini juga menyokong dapatan kajian Beale (2001), yang mendapati bahawa perlakuan buli memberi kesan buruk terhadap mangsa buli dan juga pembuli. Kanak-kanak yang dikenal pasti sebagai pembuli adalah tiga kali ganda cenderung untuk melanggar undang-undang apabila mencapai umur 30 tahun.

Kesan-kesan emosi yang wujud dalam kalangan pelajar yang menjadi pembuli di SMKA pula adalah bersikap lebih angkuh, menjadi lebih berani dan suka menekan rakan sebaya. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Berthold dan Hoover (2000), yang mendapati pembuli lebih suka tinggal di rumah tanpa ada pengawasan orang dewasa. Mereka akan menghisap rokok, minum arak, menipu semasa ujian dan membawa senjata ke sekolah. Pembuli juga akan menekan rakan sebaya mereka dengan mengarahkan mereka melakukan tingkah laku berisiko tinggi seperti merokok dan minum arak.

5.3.7 Kesan Tingkah Laku Buli Terhadap Mangsa Buli Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Di Sarawak

Kajian ini menyentuh dua aspek berkaitan kesan tingkah laku buli iaitu kesan fizikal dan kesan emosi. Kesan tingkah laku buli dari fizikal yang mendapat min keseluruhan 3.71 merupakan kesan-kesan tingkah laku buli yang paling dominan dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli berbanding dengan kesan tingkah laku buli emosi iaitu 3.63.

Kesan-kesan fizikal yang wujud akibat tingkah laku buli dalam kalangan mangsa buli di SMKA adalah seperti tidak mahu datang ke sekolah, suka ponteng sekolah dan tidak suka melakukan aktiviti berkumpulan. Dapatan ini agak selari dengan hasil kajian oleh Berthold dan Hoover (2000), yang mendapati kesan tingkah laku buli terhadap mangsa buli di antaranya ialah lebih suka memerap di rumah daripada pergi ke sekolah demi menjaga keselamatan diri masing-masing. Dapatan ini juga menyokong dapatan kajian Ma *et al.* (2001), yang mendapati mangsa buli lazimnya akan cenderung untuk ponteng sekolah, mengalami penghargaan sendiri yang rendah dan dalam kes-kes yang kronik, mereka akan lari dari rumah, bunuh diri atau membunuh pembuli.

Manakala dapatan kajian mendapati wujud kesan-kesan emosi seperti selalu risau apabila berada di sekolah, malu bergaul dengan rakan-rakan dan rasa ingin

bunuh diri dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli di SMKA. Kajian Berthold dan Hoover (2000), yang mendapati kesan tingkah laku buli terhadap mangsa buli di antaranya ialah cenderung untuk mengalami kerisauan dan mereka membenci diri sendiri mempunyai persamaan dengan hasil dapatan kajian ini.

Seterusnya, dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian Borg (1998), yang mendapati bahawa mangsa buli melaporkan bahawa mereka merasa amat marah dan hilang harga diri masing-masing selepas kejadian dibuli. Mangsa buli merasakan demikian kerana ketidaksanggupan dan ketidakupayaan guru untuk melindungi mangsa terbabit. Dapatan kajian Beale (2001) juga menyatakan bahawa perlakuan buli memberi kesan buruk terhadap mangsa buli di mana mereka akan menderita dari aspek sosial dan akademik. Ini akan mengakibatkan mereka memilih untuk bunuh diri dan ianya merupakan akibat yang paling kronik. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan dapatan oleh Nansel *et al.* (2001), yang menyatakan bahawa remaja yang sering menjadi mangsa buli lazimnya akan menonjolkan ciri-ciri tingkah laku dalaman yang negatif seperti bersikap pasif, sensitif, pendiam, lemah dan tidak akan bertindak balas sekiranya diserang atau diganggu. Secara umumnya kanak-kanak ini kurang berkeyakinan. Mereka mempunyai penghargaan sendiri yang rendah dan sering menganggap diri mereka sebagai individu yang tidak dapat menyesuaikan diri, tertekan dan sentiasa dalam kebimbangan.

5.3.8 Keberkesanan Program Pencegahan Sedia Ada Dalam Mengatasi Masalah Tingkah Laku Buli Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Di Sarawak

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan program-program pencegahan tingkah laku buli dalam kalangan pelajar-pelajar yang telah dan sedang dilaksanakan di SMKA. Dapatan kajian mendapati bahawa “Program sekolah angkat melalui kerjasama Polis” merupakan program pencegahan yang paling tinggi keberkesanannya mengikut pandangan responden dalam kajian ini dengan min skor

3.93. Terdapat seramai 183 atau 45.8% orang responden menyatakan program tersebut berkesan dan seramai 125 (31.3%) orang responden pula menyatakan program tersebut sangat berkesan dalam mengatasi masalah tingkah laku buli. Dapatan ini selari dengan dapatan oleh Abdul Latif (2005), yang mendapati guru-guru percaya bahawa Program Sekolah Angkat melalui kerjasama pihak Polis dan pihak sekolah berkesan untuk mencegah dan menangani masalah tingkah laku buli di sekolah.

Seterusnya, dapatan kajian juga mendapati bahawa “Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti di sekolah” merupakan salah satu program pencegahan tertinggi dari aspek keberkesannya dalam mengatasi masalah tingkah laku buli dalam kalangan pelajar-pelajar SMKA di Sarawak. Penglibatan ibu bapa yang menyeluruh terhadap program-program sekolah dapat membantu pihak sekolah mencegah dan menangani masalah tingkah laku buli di sekolah. Dapatan ini disokong oleh kajian Banks (2000), yang mendapati bahawa pihak sekolah berjaya membentuk persekitaran yang selamat dengan menyediakan program-program serta polisi-polisi yang positif melalui kerjasama erat antara komuniti sekolah, ibu bapa dan masyarakat. Dapatan kajian Halbig (2000) juga mempunyai persamaan iaitu mereka mendapati bahawa sekolah dan komuniti harus merungkai kod tersirat remaja berkenaan ancaman keganasan. Sekolah perlu kepada karektur pendidikan, penekanan galakan pendidikan, mengambil berat dan bertanggung jawab, perbincangan yang kerap tentang kod disiplin sekolah, perbincangan formal tentang keselamatan sekolah dengan ibu bapa dan protokol bagi menangani laporan kemungkinan wujudnya tingkah laku ganas di sekolah.

5.4 Cadangan Dan Implikasi Kajian

Hasil daripada rumusan dan perbincangan di atas, pengkaji mencadangkan beberapa langkah yang perlu bagi mengatasi masalah tingkah laku buli dalam kalangan pelajar SMKA di Sarawak.

5.4.1 Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tingkah laku buli masih berlaku di SMKA di Sarawak. Justeru itu, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, JPN, PPG, pentadbir sekolah dan guru-guru tidak boleh memandang ringan masalah atau gejala buli dalam kalangan pelajar sekolah. Tindakan dan program yang berterusan mencegah aktiviti buli di sekolah perlulah dilipat gandakan serta dinilai keberkesannya. Pelbagai pendekatan harus dilakukan demi mencegah tingkah laku buli dari terus berleluasa. Salah satu contoh pendekatan iaitu dicadangkan oleh Rigby (1996) di mana beliau menggunakan tiga pendekatan untuk menangani masalah tingkah laku buli iaitu;

- i- Pendekatan moral iaitu pendekatan ini menghendaki pelajar-pelajar mematuhi semua peraturan dan nilai yang ditetapkan oleh sekolah. Secara unggul, pendekatan ini menegaskan bahawa semua salah laku dan pembuli akan dikenakan tindakan yang serius.
- ii- Pendekatan undang-undang iaitu berdasarkan kepada peraturan atau undang-undang yang ditetapkan dalam Ordinan Pelajaran dan melalui pekeliling Ikhtisas Kementerian Pelajaran atau peraturan sekolah itu sendiri. Ianya disampaikan kepada pelajar melalui buku undang-undang sekolah.
- iii- Pendekatan kemanusiaan iaitu lebih bersifat kemanusiaan. Ia satu pendekatan di mana pembuli akan bertemu dengan guru disiplin atau kaunselor dalam perbincangan tertutup untuk mendengar alasan, perasaan dan motif tindakan pembuli. Kaunselor menggunakan pendekatan ini supaya pembuli dapat mengubah tingkah laku, perasaan dan pemikirannya ke arah kebaikan. Pendekatan kemanusiaan dalam bentuk keagamaan seperti solat berjemaah, tazkirah dan sebagainya dalam kalangan pentadbir, guru dan pelajar perlu dilaksanakan.

- 5.4.2 Dapatan kajian juga mendapati bahawa jenis tingkah laku buli verbal merupakan perlakuan buli yang lebih kerap berlaku dalam kalangan pelajar SMKA. Dalam kebanyakan kes, tingkah laku buli verbal akan berterusan dan menjurus ke arah tingkah laku buli fizikal dalam kalangan pembuli terhadap mangsa buli. Ini disebabkan tindak balas mangsa buli terhadap tingkah laku membuli oleh pembuli. Oleh itu, peranan pihak guru juga dirasakan penting selain penglibatan ibu bapa untuk mengenal pasti punca sebenar berlakunya aktiviti buli secara verbal. Program-program pengukuhan kepada setiap pelajar iaitu pendedahan kepada aspek-aspek tertentu untuk meningkatkan harga diri, emosi, konsep sendiri daripada negatif kepada positif dan sebagainya perlu sentiasa diterapkan.
